

Naskhah ini belum disemak

**PARLIMEN KEDUABELAS
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 7

Selasa

7 April 2009

K A N D U N G A N

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

- Cuti Kepada Ahli (Halaman 1)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

USUL:

- Pelantikan Ahli-Ahli Jawatankuasa Pemilih
Di Bawah Peraturan Mesyuarat 70(1) (Halaman 25)

RANG UNDANG-UNDANG:

- Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2009) 2009 (Halaman 26)
- Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2008) 2009 (Halaman 80)

MALAYSIA**DEWAN NEGARA****SELASA, 7 April 2009****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**CUTI KEPADA AHLI – KEBENARAN**

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri Mesyuarat di bawah Perkara 52(2), Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Berhormat Tuan Haji Shamsudin bin Mehat dari 30 Mac 2009 sehingga 8 April 2009.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah** minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan, kemajuan dalam usaha biodiesel daripada minyak kelapa sawit dan sejauh mana usaha ini boleh menolong menyelesaikan masalah stok minyak kelapa sawit negara.

Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu]: Tuan Yang di-Pertua, kementerian melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia atau MPOB telah berusaha untuk mengeluarkan minyak biodiesel daripada minyak kelapa sawit semenjak 20 tahun yang lalu. Hasil daripada penyelidikan secara menyeluruh terhadap bidang biodiesel sawit, MPOB telah berjaya membangunkan dan mengkomersialkan teknologi biodiesel bagi pengeluaran biodiesel *normal grade* dan *winter grade*. Selain itu, piawaian Malaysia untuk biodiesel iaitu *Malaysian Palm Oil Methyl Ester Standard MS2008* juga telah dibangunkan dan juga diluluskan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi pada 23 Julai 2008.

Industri biodiesel merupakan salah satu industri hiliran sawit yang sedang membangun. Sehingga akhir bulan Februari 2009, sebanyak 14 kilang biodiesel telah didirikan dengan jumlah kapasiti pengeluaran sebanyak RM1.67 juta tan setahun. Walaupun bekalan minyak sawit tempatan sebagai sumber bahan mentah adalah mencukupi, kapasiti pengeluaran biodiesel masih rendah berikutan faktor-faktor berikut:

- (i) harga bahan mentah iaitu minyak sawit;
- (ii) harga minyak fosil atau petroleum;

- (iii) isu-isu kemapanan yang kerap dibangkit oleh Kesatuan Eropah; dan
- (iv) subsidi eksport biodiesel yang dikenakan oleh Amerika Syarikat.

Kementerian juga telah melaksanakan penggunaan adunan 5% bio bahan api metil ester dengan 95% diesel fosil atau B5 secara berperingkat oleh kenderaan-kenderaan kerajaan di Wilayah Persekutuan pada 3 Februari 2009. Ini adalah diikuti dengan sektor industri dan sektor pengangkutan dan pelaksanaan secara mandatori adunan bio bahan api dengan diesel adalah pada awal tahun 2010. Berdasarkan kepada anggaran jumlah penggunaan diesel di Malaysia, adalah sebanyak 10.257 juta tan setahun. Maka melalui pelaksanaan sepenuhnya penggunaan B5 ini di Malaysia, sejumlah 512,825 tan biodiesel setahun akan diperlukan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, stok minyak sawit mentah negara ini telah menurun dengan ketara sebanyak 31% kepada paras stok minyak sawit negara yang terendah iaitu 1.561 juta tan pada akhir bulan Februari 2009 berbanding dengan stok yang tertinggi sebanyak 2.266 juta tan pada akhir bulan November 2008. Penurunan ini dipengaruhi oleh faktor musim pengeluaran yang menurun, di samping minyak eksport sawit yang memberangsangkan bagi tempoh berkenaan. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Dato' Hajah Saripah Aminah, selepas itu Dato' Gooi Hoe Hin.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam laporan *Oil World Annual Report – Oil Weekly*, Malaysia berada di tangga kedua di belakang Indonesia. Apakah cadangan kementerian bagi meningkatkan kedudukan kita oleh sebab negara-negara dari Amerika Selatan, negara Brazil contohnya, dilaporkan tengah giat untuk menangani kita di bidang kelapa sawit dan juga biodiesel ini. Terima kasih.

Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya kalau kita lihat seperti yang diberitahu tadi iaitu terdapat beberapa faktor yang menyebabkan kelewatan dalam pencapaian yang memberangsangkan iaitu terutamanya dalam biodiesel. Antaranya ialah pertama sekali ialah harga bahan mentah iaitu minyak sawit itu sendiri. Hari ini harga minyak sawit sudah pun melambung tinggi pula iaitu berada dalam paras lebih kurang RM2,200. Jika dibandingkan tahun lalu di mana harga jatuh sehingga RM1,300. Jadi inilah merupakan satu faktor utama.

Di samping itu, faktor-faktor lain juga iaitu kita juga menghadapi tentangan ataupun kritikan dari Europe Union atau EU, khususnya penggunaan minyak sawit dalam biodiesel. Namun begitu, kalau kita lihat sebenarnya *target* yang kita gunakan untuk penggunaan minyak sawit ini dalam biodiesel ini adalah sebanyak *6 million tone*.

■1010

Akan tetapi yang hanya dicapai sehingga sekarang hanya 3% sahaja. Ini adalah kerana harga di antara *fossil fuel* dengan harga minyak sawit. Kalau harga *fossil fuel* meningkat lebih tinggi, maka mungkin permintaan untuk *bio-diesel* daripada minyak sawit ini akan meningkat. Akan tetapi kalau harga minyak sawit itu sendiri meningkat lebih tinggi daripada harga *fossil*

petroleum, maka ini akan menyebabkan kelewatan ataupun kegagalan dalam proses *bio-diesel* ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dato' Gooi Hoe Hin.

Dato' Gooi Hoe Hin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Syabas dan tahniah kepada kementerian atas usaha gigih dalam mengembangkan biodiesel. Namun nampaknya ada dua isu yang penting iaitu isu keselamatan, *sustainable* yang kononnya minyak sawit kita tidak mapan dan keduanya isu subsidi Amerika Syarikat. Kedua-duanya menjadi satu rintangan besar terhadap pengeksportan biodiesel. Soalan tambahan saya ialah, apakah langkah-langkah dan tindakan supaya proaktif untuk menindas sehabis-habisnya tohmahan terhadap minyak sawit kita yang kononnya tidak mapan.

Tuan A. Kohilan Pillay a/I G. Appu: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya ini merupakan satu cabaran yang kita hadapi bukan baru sahaja, tetapi cabaran ini merupakan yang berterusan. Terutamanya kita menghadapi kritikan demi kritikan dari negara-negara *Europe* khususnya mengatakan pengeluaran minyak sawit di negara kita ini tidak mapan dan seolah-olah kita membunuh Orang Utan di negara kita serta kita melakukan penebangan secara berleluasa.

Namun beberapa seminar dan juga lawatan telah diadakan ke EU, di mana telah membuktikan kita masih meneruskan usaha kita melalui beberapa *road-show* yang diadakan bahawa pengeluaran kita ini adalah pengeluaran yang mapan, tidak menjejaskan. Ada juga negara yang percaya bahawa penanaman kelapa sawit ini adalah satu tanaman tahunan, maknanya kita tebang setiap tahun. Sebenarnya ini tidak betul di mana ia adalah agak panjang iaitu lebih 25 tahun. Jadi, inilah yang kita sedang buktikan kepada negara-negara terutamanya EU.

Di samping itu kita tidak menghadapi masalah kekurangan bahan untuk makanan dan sebagainya, seperti mana yang saya beritahu tadi iaitu lebih kurang daripada *18 million tpe* sawit yang kita keluarkan hanya *6 million tone* sahaja kita peruntukkan untuk biodiesel. Daripada *6 million* tan itu baru 3% sahaja digunakan sepenuhnya. Maksudnya masih *under capacity* lagi. Namun kita masih teruskan usaha-usaha untuk menerangkan kepada EU bahawa kita ini adalah *environment friendly*. Di samping itu kita juga tidak membunuh Orang-orang Utan seperti mana yang mereka uar-uarkan di negara mereka. *Even* di kebanyakan pasar raya mereka dan sebagainya, ada daripada mereka ini yang memakai maskot Orang Utan dan kata, "*You buy this oil but you are killing us*". Macam itu. Namun kita sedang memerangi keadaan-keadaan ini dan kami akan terus melakukan usaha-usaha ini untuk menstabilkan dan memastikan kita tidak terus mendapat kritikan seperti ini. Sekian.

2. Tuan Pau Chiong Ung minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) apakah tindakan akan dikenakan ke atas mereka yang terpilih menyertai PLKN tetapi gagal melaporkan diri ke Kem PLKN; dan
- (b) apakah tindakan kementerian yang diambil oleh ke atas mereka yang meminta penangguhan bagi memasuki PLKN kerana melanjutkan pelajaran di dalam/luar negara.

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Wira Abu Seman Yusop]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

- (a) Mengikut seksyen 18(1), Akta Latihan Khidmat Negara 2003, mana-mana orang yang telah dipilih tetapi ingkar daripada mengikuti Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) tanpa alasan yang munasabah adalah dianggap melakukan satu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM3,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali. Sehubungan dengan itu bagi mereka yang melakukan kesalahan ini, nama-nama mereka akan diserahkan kepada pihak Polis Diraja Malaysia dalam tempoh terdekat bagi membolehkan siasatan dijalankan sebelum tindakan tegas diambil terhadap mereka.

Tuan Yang di-Pertua,

- (b) Bagi mana-mana calon yang terpilih untuk mengikuti PLKN dan memohon penangguhan kerana melanjutkan pelajaran sama ada di dalam atau di luar negara, Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) atas permohonan yang dibuat oleh calon akan meluluskan tempoh penangguhan yang selaras dengan tempoh tahun pembelajaran calon tersebut menurut peruntukan di bawah Seksyen 20, Akta Latihan Khidmat Negara 2003. Walau bagaimanapun setelah tamat tempoh pembelajaran calon tersebut akan dipanggil semula untuk menjalani PLKN, tetapi tertakluk kepada umur mereka tidak melebihi 35 tahun.

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan Osman Bungsu dan selepas itu Tuan Pau Chiong Ung.

Tuan Osman bin Bungsu: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya ialah statistik yang kita minta, penangguhan yang dibuat sejak tahun 2007 hingga 2008. Soalan kedua, adakah langkah atau peraturan yang telah dibuat untuk memastikan peserta yang membuat penangguhan ini diberi keutamaan dalam pengambilan tahun berikutnya? Terima kasih.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sehubungan dengan data berkaitan dengan penangguhan bagi tahun 2007 dan 2008 yang telah diluluskan, bagi tahun 2007 seramai 12,119 orang dan bagi tahun 2008 seramai 12,257 orang. Kalau daripada tarikh mula pelaksanaan program PLKN ini sehingga 2009, jumlah yang telah mendapat kelulusan penangguhan adalah seramai 61,801 orang. Dari segi pengambilan bagi mereka yang telah diluluskan penangguhan ini, bahawa mereka diberi prioriti untuk mengikuti program selepas mereka tamat latihan.

Tuan Pau Chiong Ung: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan tadi. Soalan tambahan saya ialah sejak PLKN ditubuhkan berapa ramai yang gagal melaporkan diri telah diambil tindakan dan jenis

tindakan. Soalan kedua ialah terdapat banyak aduan daripada ibu bapa kerana tidak menerima apa-apa jawapan rasmi daripada pihak PLKN atas permohonan penangguhan. Adakah permohonan penangguhan itu akan diluluskan secara automatik? Sekian, terima kasih.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan kelulusan penangguhan ia bukan dibuat secara automatik. Ia adalah dibuat atas permohonan yang dibuat oleh pihak calon sendiri. Kalau terlambat memberi jawapan mungkin permohonan yang dibuat oleh peserta adalah lambat. Sehubungan dengan jumlah tindakan yang telah diambil oleh pihak kerajaan, daripada segi data yang ada, bagi calon ataupun pelatih yang ingkar dan telah didakwa di bawah seksyen 18(1), Akta Latihan Khidmat Negara 2003 seramai tiga orang telah diambil tindakan, di mana telah dijatuhkan hukum sepertimana yang termaktub dalam seksyen 18(1), Akta Latihan Khidmat Negara 2003.

■1020

3. **Datuk Maijol bin Mahap** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, apakah perancangan dan tindakan yang diambil oleh kerajaan untuk memberikan perumahan secara percuma kepada rakyat termiskin.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah I [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan ini saya sudah jawab dengan panjang lebar dalam ucapan saya, dalam ucapan penggulungan saya hari kelmarin, tetapi walau bagaimanapun, saya juga ingin menambah sedikit sebanyak terutama sekali berkaitan dengan orang-orang yang kita berikan keutamaan atau *top priority*, di bawah Skim Program Bantuan Rumah ini kepada orang-orang miskin.

Keutamaan yang akan diberikan kepada golongan yang tidak produktif, sama ada ketua isi rumah miskin tegar yang tua, iaitu berumur 65 tahun ke atas atau uzur dan cacat serta ibu ayah tunggal yang mempunyai tanggungjawab yang ramai. Lain-lain itu saya sudah jawab kelmarin Tuan Yang di-Pertua. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Datuk Maijol Mahap, selepas itu Dato' Haji Ahmad Rusli dan Tuan Ahmad bin Hussin.

Datuk Maijol bin Mahap: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pertanyaan tambahan saya ialah, untuk membolehkan Pakej Rangsangan Ekonomi lebih dirasai dan lebih dinikmati oleh rakyat, adakah kerajaan bercadang untuk memberi baucar, atau wang percuma kepada golongan miskin, sebagai sebahagian daripada pakej rangsangan ekonomi, seperti yang dibuat di negeri lain Thailand misalnya, dan tidakkah kerajaan bercadang untuk memberi peruntukan yang lebih besar untuk perumahan percuma ini kepada golongan miskin, daripada membina projek-projek yang mega, yang besar, terima kasih.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Tuan Yang di-Pertua, menyentuh dengan pemberian baucar yang di sentuh oleh Ahli Yang Berhormat sebentar tadi, maka kita belum ada perancangan sebenarnya tetapi kalaulah cadangan ini merupakan satu cadangan yang paling

baik, di mana kita boleh membantu orang-orang yang terdiri daripada miskin tegar, maka kita boleh berbincang dan boleh dapat pertimbangan dengan sewajarnya.

Kedua ialah berkaitan dengan penambahan, berkaitan dengan penambahan peruntukan yang akan diberi untuk membina rumah-rumah orang-orang termiskin ini. Pada masa-masa yang lampau, harga pemberian miskin tegar ini, kita memberikan lebih kurang RM30 ribu lebih tetapi sekarang ia telah dinaikkan sehingga RM42 ribu oleh sebab memandangkan harga *building material* kita ini meningkat.

Jadi untuk sementara waktu saya berpendapat, itu memadai oleh sebab rumah yang dibina daripada perumahan itu merupakan satu rumah yang lebih selesa. Jadi peruntukan yang sedia sekarang itu pada pendapat saya adalah mencukupi.

Timbalan Yang di-Pertua: Datuk Haji Ahmad Rusli.

Dato' Haji Ahmad Rusli bin Haji Iberahim: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, daripada penjelasan kerajaan semasa ucapan penggulungan dan pada hari ini kita lihat suatu usaha yang cukup murni bagi memastikan golongan termiskin ini, dapat dibela. Soalan tambahannya ialah, adakah kerajaan bersedia ataupun bercadang untuk melaksanakan usaha bersama-sama pohon izin dengan syarikat-syarikat GLC kerajaan bagi memastikan mereka ini turut serta sebagai satu tanggungjawab sosial kepada negara. Terima kasih.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Tuan Yang di-Pertua, dasar kerajaan sekarang ini pun sudah tersedia ada terutama sekali berkaitan dengan *social responsibility*, syarikat-syarikat gergasi ini. Jadi di dalam perkara ini, terutama sekali di dalam pemberian perumahan ini kita beri dan berbincang dengan syarikat-syarikat berkenaan, kalau mereka bersedia memberi pertolongan kepada kerajaan, untuk memberi peruntukan dalam usaha kerajaan untuk mengeluarkan orang-orang termiskin daripada miskin tegar. Maka kita alu-alukan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Tuan Ahmad bin Hussin.

Tuan Ahmad bin Hussin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan saya, siapakah yang akan menentukan seseorang itu untuk mendapat rumah secara percuma, dalam situasi terlalu ramai mereka yang terlibat dalam golongan PPRT. Kedua, setakat ini berapa ramai Orang-Orang Asli yang telah diberi kemudahan di bawah rancangan ini. Sekian, terima kasih.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, apabila kita mengenal pasti siapa orang yang layak untuk mendapat bantuan perumahan daripada kerajaan ini. Kita bergantung semata-mata daripada pegawai-pegawai di bawah, kita mengumpul semua data itu seperti mana yang saya cakapkan tadi itu, orang itu terdiri daripada yang tidak produktif, miskin tegar juga, dan berumur 65 tahun ke atas, cacat, ibu atau ayah tunggal yang mempunyai tanggungan yang ramai.

Jadi kadangkala kita mempunyai masalah, oleh sebab apabila kita membuat *survey* di bawahan melalui pegawai daerah, pegawai-pegawai tertentu. Kadangkala maklumat yang kita dapat itu, tidak berapa tepat tetapi walau bagaimanapun, kami juga turun ke padang untuk

melihat kesemua ini. Berkaitan dengan soalan kedua ialah berkaitan dengan berapakah kemudahan yang diberi oleh kerajaan kepada Orang-Orang Asli.

Sebenarnya kelmarin saya menyentuh kesemua ini, pada tahun ini kita diberi tambahan, kita telah diberi tambahan untuk membina rumah lebih kurang 1818 buah rumah khas untuk Orang-Orang Asli ini, dan pelaksanaan projek ini sekarang sedang di dalam proses.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, silakan Tuan Rawisandran a/l Narayanan.

Datuk Chandrasekar Suppiah: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, bagi pihak tuan Rawisandran, soalan nombor empat.

4. Tuan Rawisandran a/l Narayanan [Di bawah P.M 23(2)] minta Menteri Kewangan menyatakan, apakah pakej yang akan dirancang oleh kementerian kepada permintaan yang tidak mampu membayar balik pinjamannya akibat kehilangan mata pencarian daripada kegawatan ekonomi global.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada pihak dari kementerian Kewangan yang sedia menjawab? Bagi tidak mensia-siakan kehadiran Yang Berhormat Timbalan Menteri saya benarkan.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Kong Cho Ha]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat pelbagai langkah telah diambil oleh kerajaan bagi meringankan beban para peminjam dari institusi kewangan yang terjejas akibat kegawatan ekonomi yang sukar. Di antaranya ialah meminta institusi perbankan lebih fleksibel dalam memberikan kelonggaran kepada peminjam untuk membuat penyusunan dan penjadualan semula pinjaman mereka.

Berdasarkan keupayaan pembayaran balik peminjam, pinjaman tersebut boleh disusun dan dijadualkan semula melalui pemanjangan tempoh pinjaman, pemberian moratorium untuk pembayaran pinjaman dan tempoh tertentu, membenarkan pengecualian faedah apabila perlu dan permodalan faedah. Khusus di bawah Pakej Rangsangan Kedua ini, bagi pemegang pinjaman perumahan yang telah diberhentikan kerja dan kehilangan punca pendapatan, institusi perbankan telah mengambil langkah untuk menangguhkan bayaran balik pinjaman perumahan selama satu tahun.

■1030

Pihak institusi perbankan juga sedia mengadakan sesi pertemuan dengan peminjam untuk membincangkan langkah-langkah penyelesaian yang wajar diambil untuk kebaikan kedua-dua pihak iaitu pemberi pinjam dan peminjam. Kerajaan juga sedar bahawa pekerja yang diberhentikan berhadapan dengan masalah untuk membayar balik pinjaman perumahan. Untuk membantu mereka dalam hal ini, institusi perbankan telah bersetuju untuk menangguhkan bayaran balik pinjaman perumahan mereka tersebut selama satu tahun. Di samping itu, peminjam individu yang menghadapi masalah dalam membuat pembayaran balik pinjaman boleh

menghubungi agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit untuk mendapatkan nasihat dan bantuan dalam menguruskan keadaan kewangan serta hutang mereka.

Perusahaan Kecil dan Sederhana atau IKS pula boleh menghubungi Jawatankuasa Penyelesaian Hutang Kecil dengan izin, *Small Debt Resolution Committee* sekiranya mereka menghadapi masalah pinjaman *tax* tidak berbayar. Bank Negara Malaysia juga akan memperkenalkan mekanisme penyelesaian hutang korporat yang lebih komprehensif. Untuk menyediakan landasan bagi syarikat korporat untuk menyusun semula hutang-hutang mereka dengan peminjam serta sekuriti hutang yang didebitkan mereka secara lebih efektif. Bank Negara Malaysia dan persatuan bank-bank di Malaysia juga telah menyediakan pelbagai saluran untuk orang ramai mengemukakan masalah berkaitan dengan pembiayaan mereka untuk tindakan sewajarnya. Di samping itu, melalui BNM link di Blok D Bank Negara Malaysia, semua cawangan Bank Negara Malaysia dan BNM *tele-link* melalui e-mel BNM telelink@bnm.gov.my ataupun melalui talian telefon 1-300-88-5465 ataupun melalui ABM *connect* dengan talian percuma 1-300-88-9980. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dato' Omar bin Faudzar dan selepas itu Profesor Datuk Dr. Ismail.

Dato' Omar bin Faudzar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah kenapakah kelonggaran ini tidak diberi kepada pemegang-pemegang kad kredit?

Dato' Kong Cho Ha: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya pemegang kad kredit itu juga merupakan peminjam peribadi ataupun *personal loan* ataupun *private loan* dan tidak di dalam golongan korporat ataupun *business loan*. Jadi, untuk peminjam kad kredit juga itu mekanisme yang sama. Mereka juga boleh datang ke bank untuk merunding, untuk menstrukturkan ataupun menjadualkan semula pembayaran balik mereka. Dalam masa yang sama kalau ada masalah di mana di antara bank ataupun peminjam dan pemberi pinjam iaitu di antara bank ataupun peminjam. Jadi, mereka juga boleh datang ke Bank Negara iaitu melalui BNM link dan sebagainya untuk mencari satu kaedah penyelesaian atas masalah mereka yang memegang kad kredit. Sekian, terima kasih.

Profesor Datuk Dr. Ismail bin Md. Salleh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, soalan tambahan saya ialah memandangkan yang banyak syarikat-syarikat yang mungkin menghadapi masalah aliran tunai terutamanya dalam keadaan ekonomi yang *slow down* ini. Kita berterima kasih kepada pihak kerajaan di mana melalui *Working Capital Guarantee Scheme* itu di dalam pakej rangsangan yang kedua baru-baru ini diberikan untuk tujuan ini. Akan tetapi setakat ini sudah kah satu *guideline* yang kemas disediakan dan bilakah kemudahan ini boleh dilaksanakan? Terima kasih.

Dato' Kong Cho Ha: Terima kasih Yang Berhormat Profesor Dr. Ismail. Untuk menjawab soalan Profesor Datuk Dr. Ismail berkenaan dengan dalam Pakej Rangsangan Ekonomi RM60 bilion ini. Kerajaan memang telah pun mewujudkan dua skim gerenti khasnya untuk membantu sektor korporat iaitu Skim Gerenti Korporat dan juga Skim Penstrukturan Semula Badan Korporat

dan sebagainya. Jadi untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan khususnya Bank Negara Malaysia pada masa sekarang sedang dalam peringkat akhir untuk menentukan satu perjanjian iaitu perjanjian di antara Bank Negara Malaysia dengan bank-bank perdagangan yang terlibat dalam skim ini. Jadi, selepas mereka menangani perjanjian ini, jadi skim gerenti oleh kerajaan ini boleh dilaksanakan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Puan Heng Seai Kie.

Dato' Yip Kum Fook: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mewakili Puan Heng untuk mengemukakan soalan lima kerana beliau ada urusan yang tidak dapat dielakkan pada pagi ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri? Saya benarkan.

5. Dato' Yip Kum Fook [Di bawah P.M. 23(2)] minta Perdana Menteri menyatakan, sama ada kerajaan bercadang untuk menggubal Akta Mencegah Lompat Parti demi memberhentikan budaya berpolitik yang tidak beretika serta menstabilkan politik dalam negara.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:

Tuan Yang di-Pertua, soalan yang sama telah banyak kali ditimbulkan pada tahun lepas apabila parti Pembangkang menguar-uarkan penukaran parti oleh wakil rakyat Barisan Nasional. Satu tahun, tahun lepas. Pendirian kerajaan pada masa itu adalah sama dengan pendirian kerajaan pada hari ini iaitu undang-undang tersebut tidak perlu digubal. Ia adalah kerana bertentangan dengan jaminan daripada Perlembagaan iaitu bahawa setiap warganegara itu mempunyai kebebasan untuk berpersatuan. Namun, kalau kita tengok di masa-masa yang akan datang kalau perkara ini berlaku terlalu berleluasa sangat, mungkin pada ketika itu kita akan fikir semula. Terima kasih.

6. Hajah Mumtaz binti Md Nawawi minta Menteri Kerja Raya menyatakan, kekerapan semakan piawaian dan kaedah pemotongan dan penyelenggaraan lereng bukit bagi tujuan pembinaan jalan dan lebuh raya selaras dengan pendekatan lestari dan mengurangkan kos membaik pulih.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Yong Khoo Seng]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Cawangan Kejuruteraan Cerun JKR telah menyemak dan membuat penambahbaikan kepada garis panduan reka bentuk cerun yang lama dan telah menyiapkan garis panduan reka bentuk cerun yang terkini pada tahun 2008. Ia mengambil kira perkara-perkara berkaitan dengan kestabilan dan kekuatan cerun, sistem saliran dan perparitan serta mengambil kira penyelenggaraan cerun di masa hadapan bagi tujuan mengurangkan kos membaik pulih. Garis panduan reka bentuk cerun yang terkini telah mengambil kira piawaian geo-teknikal yang terkini dan juga faktor keselamatan tidak kurang daripada 1.4. Pembinaan perparitan di kawasan cerun disyaratkan menggunakan longkang konkrit tiang di situ atau dengan izin, *rain forest concrete cast in-situ*.

■1040

Jumlah maksimum *berm...*, “*b-e-r-m*” ini *technical term*, ...yang dibenarkan adalah sebanyak enam *berm* sahaja. Bagi kawasan yang memerlukan lebih daripada enam *berm*, kaedah lain seperti terowong dan struktur seperti jambatan perlu diguna bagi mengurangkan kesan kepada alam sekitar di kawasan tersebut. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Mumtaz. Lepas itu Yang Berhormat Dato' Yip Kum Fook.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sekiranya kita menggunakan Lebuhraya Utara-Selatan, kita akan melalui satu tempat yang diletakkan tanda yang menyebut, “*Sila uji brek anda di sini*”. Jadi saya hendak tanya, bilakah kawasan ini akan siap pembinaan kerana ini membahayakan pengguna Lebuhraya Utara-Selatan, yang pertama dan yang kedua, apakah bentuk tanda-tanda amaran yang akan diletakkan di tempat-tempat yang berisiko tinggi ini untuk mengelakkan orang ramai daripada terlibat dengan risiko yang lebih tinggi semasa menggunakan lebuhraya. Terima kasih.

Dato' Yong Khoon Seng: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya di lebuhraya telah pun ada pasukan untuk menjalankan penyelenggaraan dan juga kalau papan-papan tanda ini untuk pengguna jalan raya atau lebuhraya diperlukan, kita boleh arahkan mereka supaya kita membuat satu notis papan tanda untuk perhatian pengguna jalan.

Saya hendak bagi sedikit maklumat tambahan untuk Yang Berhormat Puan Mumtaz. Di seluruh negara kita telah pun mengenal pasti di semua jalan raya, di lebuhraya, cerun-cerun yang perlu dipulihkan dan dipelihara jumlahnya adalah 429 dan pada sekarang kita pohon untuk..., ini cerun-cerun termasuk semua negeri-negeri di Semenanjung, Sarawak dan Sabah, paling banyaknya adalah di negeri Pahang dengan cerun-cerun perlu dipulihkan sebanyak 129 dan dalam 429 ini, kita memohon peruntukan RM73 juta untuk menstabilkan cerun-cerun. Sekarang kita telah pun mendapat 164 cerun yang akan dibaik pulih dan distabilkan dengan jumlah kos RM20.4 juta.

Pada bahagian kedua tadi, itu yang saya sudah jawab. Kita ada tempat yang kita akan memberikan papan tanda semasa kita menjalankan tugas untuk menstabilkan jalan-jalan, cerun-cerun di tepi jalan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Yip Kum Fook.

Dato' Yip Kum Fook: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Timbalan Menteri. Salah satu punca utama berlakunya tanah runtuh di Hulu Klang saya boleh katakan adalah kecuai manusia, *human factor* kerana *berm* atau longkang yang tidak diselenggarakan dengan baik telah dipenuhi dengan pasir dan sampah sarap. Adakah JKR dalam perkara ini mempunyai satu skuad untuk sentiasa memeriksa keadaan *berm* dalam semua kawasan tersebut. Sekian, terima kasih.

Dato' Yong Khoon Seng: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kita memang ada satu cawangan yang telah diwujudkan - Kejuruteraan Cerun di JKR dan kita sentiasa memantau

cerun-cerun iaitu kita datang dengan angka yang tadi saya sebutkan dan sebenarnya kita telah pun giat menjalankan semua siasatan di mana *berm* ini kalau tidak dibuat dengan baik, kita telah pun mengadakan satu garis panduan tidak melebihi enam *berm*. *Berm* ini maksudnya mungkin tereslah kita panggil, mungkin teres bukan longkang. Teres *I think*, teres yang kita cakap *berm* dan kalau ada spesifik kes kita boleh bagi tahu tetapi sebenarnya kita sentiasa memantau keadaan cerun-cerun di mana strukturnya memang perlu kelulusan pihak JKR sebelum ianya dibuat dengan spesifikasi yang kita ada.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid.

7. **Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid** minta Menteri Kewangan menyatakan, apakah dengan membatalkan penswastaan IJN akan menambah beban kepada kerajaan. Apakah operasi sekarang tidak boleh ditingkatkan demi untuk memenuhi permintaan rakyat yang mahukan IJN di bawah penyeliaan kerajaan.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Kong Cho Ha]: Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat, pada bulan Ogos 2008, syarikat Sime Darby telah pun mengemukakan satu cadangan penswastaan IJN kepada Kementerian Kewangan. Kementerian Kewangan kemudiannya memanjangkan cadangan itu kepada EPU untuk mengkaji, menilai dan memutuskan. Pada bulan Februari 2009, Sime Darby dengan rasminya menarik permohonan dan cadangan penswastaan tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat, pembatalan penswastaan ini tidak menjadi beban kepada kerajaan kerana Institut Jantung Negara atau IJN telah beroperasi sebagai sebuah syarikat kerajaan sejak ia mula ditubuhkan pada tahun 1992 lagi. Operasi IJN pula sentiasa ditingkatkan tahun demi tahun bagi memastikan tahap kesihatan khususnya berkaitan penjagaan jantung di kalangan rakyat Malaysia diberi keutamaan. Antara lain, IJN sedang melaksanakan projek pembesaran untuk meningkatkan kapasiti daripada 274 buah katil kepada 438 buah katil, menambah bilik rawatan dan konsultasi, dewan bedah, farmasi serta kemudahan tempat letak kereta. Kemudahan-kemudahan ini dijangka siap sepenuhnya pada awal tahun 2010. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Terima kasih di atas jawapan Yang Berhormat tadi. Kakitangan kerajaan dan pesara kerajaan dari peon hingga ke ketua pengarah mendapat perkhidmatan percuma di IJN kerana Yang Berhormat sebut tadi, IJN di bawah Kementerian Kewangan Diperbadankan iaitu MOF Incorporated. Pertanyaan tambahan saya ialah kenapakah Ahli Parlimen yang terdiri daripada Ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara serta Ahli Dewan Undangan Negeri dari Barisan Nasional dikenakan bayaran apabila berubat di IJN. Tidakkah kami ini sebahagian dari kerajaan? Jika Hospital Besar tidak mengenakan bayaran kepada kami, kenapa pula di IJN? Bolehkah Kementerian Kewangan mengubah dasar agar kami dapat perkhidmatan percuma di IJN selepas ini. Terima kasih.

Dato' Kong Cho Ha: Terima kasih atas soalan tambahan Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya IJN menghulurkan perkhidmatan untuk semua. Saya ada beberapa angka di sini di mana untuk tahun 2008, seramai 175,667 pesakit menerima rawatan dari IJN dan dari angka tersebut sebanyak 124,632 pesakit adalah di bawah tanggungan kerajaan. Itu satu golongan yang sungguh besar.

■1050

Untuk tahun 2007, bilangan adalah 161,000 pesakit dan di antaranya 112,000 adalah pesakit kakitangan kerajaan, pesara kerajaan dan mereka yang ditanggung oleh kerajaan. Untuk menjawab soalan Yang Berhormat berkenaan dengan adakah Ahli Parlimen atau pun Senator-senator itu diberikan rawatan percuma di IJN. Selama ini, saya telah pun beranggapan bahawa semua kita dapat rawatan percuma tetapi saya akan semak dan akan membawa cadangan Yang Berhormat. Kita patut diberi rawatan percuma. Saya akan sampaikan pendapat kepada pihak IJN dan MOF. Terima kasih.

Dato' Ir. Hiang A Li: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, inginlah sebelum saya mengemukakan soalan ada satu ejaan salah dalam soalan saya. Iaitu ayat yang *last* "pelaksanaan" bukan "perlaksanaan".

8. **Dato' Ir. Hiang A Li** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, adakah kerajaan berhasrat untuk meminimumkan *red tape* dengan mengurangkan penggunaan borang sebanyak 21 jenis dalam pelaksanaan OSC dan CCC dalam industri perumahan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan II [Dato' Hamzah bin Zainudin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator Dato' Ir. Hiang A Li. Memang kementerian telah pun mengambil soalan itu sebagai pelaksanaan dan bukan "pelaksanaan."

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan sistem *one-stop-center* atau OSC dan *Certificate of Completion and Compliance* atau CCC, merupakan komitmen kerajaan dalam memperbaiki sistem penyampaian, perkhidmatan terutama dalam industri pembinaan.

Melalui CCC, pihak yang memperakukan bahawa suatu bangunan itu layak untuk diduduki adalah merupakan pihak yang pakar dan memang terlibat di dalam pemajuan tersebut dari peringkat penyediaan, mereka bentuk dan seterusnya pengawasan pembinaan projek di tapak iaitu para profesional. Dengan pelaksanaan CCC, 21 borang pengesahan yang disediakan adalah merupakan 21 komponen utama pembinaan diperakukan secara berperingkat. Itu buat masa ini.

Insya-Allah pada tahun-tahun hadapan, mungkin kita perlukan untuk menambahkan lagi daripada 21 komponen ini menambahkan lagi komponen-komponen yang mungkin dianggap perlu untuk kita buat *submission*. Pengisian borang-borang 'G' tidak akan melewatkan penyediaan

projek kerana pengisiannya dilakukan secara berperingkat selaras kemajuan kerja di tapak. Terima kasih.

Dato' Ir. Hiang A Li: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberikan penjelasan. Saya telah terima banyak aduan daripada pemaju-pemaju perumahan bahawa bukan sahaja borang 21 jenis itu yang melambatkan atau yang menyebabkan kelambatan kelulusan tetapi juga didapati ramai pegawai-pegawai baru dalam OSC dan bukan teknikal dan juga tidak profesional. Jadi, itulah yang telah menyebabkan kelambatan yang banyak itu.

Pertanyaan saya ialah adakah kerajaan ingin mengubahkan situasi ini dengan mendapatkan pegawai-pegawai yang berpengalaman daripada yang sedia ada, bukan pegawai yang baru. Pertanyaan saya yang kedua, untuk memudahkan bolehkah atau adakah kerajaan berhasrat untuk membuat e-borang..., e-borang, ia bermakna kita minta atau buat permohonan kelulusan melalui komputer atau *online* sahaja. Saya tahu banyak negara-negara yang telah membuatnya seperti Singapura dan sebagainya. Terima kasih.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga kepada Yang Berhormat Senator. Kita bersetuju bahawa apabila kita menjalankan sistem OSC ini, ada beberapa kelembapan oleh sebab terdapat pegawai-pegawai baru seperti yang diceritakan oleh Yang Berhormat Senator tadi.

Akan tetapi, pihak kementerian sentiasa mengadakan kursus-kursus dan kerjasama untuk meningkatkan lagi tahap kemampuan pegawai-pegawai kita di peringkat PBT. Insya-Allah, oleh sebab kita telah pun mengadakan beberapa kursus untuk mereka ini memahami apa yang kita mahukan, saya difahamkan sistem OSC ini mendapat satu galakan yang baik daripada para-para profesional yang telah pun menggunakan sistem OSC ini.

Bagi menjawab soalan kedua iaitu menggunakan borang secara elektronik, itu adalah satu perkara yang telah pun kita buat dalam kajian untuk masa depan. Kita menggalakkan untuk mereka menggunakan buat masa ini juga. Terima kasih.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, daripada jawapan Yang Berhormat Menteri, bolehkah kita ambil tindakan sivil terhadap PBT sekiranya badan-badan profesional sahaja yang dibenarkan untuk mengeluarkan CCC? Terima kasih.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya melalui satu seksyen dalam Akta 133, kalau tidak silap saya seksyen 95(2), Akta 133. Memang sudah ada satu undang-undang yang diperuntukkan imuniti kepada PBT. Walau bagaimanapun, *under the common law* sistem yang kita gunakan dalam negara kita, PBT bertanggungjawab terhadap pihak ketiga. Maksud saya, *duty of care* yang terpaksa PBT bertanggungjawab. Ini bermakna bahawa PBT masih boleh diambil tindakan sivil terhadap PBT jika sekiranya mereka yang tidak puas hati mengemukakan, untuk membawa perkara ini ke mahkamah. Terima kasih.

Dato' Wong Siong Hwee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Di bawah sistem CCC, kemungkinan akan terjadi *conflict of interest*, dengan izin, kerana PHP yang menyelia kerja pembinaan merupakan juga pihak yang mengeluarkan CCC.

Begitu juga dikatakan akan ada elemen pakatan di antara pihak pemaju dan PHP di dalam sesuatu pemajuan kerana PHP adalah ejen yang dilantik oleh pemaju. Apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk menangani masalah tersebut? Sekian, terima kasih.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Betullah ini satu soalan yang tepat, yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Wong. Inilah yang selalu dipersoalkan oleh banyak pihak oleh sebab mereka takut bahawa ada pakatan di antara pemaju dan ahli-ahli profesional.

Saya ingin jelaskan di sini bahawa sebenarnya, apa yang kita mahukan adalah untuk menentukan bahawa sesuatu projek itu dapat berjalan dengan baik di mana kita benarkan ahli-ahli profesional, pakar-pakar untuk mengemukakan segala *submission* dibuat melalui mereka yang benar-benar arif dan bertanggungjawab di atas projek-projek tersebut.

Ahli-ahli profesional yang kita benarkan ini, akan melibatkan diri mereka dari awal projek tersebut. Maksudnya, masa daripada perancangan lagi telah pun mereka tahu tentang projek itu. Kemudian dalam pembinaan juga, mereka telah pun mengetahui bagaimana projek itu dijalankan. Seterusnya, apabila projek itu siap, maka sudah tentulah orang yang kita berikan ini akan bertanggungjawab daripada mula sehinggalah habis projek-projek tersebut.

Manakala, soalan mengenai pakatan atau elemen pakatan yang mungkin terdapat di antara pemaju dan juga PHP ini. Saya hendak jelaskan bahawa satu peruntukan baru telah pun kementerian buat melalui perundangan yang ada iaitu penalti sebanyak RM250,000 atau pun boleh dikenakan jail selama sepuluh tahun atau kedua-duanya sekali kalau ada perkara-perkara yang telah pun ditimbulkan oleh Dato' Wong seperti fraud yang berlaku atau pun pakatan yang berlaku di antara kedua-dua mereka.

■ 1100

Jadi perkara ini tidak timbul kerana saya percaya ahli-ahli profesional yang ada dalam negara kita adalah mereka yang boleh kita memberi kepercayaan untuk menentukan masa depan negara ini berjalan dengan baik apabila mereka dapat menggunakan undang-undang yang telah pun kita sama-sama luluskan. Terima kasih.

9. Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, penjualan uniform dan peralatan pasukan keselamatan dan penguatkuasaan seperti polis, tentera, bomba dan pasukan penyelamat kini dijual berleluasa di kedai-kedai. Adakah kementerian sedar atau membenarkan penjualannya secara mudah diperoleh orang awam.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Senator Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad yang telah pun mengemukakan soalan

pada pagi ini. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sehingga kini pihak Polis Diraja Malaysia belum menerima sebarang laporan ataupun aduan daripada orang awam mengenai penjualan uniform dan peralatan pasukan penguatkuasaan seperti polis, tentera, bomba dan pasukan penyelamat di kedai-kedai secara berleluasa. Peralatan dan uniform pasukan penguatkuasaan tersebut tidak akan dapat diperolehi dan dibeli secara mudah oleh orang awam berikutan syarikat yang memegang lesen penjualan peralatan tersebut telah ditetapkan agar mempunyai buku daftar bagi merekodkan semua penjualan.

Hanya pegawai dan anggota polis sahaja yang dibenarkan membeli peralatan dan uniform polis dengan menunjukkan kad kuasa dan menuliskan nama, pangkat dan nombor badan di dalam buku daftar yang telah disediakan. Walau bagaimanapun, bagi memastikan perniagaan yang menjual peralatan dan uniform terkawal, pemeriksaan sentiasa dilakukan di peringkat negeri secara berjadual dan mengejut dia atas premis-premis yang dikeluarkan permit termasuk rekod-rekod peniaga dan stok fiskal sebagai langkah pencegahan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, menyamar penjawat awam sama ada anggota keselamatan ataupun lain-lain jawatan merupakan satu kesalahan di bawah seksyen 170, Kanun Keseksaan dan hukuman boleh dikenakan penjara tidak melebihi dua tahun atau dengan denda atau kedua-duanya. Sekian, terima kasih.

10. Dato' Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahlim minta Menteri Kerja Raya menyatakan, status dan perancangan Lebu Raya Pantai Timur dalam mewujudkan rangkaian perhubungan yang berkesan.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Yong Khoo Seng]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak buat sedikit kompelin. Susah kita hendak jawab dengan komputer di sini. Kita terpaksa angkat teks kita. Atur lebih baik sedikit. Betul tidak rakan-rakan saya, setuju tidak?

Beberapa Ahli: Setuju....

Dato' Yong Khoo Seng: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Lebu Raya Pantai Timur Fasa 1 yang menghubungkan Karak ke Kuantan telah dibuka kepada pengguna pada 1 Ogos 2004. Kini telah disambung sehingga ke Jabur manakala Lebu Raya Pantai Timur Fasa 2 ianya sambungan daripada Lebu Raya Pantai Timur 1 ke Kuala Terengganu yang kini sedang dalam pembinaan dan kemajuan mengikut pakej-pakej adalah seperti berikut. Jawapannya agak panjang, ada 12 pakej dan ada pakej dalam jawapan di (a), (b), (c). Saya akan memberikan secara bertulis kepada Yang Berhormat. Kemajuannya puratanya sudah sampai 50 lebih peratus. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kerja Raya sedia maklum akan keperluan pembinaan Lebu Raya Pantai Timur dalam mewujudkan rangkaian perhubungan yang berkesan di antara Pantai Timur dan Pantai Barat Semenanjung serta mempertingkatkan rangkaian jalan raya sedia ada bagi menjana pembangunan ekonomi yang setara di kedua-dua bahagian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya sedang menjalankan kajian kemungkinan Lebuh Raya Pantai Timur Fasa 3 yang merupakan sambungan daripada Lebuh Raya Pantai Timur Kedua di Kuala Terengganu ke Pengkalan Kubur Kelantan. Kajian kemungkinan ini telah mula dijalankan pada 15 Julai 2007 dan dijangka siap pada 15 Mei 2009. Cadangan jajaran lebuh raya sepanjang 150 kilometer ini akan melalui daerah Kuala Terengganu, daerah Setiu, daerah Besut, jajahan Pasir Puteh, jajahan Bachok, jajahan Kota Bharu, jajahan Pasir Mas, sebelum berakhir di jajahan Tumpat. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ini bermakna, Kelantan juga tidak diabaikan dalam perancangan pihak kementerian.

Dato' Yong Khoon Seng: Tidak, langsung tidak.

Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Nor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Kenapakah pihak kementerian masih lagi tidak melebarkan jalan-jalan yang perlu disegerakan terutamanya jalan-jalan sempit dan selekoh yang bahaya? Apakah tindakan kementerian ke atas kontraktor yang melengah-lengahkan kerja mereka terutamanya saya tujukan kepada jalan dari Kuala Krai ke Gua Musang, Gua Musang ke Kuala Lipis. Selalu berlaku *accident*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Yong Khoon Seng: Terima kasih Yang Berhormat. Kita boleh berbincang di luar, kita jiran. Sebenarnya jalan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat di Kuala Krai, Gua Musang telah pun kita muatkan dalam rancangan *Mid Term Review* sudah masuk, ada dalam jajaran jalan yang baru. Akan tetapi saya tidak ada *detail*, kita boleh bincang. Sebenarnya Yang Berhormat, ini telah ada di dalam tindakan kita untuk memperbaiki jalan-jalan yang berselekoh dan lain-lain yang akan memberikan bahaya kepada pengguna dan saya akan sediakan jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat, sekian.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apabila jalan yang diterangkan tadi siap sampai ke Kuala Terengganu, berapakah jumlah anggaran kos kesemuanya?

Dato' Yong Khoon Seng: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya semalam saya telah pun menyentuh dalam Titah Ucapan itu, kos untuk Lebuh Raya Pantai Timur Kedua adalah RM3.7 bilion dengan jaraknya 186 kilometer di bahagikan ke dua bahagian. Sebanyak 30% dikendalikan oleh pihak MTD, dan 7% oleh pihak JKR dan di bahagikan kepada 12 pakej yang saya sentuh tadi. Terima kasih.

11. Datuk Maijol Mahap [Di bawah P.M 23(2)] minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, apakah langkah-langkah kerajaan untuk membantu persatuan-persatuan sukan di seluruh negara untuk terus berbakti dan menyumbang kepada pembangunan sukan negara.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Tuan Wee Jeck Seng]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Amat Berhormat Senator, di antara langkah-langkah yang telah dan akan diambil bagi mengukuhkan serta mengupayakan

badan sukan supaya dapat bergerak dan menyumbang kepada pembangunan sukan negara adalah seperti berikut:

■1110

- (i) mengadakan kursus-kursus bagi melatih dan menetapkan ahli-ahli jawatankuasa badan itu dengan ilmu pengurusan dan pentadbiran, pengurusan kewangan, pengurusan merancang dan membangunkan aktiviti sukan supaya persatuan sukan dapat diurus tadbir dengan baik melalui kursus-kursus berikut:
 - kursus pengurusan kewangan dan pengauditan badan sukan kepada bendahari dan juruaudit.
 - bengkel pengurusan badan sukan di kalangan setiausaha.
 - kursus pentadbiran dan pemantapan badan sukan kepada presiden dan setiausaha.
 - seminar sehari bersama badan sukan.
- (ii) mengadakan bengkel-bengkel di kalangan pemimpin badan sukan melalui program-program seperti berikut:
 - pembangunan pengurusan persatuan sukan.
 - pembangunan kepimpinan kepada jawatankuasa persatuan sukan.
- (iii) pembangunan organisasi persatuan melalui garis panduan pengendalian mesyuarat, garis panduan mengenai tugas, kuasa dan fungsi badan sukan, membantu menyelesaikan konflik dalaman badan sukan agar dapat berfungsi sejajar dengan objektif penubuhannya.
- (iv) mengadakan klinik-klinik bagi mendapat khidmat nasihat serta panduan mentadbir persatuan; dan
- (v) menjalankan program naziran dan pemantauan bagi memastikan pengurusan persatuan dijalankan dengan bentuk mengikut Akta Pembangunan Sukan 1997 serta perlembagaan persatuan tersebut. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Datuk Maijol Mahap dan selepas itu Dato' Gooi Hoe Hin.

Datuk Maijol Mahap: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan tambahan saya ialah, adakah program atau bantuan yang diterangkan tadi itu oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bukan sahaja melibatkan persatuan di peringkat negara, tetapi melibatkan persatuan bagi negeri-negeri dan juga di daerah-daerah. Di situlah sebenarnya kelompok pegawai-pegawai persatuan yang lebih ramai lagi. Terima kasih.

Tuan Wee Jeck Seng: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Sebenarnya program yang saya katakan tadi meliputi semualah, maknanya dijalankan sepanjang tahun untuk melancarkan lagi semua persatuan sukan dalam negara. Terima kasih.

Dato' Gooi Hoe Hin: Terima kasih. Soalan tambahan saya senang sahaja. Dulu kita jaguh bola sepak, kini *My Team* pasukan bola sepak pun boleh tahan. Apa sebenarnya masalah yang dihadapi FAM sehingga prestasi bola sepak kita boleh dikatakan hapus kira...
[Ketawa]

Tuan Wee Jeck Seng: Memang benarlah kata Yang Berhormat, bola sepak merupakan satu jenis sukan popular di negara kita. Maknanya disukai oleh semua golongan rakyat Malaysia. Jadi sebenarnya kita hanya tumpu kepada bola sepak, tetapi banyak lagi jenis sukan di negara kita maju. Jadi kita tidak boleh tumpukan kepada bola sepak sahaja. Sebagai contoh, tadi yang saya katakan banyak bantuan daripada kementerian untuk badan sukan ini, membawa banyak kejayaan.

Contohnya kita telah mendapat pingat perak melalui sukan badminton, maka itu satu kejayaan. Kedua, skuasy kita mendapat nombor satu dunia, *ranking*, begitu banyak sekali. Jadi kalau bola sepak, itu memang kita akui, prestasi kecemerlangan kita menurun, tetapi kita berusaha gigih, bekerjasama dengan FAM. Baru-baru ini kementerian telah mengalih ataupun membantu FAM terutama merancang, membantu pasukan pelapis untuk membantu mereka dari segi latihan, bantuan dana dengan satu harapan supaya masa depan bola sepak negara kita akan muncul sebagai satu pasukan yang cemerlang di mata dunia. Sekian, terima kasih.

12. Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop minta Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan menyatakan, apakah bentuk serta jumlah bantuan dan insentif yang diberikan oleh kementerian kepada pertubuhan/badan bukan kerajaan (NGO) di dalam memajukan kesusasteraan kebangsaan dan kebudayaan kebangsaan.

Timbalan Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Tuan Teng Boon Soon]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan ataupun KPKKW mengambil tanggungjawab serius dalam usaha membantu persatuan pertubuhan bukan kerajaan memajukan kesusasteraan kebangsaan dan kebudayaan kebangsaan dan insentif yang diberikan adalah berupa bantuan kewangan, khidmat nasihat dan bantuan kepakaran melalui kerjasama dalam penganjuran aktiviti.

Beberapa kemudahan skim disediakan bagi menggalakkan perkembangan dan kemajuan kesusasteraan kebangsaan dan kebudayaan kebangsaan seperti Skim Latihan Penggiat Seni, Skim Penajaan Seni Budaya dan skim bantuan. Melalui Jabatan Kebudayaan dan Kesenian, Istana Budaya, Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional dan beberapa agensi kementerian yang lain banyak terlibat dalam memberi khidmat nasihat dan kepakaran serta kerjasama kepada pertubuhan bukan kerajaan untuk bersama-sama memartabatkan kesusasteraan kebangsaan dan kebudayaan kebangsaan.

Penganjuran aktiviti-aktiviti seperti festival pantun, kelab jawi dan khat, pertandingan esei kemerdekaan, malam puisi seiring dilaksanakan dari masa ke semasa. Kementerian ini juga amat prihatin dan sentiasa mengambil inisiatif untuk memartabatkan kesusasteraan dan kebudayaan kebangsaan melalui beberapa program anjuran kementerian dan agensi dengan kerjasama badan-badan bukan kerajaan dan pihak swasta.

Perpustakaan Negara Malaysia antaranya telah menyediakan dana sebanyak RM5 juta dalam tahun 2007, RM2.5 juta dalam tahun 2008 dan RM4 juta pada tahun 2009 bagi membantu GAPENA, para karyawan dan penulis dalam usaha menyokong pembangunan industri penulisan dan penerbitan dalam bidang kesusasteraan dan ilmiah. Dalam masa yang sama, kementerian ini juga sering aktif bekerjasama dengan jabatan, agensi kerajaan yang lain seperti Dewan Bahasa dan Pustaka dan IPTA dalam usaha memajukan kesusasteraan kebangsaan dan kebudayaan kebangsaan. Sekian.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Tadi ada disebut bantuan kepada badan bukan kerajaan seperti GAPENA. Pertanyaan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, adakah secara khusus diberikan peruntukan untuk GAPENA mengadakan hari sastera setiap tahun? Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Teng Boon Soon: Pada setakat ini, kita tidak mempunyai peruntukan khusus untuk membantu pelaksanaan Hari Sastera Kebangsaan yang dianjurkan oleh GAPENA. Walau bagaimanapun kita ada bantuan dengan cara yang lain untuk penulis-penulis individu. Sekian.

13. Tuan Khoo Soo Seang minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan, sama ada Tenaga Nasional Berhad bersedia untuk mengurangkan tarif elektrik dan pendapatan mereka agar meringankan beban kos operasi ke atas perniagaan dan industri tempatan dengan tujuan membantu kerajaan untuk merangsang ekonomi ketika gawat ekonomi global itu.

Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa prihatin dengan kedudukan ekonomi negara ketika ini. Sehubungan itu, kerajaan telah mengarahkan pihak Tenaga Nasional Berhad atau TNB, untuk melihat semula kadar tarif elektrik sedia ada dan menurunkan kadar tarif elektrik tersebut khusus untuk membantu para peniaga dan pihak industri. Hasilnya pada 1 Mac 2009 yang lalu, kadar tarif elektrik di Semenanjung telah diturunkan pada purata 3.7% iaitu daripada 32.5 sen per kilowatt jam kepada 31.31 sen kilowatt jam.

■ **1120**

Untuk makluman Dewan yang mulia ini kadar tarif elektrik untuk golongan yang dikategorikan sebagai tarif komersial telah mengalami penurunan sebanyak 2.7 peratus. Manakala tarif industri telah mengalami penurunan sebanyak lima peratus. Selain itu pihak industri yang menggunakan tenaga elektrik melebihi lima peratus daripada kos operasi juga

mendapat penurunan berganda melalui *special industry tariff* dengan izin untuk membantu pihak industri. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dato' Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahlim.

Dato' Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahlim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahannya ialah kesan daripada kegawatan ekonomi kebanyakan rakyat telah menerima suatu bebanan untuk menjelaskan tunggakan kepada setiap bil elektrik dan difahamkan pihak Tenaga Nasional tidak mengizinkan untuk mengadakan bayaran secara ansuran. Saya pohon jawapan daripada pihak kerajaan.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berhubung perkara ini, lazimnya pihak Tenaga Nasional memberi masa selama satu bulan untuk mana-mana pihak untuk membayar bil elektrik. Walau bagaimanapun kadang-kadang terdapat kes-kes yang terencil yang terasing yang mana mereka ini tidak dapat membayar bil itu kerana sebab-sebab tertentu. Mereka ini kadang-kadang datang berjumpa dengan pihak Tenaga Nasional dan berunding bagaimana membuat pembayaran dalam bentuk ansuran dan adalah menjadi kebiasaan Tenaga Nasional Berhad menggunakan budi bicara mereka dan biasanya mereka bersetuju sekiranya pihak yang terlibat itu dapat memberikan cadangan yang munasabah bagaimana mereka boleh menjelaskan bil yang tertunggak ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dewan Negara menghargai kehadiran Yang Berhormat untuk menjawab. Datang untuk menjawab soalan sendiri [*Tepuk*] dan sekali gus mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita. Keluarga dan Masyarakat. [*Tepuk*] Silakan Dato' Hajah Siti Rokiah binti Mohd Zabidin.

14. Dato' Hajah Siti Rokiah binti Mohd Zabidin minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, secara terperinci apakah program-program yang dilaksanakan oleh Kementerian untuk mengekang dan mencegah gejala dadah di kalangan belia.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Tuan Wee Jeck Seng]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Senator, bagi mengekang dan mencegah gejala dadah di kalangan belia negara pada tahun 2005 yang lalu Kementerian Belia dan Sukan telah memperkenalkan kempen "Belia Benci Dadah", "Anda Pilih Bahagia atau Sengsara". Kempen pencegahan gejala dadah ini dijalankan dengan usaha sama di antara Kementerian Belia dan Sukan bersama Kementerian Pengajian Tinggi melalui Sekretariat Rakan Muda IPTA. Program ini dilaksanakan di semua negeri dengan mengikut modul yang telah dihasilkan bersama agensi antidadah kebangsaan, PEMADAM, Jabatan Penjara dan Biro Pendidikan dan Pencegahan Dadah peringkat IPT.

Manakala pemilihan lokasi program adalah berdasarkan kepada peta belia iaitu kawasan hitam atau kelabu terhadap jenayah dadah dan mencapai peratus tertinggi gejala dadah di sesebuah negeri. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian amat komited dalam memastikan golongan belia mendapat prihatin yang khusus bagi mengekang dan mencegah daripada perlakuan-perlakuan negatif seperti gejala dadah. Sehubungan dengan itu, mulai tahun

2009, KBS telah melaksanakan beberapa program baru iaitu Program Generasi Bebas Jenayah iaitu JPJ. Program ini berkonsepkan pencegahan masalah sosial dan perlakuan ke arah tingkah laku jenayah di kalangan belia. Antara strategi yang dirancang dalam usaha pencegahan jenayah di kalangan belia melalui program ini ialah:

- (a) mengadakan gerak gempur media, tema kerja GBJ, ekspedisi GBJ dan program kecemerlangan belai. Program ini telah dilancarkan pada 8 Mac 2009 yang lalu bertempat di Dataran Stadium Putra Bukit Jalil;
- (b) Program Satu Komuniti Satu Persatuan menambah penyertaan belia dalam persatuan dan memperbanyakkan persatuan belia di peringkat akar umbi;
- (c) bagi tahun 2009, sebanyak 2951 program akan dilaksanakan. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, program ini telah dilancarkan pada 23, 22 Mac 2009 bertempat di *One-Utama*, Damansara;
- (d) program pembangunan personaliti belia. Memberi dan menyediakan latihan-latihan bagi membina personaliti belia sebagai individu dan aset negara. Pada tahun 2009, KBS menyasarkan untuk melaksanakan 113 program dengan penyertaan belia seramai 5360 orang;
- (e) program memperkasakan pertumbuhan belia. Program ini telah diperkenalkan pada tahun 2008 dan bertujuan untuk mengeratkan pertumbuhan belia sebagai agen untuk menangani permasalahan sosial yang berlaku di kalangan golongan belia. Untuk itu pertumbuhan belia telah dan akan terus diperkasakan sama ada dari segi kepimpinan mahupun keupayaan pengurusan dan pelaksanaan program.

Bagi tahun 2008, sebanyak 3765 persatuan telah mendapat manfaat daripada program ini dan melibatkan jumlah peruntukan berjumlah 12 juta, bagi tahun 2009, disasarkan sejumlah 4790 persatuan akan terlibat dengan program ini dan akan melibatkan program peruntukan kewangan berjumlah 17.65 juta.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada program-program baru kementerian pada tahun 2008 telah membentuk jawatankuasa menangani permasalahan sosial yang berlaku di kalangan golongan belia, untuk itu pertumbuhan belia telah dan akan terus diperkasakan sama ada dari segi kepimpinan mahupun keupayaan pengurusan dan pelaksanaan program. Bagi tahun 2008, sebanyak 3765 persatuan telah mendapat manfaat daripada program ini dan melibatkan jumlah peruntukan berjumlah 12 juta. Bagi tahun 2009, disasarkan sejumlah 4790 persatuan akan terlibat dengan program ini dan akan melibatkan program peruntukan kewangan berjumlah 17.65 juta.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada program-program baru kementerian pada tahun 2008 telah membentuk Jawatankuasa Menangani Isu dan Gejala Sosial Belia yang diwujudkan menerusi peruntukan Seksyen 43(1) Akta Pertumbuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007. Di

antara terma tujuan jawatankuasa ini adalah mengenal pasti kaedah dan pendekatan bagi menangani isu dan jenayah sosial di kalangan belia termasuklah gejala dadah. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dato' Hajah Siti Rokiah binti Mohd Zabidin.

Dato' Hajah Siti Rokiah binti Mohd Zabidin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Selepas itu, Dato' Omar.

Dato' Hajah Siti Rokiah binti Mohd Zabidin: Soalan tambahan saya kebanyakan yang diberitahu tadi program-program ini diadakan atau diwujudkan pada tahun 2009. Akan tetapi sebelum ini saya ingin tahu adakah Kementerian memantau persatuan yang hidup segan mati tidak mahu yang mana ahli-ahlinya terbiar dan tidak dibela langsung hingga mereka melibatkan diri dengan penyalahgunaan dadah.

Kedua, adakah Kementerian membuat pengasingan melalui kategori tertentu untuk menangani masalah dadah di kalangan belia contohnya menerusi kaedah kategori umur, jantina dan atau *locality*. Misalnya masalah dadah belia bandar menggunakan *designer drug* dengan izin seperti *ecstasy*, *ice* dan sebagainya untuk berhibur. Manakala belia di kampung pula menggunakan dadah tradisional seperti heroin, ganja dan sebagainya di dalam kebun-kebun getah, di ladang-ladang kepala sawit. Apakah tindakan Kementerian? Terima kasih.

Tuan Wee Jeck Seng: Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian memang sedar bahawa adakan berbagai program adalah demi untuk kebaikan belia-belia kita apatah lagi Kementerian Belia dan Sukan adalah satu peranan yang penting untuk menangani masalah tersebut. Jadi pada tahun 2009 yang dikatakan, memang satu program yang baru yang saya katakan sedang bahawa kita mewujudkan pelbagai program untuk mengatasi masalah ini dan dalam tahun-tahun 2009 juga Kementerian juga mengadakan satu program keupayaan persatuan di mana menggalakkan tumbuhnya banyak belia pertubuhan belia dan Kementerian akan juga memberi bantuan dana supaya pertubuhan yang ditubuhkan itu mendapat dana dan boleh merancang membuat aktiviti dan Kementerian menggalak supaya kalau bolehlah seberapa banyak pertubuhan belia yang boleh timbulkan kita galakkan. Kita alu-alukan dan kita akan memberi supaya mereka ada peluang menjalankan aktiviti.

Berkaitan dengan soalan tambahan kedua itu Kementerian Belia memang tiada statistik yang khusus ada kajian berkaitan dengan di kawasan mana mempunyai penagih dadah. Akan tetapi mengikut satu statistik di mana Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia yang di bawah satu unit di bawah Kementerian Belia dan Sukan telah membuat satu kajian diterbitkan melalui Inter Belia Malaysia pada tahun 2007 menunjukkan, daripada 25 420 orang penagih, 2.3% daripada mereka adalah belia, dan 80 peratus dari 67 528 kes HIV yang direkodkan melibatkan golongan yang berusia 13 hingga 39 itu. Itu golongan belia.

■1130

Itulah satu tanggungjawab kita untuk memperbanyakkan lagi aktiviti untuk menggalakkan belia kita menceburi dalam aktiviti yang jauh daripada dadah. Salah satu yang saya katakan kita

akan gunakan generasi bebas jenayah, satu program yang dijalankan di bawah Kementerian Belia dan Sukan. Sekian

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Dato' Omar bin Faudzar.

Dato' Omar bin Faudzar: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih pada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab soalan tadi. Saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan Yang Berhormat mengambil beberapa langkah. Cuma soalan tambahan saya ialah adakah kerajaan dan kementerian mengkaji apakah faktor-faktor sebenar yang mempengaruhi generasi muda ini kepada dadah? Seperti mana yang kita lihat dalam TV, budaya-budaya barat banyak mempengaruhi generasi muda kepada budaya-budaya yang tidak elok. Adakah Kementerian mengambil tindakan terhadap budaya-budaya yang tidak elok ini?

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

11.31 pagi

Tuan Wee Jeck Seng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sehingga setakat ini saya nampak kalau angka-angka yang boleh menunjukkan belia kita ke arah yang kurang sihat ini. Mungkin pihak PDRM mempunyai angka tersebut tapi kementerian buat setakat ini insya-Allah masa yang akan datang kita akan buat sesuatu. Ini termasuk melalui Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, mungkin kita akan jalankan kajian dan juga mengikut kategori umur terutama di golongan belia ini. Untuk membolehkan kita menuju fokus kepada program yang kita lancarkan itu boleh mengatasi masalah yang kita hadapi oleh belia kita. Sekian Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan akhir Dato' Yip Kum Fook. Izinkan saya juga menyatakan penghargaan di atas kehadiran Yang Berhormat Menteri-Menteri dan Timbalan-Timbalan Menteri. Terima kasih.

15. Dato' Yip Kum Fook minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, mengenai terdapat banyak rumah kuota bumiputera yang telah lama siap dibina tetapi tidak dapat dijual kerana pemaju lewat mendapat kelulusan pindah milik dan ini merugikan pemaju dan pembeli.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan II [Dato' Hamzah bin Zainudin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bidang kuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan atau KPKT, di bawah Akta Kemajuan Perumahan Kawalan Perlesenan 1966, Akta 118. Antara lain ialah untuk melesenkan pemaju perumahan dan memantau pelaksanaan projek-projek perumahan bagi memastikan kepentingan pembeli dilindungi, manakala penetapan kuota bumiputera adalah hak kuasa kerajaan negeri. Saya ingin menasihatkan kepada pemaju-pemaju supaya harus jujur dan profesional dalam kaedah mengagihkan lot-lot kuota bumiputera ini, sebab itulah selalunya timbul masalah tidak dapat menjual. Jadi, saya meminta supaya contohnya dalam kita membangunkan sesuatu projek atau pun *development* dalam negara kita, biarlah lokasi-lokasi yang strategik juga di agihkan kuota-kuota mengikut kehendak perancangan awal.

Jika sekiranya projek kuota-kuota atau lot-lot yang telah dikhususkan untuk kuota bumiputera terdapat di jual. Oleh kerana kuasanya adalah kuasa hak kerajaan negeri maka pemaju-pemaju yang tidak dapat memenuhi syarat kuota yang tersebut boleh memohon untuk melepaskan kuota berdasarkan kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh kerajaan negeri. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Yip Kum Fook dan kemudian Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop.

Dato' Yip Kum Fook: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tahniah dan syabas kepada KPKT terlebih dahulu kerana telah banyak berusaha dalam menolong pembeli rumah dalam beberapa tahun ke belakangan ini. Saya memang tahu bidang kuasa kuota ini tetapi perkara yang timbul sekarang ini kerana kita mempunyai lima... Sekarang empat kerajaan negeri di bawah pimpinan pembangkang atau Pakatan Rakyat.

Pertanyaan tambahan saya, kalau pemaju telah menawarkan ini tetapi masih tiada pembeli, sama ada KPKT boleh memainkan peranan di MNKT dalam soal kuota, melepaskan kuota ini? Sekian terima kasih

Dato' Hamzah bin Zainudin: Kementerian sedar bahawa masalah yang timbul ini Tuan Yang di-Pertua adalah satu perkara yang telah pun di bincangkan hangat di seluruh negara. Akan tetapi kita akan cuba mendapatkan perhatian kerajaan-kerajaan negeri melalui MNKT yang dicadangkan Yang Berhormat Senator tadi adalah untuk mendapatkan satu kaedah pelepasan kuota yang sama kriterianya di seluruh PBT-PBT yang ada dalam negara kerana terdapat beberapa kaedah yang berbeza. Contohnya di Selangor, di antaranya PBT dengan PBT yang lain ia mempunyai kriteria-kriteria yang berbeza di antara satu PBT dan PBT yang lain. Oleh sebab itulah atas cadangan Yang Berhormat Senator tadi, insya-Allah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan cuba untuk membawakan masalah ini ke dalam mesyuarat MNKT untuk menyelesaikan isu yang telah berbangkit selama beberapa tahun kebelakangan ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, isu kuota bumiputera bagi rumah-rumah yang khususnya rumah yang mahal dan rumah kedai selalunya tidak dapat dijual oleh pemaju. Kalau di Johor Tuan Yang di-Pertua, kerajaan negeri melalui unit perumahan membeli rumah-rumah kedai tersebut daripada pemaju dan kemudiannya apabila sampai masa bumiputera yang mampu akan dijual pada mereka.

Soalan tambahan saya ialah adakah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mempunyai rancangan menggalakkan agensi-agensi kerajaan seperti UDA dan Unit-unit Perumahan Kerajaan Negeri membeli dulu rumah-rumah tersebut khususnya rumah kedai dan

untuk dijual pada satu masa yang sesuai apabila ada kemampuan dari pihak bumiputera. Terima kasih

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya jelaskan tadi pada awal jawapan saya. Bidang kuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan adalah untuk mengawal selia kemajuan perumahan seperti Pemaju Perumahan Malaysia atau memantau pelaksanaan projek-projek perumahan. Manakala soalnya untuk menggalakkan agensi-agensi kerajaan untuk membeli lot-lot kuota bumiputera yang telah pun disyaratkan oleh kerajaan negeri, itu mungkin sesuatu perkara yang baik daripada cadangan Yang Berhormat Senator. Akan tetapi bukalah bidang kuasa kementerian ini, untuk menetapkan agensi-agensi untuk membeli lot-lot kuota bumiputera. Walau bagaimanapun, saya percaya bahawa kalau sekiranya masalah ini akan menjadi satu masalah yang kritikal. Saya percaya Kerajaan Barisan nasional akan cuba untuk menyelesaikan masalah ini untuk memberikan kemenangan kepada kedua-dua pihak pemaju dan juga rakyat dalam negara kita. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Masa untuk pertanyaan bagi menjawab lisan telah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

USUL

PELANTIKAN AHLI-AHLI JAWATANKUASA PEMILIH DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 70(1)

11.37 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 70(1), Majlis Dewan Negara memutuskan iaitu Ahli-ahli yang berikut hendaklah dilantik menjadi Ahli-ahli Jawatankuasa pemilihan bagi tempoh Penggal Kedua Parlimen Kedua Belas. Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan adalah seperti berikut:

- (i) Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh
[Pengerusi] Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara;
- (ii) Yang Berhormat Dato' Ir Wong Foon Meng ;
- (iii) Yang Berhormat Dato' Sri Empiang Jabu;
- (iv) Yang Berhormat Dato' Kamarudin bin Ambok; dan
- (v) Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ada yang menyokong?

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I [Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri tadi mengikut Peraturan Mesyuarat 70(1) hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

■1140

Tuan Yang di-Pertua: Jawatankuasa akan bermesyuarat pada pukul satu tengah hari.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2009) 2009

Bacaan Kali Yang Kedua

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Kong Cho Ha]: Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada kumpulan yang disatukan untuk perbelanjaan bagi perkhidmatan untuk sebahagian daripada tahun 2009 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi bahagian tahun itu di baca bagi kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh terus huraikan.

Dato' Kong Cho Ha: Tuan Yang di-Pertua, peruntukan tambahan perbelanjaan mengurus pertama tahun 2009 ini adalah dibentangkan menurut Perkara 100 dan 101, Perlembagaan Persekutuan iaitu bagi memperoleh kelulusan terhadap perbelanjaan yang tidak diperuntukkan atau kurang diperuntukkan dalam Bajet 2009 yang telah di luluskan terdahulu oleh Dewan yang mulia ini. Krisis ekonomi global semasa yang bermula daripada krisis kewangan sub prima di Amerika Syarikat pada pertengahan tahun 2007 telah membawa kesan yang jauh lebih meluas dan mendalam.

Setelah hampir dua tahun sejak krisis kewangan global melanda namun masih belum nampak tanda-tanda kembalinya kestabilan di sektor kewangan dan pemulihan ekonomi negara-negara maju. Malah lebih separuh daripada ekonomi utama dunia telah mengalami penguncupan ekonomi yang terburuk sejak *the Great Depression* pada tahun 1930an. Walaupun negara-negara maju telah mengumumkan pakej rangsangan ekonomi yang begitu besar melebihi USD3 trilion namun masih belum dapat memulihkan keyakinan para pengguna dan pelabur. Malah pengumuman terkini menunjukkan kadar pengangguran di Amerika Syarikat berada di tahap 8.1% kadar paling tertinggi sejak tahun 1983.

Terkini Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) pada 19 Mac 2009 sekali lagi mengurangkan unjuran pertumbuhan ekonomi dunia daripada positif 0.5% kepada negatif 0.5% hingga negatif 1% bagi tahun 2009. Amerika Syarikat dijangka mengalami pertumbuhan ekonomi negatif 2.6% sementara negara maju ataupun *advanced economies*, negatif 0.3% hingga negatif

3.5%. Kewangan kawasan Euro negatif 3.2% dan Jepun 5.8%. Sementara itu mengikut Pertubuhan Perdagangan Antarabangsa atau *WTO*, perdagangan dunia di anggarkan negatif 9% bagi tahun 2009. Oleh itu besar kemungkinan keadaan ekonomi global akan menjadi lebih buruk sebelum keadaan ekonomi menjadi pulih.

Kerajaan yakin bajet asal 2009 yang diperuntukkan sejumlah RM206 bilion serta Pakej Rangsangan Pertama yang berjumlah RM7 bilion dan Pakej Rangsangan Kedua ini bertujuan mengurangkan kesan penguncupan ekonomi global ke atas ekonomi negara. Sekiranya usaha-usaha ini tidak diambil, ekonomi negara akan mengalami kemelesetan yang serius. Dengan langkah-langkah yang diambil, pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar ataupun KDNK negara dijangka dalam lingkungan negatif 1% hingga positif 1% bagi tahun 2009.

Seperti mana yang telah diumumkan pelaksanaan pakej rangsangan ekonomi pertama sedang dipantau pelaksanaannya dengan rapi melalui sebuah unit khas iaitu Unit Pengurusan Projek Kementerian Kewangan yang melaporkan terus kepada Kementerian Kewangan. Dengan ini saya ingin mengumumkan bahawa unit ini juga akan memantau pelaksanaan Pakej Rangsangan Kedua dengan kerjasama Unit Penyelarasan Pelaksanaan dan agensi-agensi yang berkaitan. Kerajaan telah menubuhkan satu jawatankuasa pemandu yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan yang dianggotai oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II yang akan bermesyuarat setiap dua minggu sekali bagi memastikan pelaksanaan program dan projek mengikut jadual tanpa sebarang masalah.

Kerajaan juga akan mengadakan satu laman web khas bagi memaparkan maklumat mengenai program dan projek Pakej Rangsangan Pertama dan Kedua serta kemajuan pelaksanaannya. Tuan Yang di-Pertua, memandangkan senario ekonomi global yang meruncing maka Pakej Rangsangan Kedua ini perlu bersifat lebih komprehensif dan bersaiz besar yang menjangkau lebih banyak sektor ekonomi dan kumpulan sasaran. Pakej Rangsangan Kedua ini memberi tumpuan kepada empat teras utama seperti berikut:

- (i) mengurangkan pengangguran dan menambah peluang pekerjaan;
- (ii) meringankan beban rakyat terutamanya golongan mudah terjejas;
- (iii) membantu sektor swasta menghadapi krisis; dan
- (iv) membina keupayaan masa depan.

Pakej rangsangan ekonomi kedua ini adalah berjumlah RM60 bilion yang akan dilaksanakan dalam tempoh 2 tahun iaitu tahun 2009 dan 2010. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM15 bilion merupakan suntikan fiskal. RM25 bilion dana jaminan dan RM10 bilion pelaburan ekuiti. RM7 bilion inisiatif pembiayaan swasta ataupun PFI dan *off-budget* serta RM3 bilion insentif cukai. Jumlah RM60 bilion ini merupakan hampir 9% daripada KDNK. Pelaksanaan pakej rangsangan yang bersaiz besar seperti ini adalah kali pertama dilakukan dalam sejarah ekonomi negara. Tuan Yang di-Pertua, jumlah RM60 bilion ini diperuntukkan kepada empat teras seperti berikut:

- (i) RM2 bilion;
- (ii) RM10 bilion;
- (iii) RM29 bilion; dan
- (iv) RM19 bilion.

■1150

Daripada suntikan fiskal sebanyak RM15 bilion, sejumlah RM10 bilion adalah bagi tahun 2009 dan RM5 bilion bagi tahun 2010. Jumlah RM10 bilion dalam tahun 2009 dibahagikan kepada RM5 bilion untuk belanja mengurus dan RM5 bilion untuk perbelanjaan pembangunan. Saiz perbelanjaan ini sudah tentu akan meningkatkan defisit bajet Kerajaan Persekutuan yang dianggarkan daripada 4.8% kepada 7.6% pada tahun ini. Kerajaan akan memastikan kedudukan fiskal kerajaan akan kembali mapan.

Tuan Yang di-Pertua, teras yang pertama mengurangkan pengangguran dan menambahkan peluang pekerjaan. Dalam persekitaran ekonomi global semasa, terdapat syarikat-syarikat khususnya dalam sektor pembuatan terpaksa memberhentikan atau mengurangkan operasi. Ini dijangka mengakibatkan kadar pengangguran bagi tahun 2009 meningkat kepada 4.5% berbanding 3.7% bagi tahun 2008. Semenjak Oktober 2008 seramai 26,798 orang telah kehilangan pekerjaan. Terdapat juga 29,528 pekerja yang telah diberhentikan secara sementara dan 27,403 yang terpaksa bekerja dengan pengurangan gaji.

Selain dari ini, terdapat kira-kira 100,000 pekerja yang tidak dibenarkan membuat kerja lebih masa. Oleh itu pendapatan mereka telah berkurangan dengan agak ketara. Kerajaan amat prihatin dengan keperitan yang dihadapi oleh golongan pekerja yang diberhentikan. Kesukaran yang ditanggung oleh siswazah menganggur dan keresahan yang teruk dirasai oleh keluarga mereka. Untuk membantu mereka ini kerajaan akan mewujudkan sebanyak 163,000 peluang latihan dan penempatan pekerjaan di sektor awam dan swasta.

Menyediakan latihan dan mewujudkan peluang pekerjaan. Dari jumlah 163,000 peluang latihan dan pekerjaan yang akan diwujudkan sebanyak 100,000 merupakan inisiatif usaha sama antara kerajaan dengan pihak majikan sektor swasta. Sasaran program ini adalah untuk memberikan manfaat kepada pekerja yang telah diberhentikan dan pekerja yang diberhentikan sementara serta mereka yang mengalami kekurangan pendapatan dan siswazah menganggur. Program latihan ini akan dilaksanakan oleh pelbagai agensi kerajaan, sektor swasta, termasuk syarikat berkaitan kerajaan adalah GLC dan institusi latihan swasta. Peruntukkan sebanyak RM700, juta akan disediakan bagi tujuan ini.

Di antara program yang akan dilaksanakan adalah program latihan kursus dan program latihan semula kepada pekerja yang telah diberhentikan dan Skim Latihan Dual Nasional untuk memberi kemahiran kepada golongan yang masih bekerja. Kerajaan akan menambah program latihan di pusat latihan kemahiran di semua negeri dalam bidang seperti elektrik dan elektronik. Pengimpalan robotik dan pembinaan.

Latihan sambil belajar juga akan disediakan oleh Suruhanjaya Sekuriti, Bank Negara dan GLC. Perbadanan Usahawan Nasional Berhad akan melaksanakan program latihan sangkut untuk siswazah dan pemegang sijil kemahiran.

Di samping itu, Program Tunas Mekar akan dimantapkan untuk menggalakkan siswazah menceburi bidang perniagaan dengan kerjasama perusahaan kecil dan sederhana atau PKS. Kerajaan juga akan mewujudkan 22 *JobsMalaysia Centre* dan menambah baik 109 pusat yang sedia ada. Pusat ini akan ditempatkan di lokasi tumpuan awam termasuk di kompleks membeli belah untuk memudahkan akses pekerja dan majikan bagi mendapatkan penempatan pekerjaan, kaunseling, kerjaya dan maklumat mengenai peluang latihan dan yang disediakan. Di samping itu, lebih banyak karnival pekerjaan berskala besar di peringkat kebangsaan akan diadakan bagi memudahkan penganjur dan pekerja yang diberhentikan mendapat pekerjaan di sektor awam dan swasta.

Kebajikan pekerja yang telah diberhentikan kerja, syarikat swasta perlu memainkan peranan bagi memberi peluang pekerjaan kepada mereka yang telah diberhentikan kerja termasuk di bawah Skim Pemisahan Sukarela atau VSS. Untuk menyokong usaha ini, kerajaan mencadangkan majikan yang menggaji pekerja yang diberhentikan mulai 1 Julai 2008, diberi potongan cukai dua kali ke atas amaun gaji yang dibayar. Amaun potongan yang layak adalah tidak melebihi RM10,000 sebulan dan terhad kepada 12 bulan gaji untuk setiap pekerja. Galakkan ini berkuat kuasa bagi pekerja yang dilantik mulai 10 Mac 2009 sehingga 31 Disember 2010.

Mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan di sektor awam. Kerajaan akan mengambil 63,000 kakitangan untuk mengisi kekosongan jawatan dan sebagai pegawai kontrak di pelbagai agensi kerajaan. Untuk ini, 50,000 jawatan kosong akan diisi segera di peringkat profesional dan sokongan dalam perkhidmatan awam persekutuan. Bagi kumpulan sokongan, penurunan kuasa daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam akan diberikan kepada agensi berkaitan. Di samping itu, sebanyak 13,000 jawatan pegawai secara kontrak di agensi kerajaan akan diwujudkan.

Peluang siswazah untuk melanjutkan pelajaran. Bagi melahirkan lebih ramai pakar profesional yang berkualiti di peringkat Sarjana dan Kedoktoran Falsafah, kerajaan bercadang menampung kos yuran pengajian dan bahan penyelidikan sebanyak RM20,000 bagi setiap pelajar yang melanjutkan pelajaran di peringkat Kedoktoran Falsafah di dalam negara. Manakala bagi pelajar di peringkat Sarjana, kerajaan akan menampung sebahagian daripada kos yuran iaitu sebanyak RM10,000 setiap pelajar. Sebanyak 500 tempat bagi Ijazah Kedoktoran Falsafah dan 10,000 tempat bagi Sarjana disediakan dan permohonan akan dibuka kepada semua warganegara Malaysia berdasarkan merit. Kelayakan mendapatkan bantuan ini akan ditentukan oleh Kementerian Pengajian Tinggi.

Usaha mengurangkan pekerja asing. Kerajaan akan terus mengambil langkah untuk mengurangkan ketergantungan kepada pekerja asing dan memberi keutamaan kepada pekerja

tempatan. Untuk tujuan ini, bayaran levi kepada pekerja asing akan dinaikkan sebanyak dua kali ganda bagi semua bidang kecuali, pembinaan, perladangan dan pembantu rumah.

Di samping itu levi akan dibayar oleh majikan dan bukannya oleh pekerja. Pembayaran balik levi pekerja asing secara pro rata kepada majikan sekiranya tempoh perkhidmatan pekerja asing disingkatkan berbanding dengan tempoh kontrak asal serta jaminan bank oleh majikan akan dikembalikan.

■1200

Kerajaan juga akan membekukan pengeluaran lesen agensi pengambilan pekerja asing atau *outsourcing* dan memperketat syarat-syarat pengambilan pekerja asing oleh syarikat sedia ada. Tuan Yang di-Pertua, teras kedua - meringankan beban rakyat terutama golongan muda terjejas. Kerajaan sentiasa prihatin terhadap kerumitan yang dihadapi rakyat dan akan berusaha supaya harga barangan, keperluan dan kos pengangkutan tidak membebankan rakyat. Sebagai langkah meneruskan usaha murni ini, kerajaan menyediakan peruntukan tambahan sebanyak RM674 juta sebagai subsidi untuk mengelakkan kenaikan harga bahan makanan harian seperti gula, roti dan tepung gandum. Tanpa subsidi ini harga gula akan meningkat 47 sen sekilogram, tepung gandum akan meningkat 60 sen sekilogram dan roti bagi 400 gram meningkat 26 sen. Selain itu kerajaan juga telah menyediakan RM480 juta supaya kadar tol tidak dinaikkan agar dapat membantu rakyat. Dengan ini kerajaan memperuntukkan RM27.9 *billion* bagi menampung keperluan subsidi untuk tahun 2009.

Meningkatkan pemilikan rumah. Dalam pakej rangsangan pertama, sebanyak RM200 juta telah diperuntukkan bagi membina 6,500 unit rumah mesra rakyat oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad. Memandangkan program ini mendapat sambutan yang baik daripada golongan berpendapatan rendah, kerajaan akan menambahkan RM200 juta lagi di bawah pakej rangsangan ini. Pada masa ini sentimen pelaburan di sektor perumahan tidak menggalakkan kerana pihak pemaju dan pembeli masing-masing mengambil sikap berhati-hati dalam membina dan memiliki rumah. Oleh itu, bagi merangsang sektor perumahan ini kerajaan mencadangkan supaya pembeli rumah diberi pelepasan cukai ke atas faedah pinjaman perumahan sehingga RM10 setahun selama tiga tahun.

Menambah baik infrastruktur awam. Kerajaan akan terus meningkatkan tahap infrastruktur awam bagi kemudahan dan kesejahteraan rakyat di dalam pakej rangsangan ini. Selain daripada membina keupayaan masa hadapan negara, usaha ini juga dapat mempergiatkan aktiviti sektor pembinaan dan seterusnya mencergaskan permintaan domestik. Untuk ini kerajaan akan mempercepatkan pelaksanaan projek-projek di bawah RMK9 yang mempunyai kandungan tempatan dan kesan pengganda yang tinggi, mesra rakyat serta boleh dimulakan segera. Kesemua projek tersebut bernilai RM8.4 *billion*.

Di samping itu, RM1.6 *billion* adalah untuk dana menggalakkan pelaburan. Kerajaan akan menyediakan peruntukan tambahan sebanyak RM200 juta bagi kerja-kerja membaiki longkang-longkang yang tersumbat dan rosak, menyelenggarakan jalan raya terutamanya menurun

permukaan jalan yang rosak dan berlubang. Di samping itu, peruntukan sebanyak RM150 juta akan disediakan untuk kerja-kerja pengubahsuaian, penyelenggaraan dan membaik pulih rumah kebajikan, balai dan kuarters bomba serta tandas awam di masjid, surau dan kawasan pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, bon simpanan kerajaan. Untuk menambahkan lagi pendapatan rakyat, kerajaan akan menerbitkan bon simpanan kerajaan berasaskan syariah berjumlah RM5 bilion pada tahun ini. Bon ini akan mempunyai tempoh matang selama tiga tahun pada kadar pulangan sebanyak 5% setahun yang akan dibayar kepada pemegang bon pada setiap suku tahun. Sebanyak RM250 juta setahun akan dimanfaatkan oleh pemegang bon. Bon ini dibuka kepada setiap rakyat berumur 21 tahun dan ke atas dengan pelaburan minimum sebanyak RM1,000 dan maksimum RM50,000.

Pembangunan pendidikan. Bagi memantapkan lagi pembangunan modal insan terutamanya dalam menyediakan persekitaran yang selesa untuk pembelajaran, kerajaan akan menyediakan peruntukan RM1.95 bilion bagi membina dan menambah baik kemudahan 752 buah sekolah terutamanya di kawasan luar bandar serta Sabah dan Sarawak. Sebanyak RM300 juta daripada peruntukan tersebut juga digunakan untuk menambah baik kemudahan sekolah agama bantuan kerajaan, sekolah jenis kebangsaan Cina, sekolah jenis kebangsaan Tamil dan *mission schools*.

Kemudahan asas di luar bandar. Kerajaan akan terus memastikan rakyat di luar bandar menikmati kemudahan asas yang mencukupi terutamanya bekalan elektrik dan air serta jalan luar bandar. Setakat ini peruntukan sebanyak RM230 juta telah disediakan untuk projek meningkatkan liputan bekalan elektrik dan air di kawasan luar bandar terutama di Sabah dan Sarawak. Di samping itu peruntukan tambahan sebanyak RM350 juta disediakan bagi pembinaan jalan luar bandar. Di samping itu kerajaan juga akan menambahkan peruntukan sebanyak RM500 juta untuk program penyelenggaraan infrastruktur awam atau PIA dan projek infrastruktur asas atau PIAS dengan memberi tumpuan kepada Sabah dan Sarawak.

Program di Sabah dan Sarawak. Sebanyak RM1.2 bilion diperuntukkan bagi penyediaan infrastruktur di Sabah dan Sarawak. Projek dan program akan dijalankan di Sarawak termasuk pembesaran Lapangan Terbang Sibu, pengerukan Pelabuhan Miri, membaik pulih infrastruktur akibat banjir, menaik taraf sekolah, membina pusat latihan Lawas, estet perindustrian Kota Samarahan dan peningkatan kemudahan pelancongan.

Di Sabah pula antara program dan projek utama yang akan dilaksanakan termasuk pembinaan beberapa Pusat Giat MARA, sistem penghantaran elektrik Kota Kinabalu, menambah baik jalan, menaik taraf sekolah serta membaik pulih dan menggantikan jambatan-jambatan. Kerajaan juga akan mengambil tindakan yang serius untuk menyelesaikan masalah perkhidmatan kesihatan di Hospital Queen Elizabeth Kota Kinabalu.

Program mikro kredit. Kerajaan akan memperuntukkan RM300 juta kepada program mikro kredit di bawah Agro Bank untuk membantu golongan petani dan peniaga berasaskan

pertanian di luar bandar. Di samping itu, RM50 juta disediakan untuk program mikro kredit di bawah Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga atau TEKUN. Pekerjaan sebagai nelayan melibatkan risiko yang tinggi dan sering terdedah kepada bencana alam seperti ribut, ombak besar dan lain-lain. Untuk membantu nelayan yang mengalami musibah di laut, kerajaan menyediakan peruntukan permulaan kepada Tabung Kebajikan Nelayan sebanyak RM2 juta yang akan diuruskan oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia atau LKIM.

■1210

Menjaga kebajikan pekerja yang diberhentikan, kerajaan amat prihatin kepada nasib pekerja yang telah diberhentikan. Bagi meringankan beban dan meningkatkan pendapatan boleh guna pekerja terlibat. Kerajaan mencadangkan pengecualian cukai yang diberi ke atas bayaran pampasan kehilangan pekerja sebanyak RM6,000 sekarang dinaikkan kepada RM10,000 bagi setiap tahun genap perkhidmatan.

Galakan kepada bank untuk menanggungkan bayaran balik pinjaman perumahan untuk membantu pekerja yang diberhentikan, institusi perbankan bersetuju untuk menanggungkan bayaran balik pinjaman perumahan oleh pekerja yang diberhentikan selama satu tahun. Bagi menyokong usaha institusi perbankan memberi kelonggaran ini, kerajaan bersetuju pendapatan faedah bank berkaitan dengan penangguhan bayaran balik perumahan hanya dikenakan cukai apabila pendapatan tersebut diterima.

Tuan Yang di-Pertua, teras ketiga membantu sektor swasta menghadapi krisis, kerajaan akan memberi tumpuan kepada usaha menyokong aktiviti sektor swasta agar terus dapat beroperasi dalam persekitaran yang sukar. Selain itu, kerajaan juga akan melaksanakan langkah-langkah untuk meningkatkan keyakinan pelabur asing dan tempatan untuk terus mengembangkan ekonomi domestik.

Skim jaminan modal kerajaan. Kerajaan akan menubuhkan satu skim jaminan modal kerja berjumlah RM5 bilion bagi membiayai modal kerja syarikat-syarikat yang mempunyai dana pemegang ekuiti di bawah RM20 juta. Kerajaan akan menyediakan jaminan dengan nisbah sebanyak 80/20 iaitu 80% kerajaan dan 20% institusi kewangan yang menyediakan pinjaman bagi membiayai modal kerja syarikat. Had pinjaman ialah sebanyak RM10 juta bagi tempoh lima tahun.

Dana jaminan penstrukturan semula industri. Kerajaan akan menubuhkan skim dana jaminan penstrukturan semula industri berjumlah RM5 bilion untuk pinjaman bagi meningkatkan produktiviti dan nilai tambah lebih tinggi serta menggalakkan aplikasi *green technology*. Di bawah skim ini bagi syarikat dengan dana pemegang ekuiti kurang daripada RM20 juta, kerajaan menyediakan jaminan berasaskan nisbah 80/20 iaitu 80% kerajaan dan 20% institusi kewangan. Bagi syarikat dengan dana pemegang ekuiti RM20 juta atau lebih nisbah jaminannya ia adalah 50/50. Had maksimum pinjaman ialah sebanyak RM50 juta dengan tempoh pinjaman selama sepuluh tahun.

Memudahkan akses ke pasaran modal. Kerajaan akan menubuhkan institusi jaminan kewangan atau *financial guarantee institution* untuk menyediakan penambahan kredit kepada syarikat swasta yang ingin mendapatkan pembiayaan pasaran bon. Institusi jaminan kewangan ini adalah milik penuh kerajaan dan Bank Negara Malaysia akan menerajui penubuhan institusi ini. Pada permulaan syarikat ini akan mempunyai modal berbayar sebanyak RM1 bilion dan akan dipertingkatkan kepada RM2 bilion kemudian. Adalah dijangkakan bahawa bon sebanyak RM15 bilion akan dapat diwujudkan di dalam kaedah ini.

Tuan Yang di-Pertua, menarik individu *high net worth* dan berkemahiran. Untuk menarik bukan sahaja para pelabur asing tetapi juga mereka yang mempunyai kepakaran yang tinggi dalam bidang tertentu. Kerajaan akan memperkenalkan satu program baru di mana status pemastautin tetap boleh dipertimbangkan kepada warga asing yang mempunyai aset bersih yang tinggi atau *high net worth* individu dan membawa masuk melebihi USD2 juta ke Malaysia untuk tujuan pelaburan atau penabungan.

Di samping itu, golongan profesional asing yang berkemahiran tinggi juga boleh dipertimbangkan untuk diberi status yang sama. Mengurangkan kos kendalian perniagaan. Kerajaan telah memberi pengecualian bayaran levi kepada Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia selama enam bulan oleh majikan industri *textile, electronics and electrical* mulai 1 Februari 2009. Sebagai langkah tambahan, kerajaan bersetuju menurunkan kadar bayaran *levy* daripada 1% kepada 0.5% bagi semua majikan selama dua tahun berkuat kuasa 1 April 2009.

Menggalakkan sektor automotif. Dalam suasana ekonomi semasa, prestasi jualan industri automotif tidak menggalakkan dan banyak syarikat yang terlibat dengan rantai industri automotif berada dalam keadaan sukar. Untuk itu, kerajaan akan menambahkan peruntukan sebanyak RM200 juta kepada dana pembangunan automotif untuk terus menyokong pembangunan industri dan vendor automotif serta penubuhan Institut Automotif Malaysia.

Di samping itu sebagai satu usaha sama antara kerajaan dengan sektor swasta, kerajaan akan membantu skim pelupusan kereta Proton dan Perodua. Di bawah skim ini, pemilik sebarang jenama kereta yang ingin melupuskan kereta mereka yang berusia sepuluh tahun atau lebih akan menerima diskaun bernilai RM5,000 untuk membeli kereta baru. Kerajaan akan membiayai sebahagian daripada diskaun yang ditanggung oleh Proton dan Perodua.

Industri penerbangan. Industri penerbangan negara telah berkembang pesat dengan jumlah pengendalian penumpang meningkat sebanyak 5% kepada 47.4 juta penumpang pada tahun 2008. Jumlah penumpang yang dikendalikan oleh syarikat penerbangan tambang murah juga telah meningkat kepada 18.5 juta penumpang. Memandangkan Terminal Tambang Murah atau LCCT Sepang mempunyai kapasiti terhad ...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta maaf. Saya ingin bertanya, Yang Berhormat akan mengambil masa berapa lama lagi agaknya?

Dato' Kong Cho Ha: Semua ada 25 muka surat sahaja, baru 18 muka surat.

Tuan Yang di-Pertua: Sebab kita perlukan penyokong dan sebab itu Menteri masuk dan saya pun tidak mahu habiskan masa Yang Berhormat Menteri. Kalau lama lagi Yang Berhormat boleh keluar dahulu dan balik semula. Terima kasih. Yang Berhormat agak berapa minit?

Dato' Kong Cho Ha: / tidak tentu. Mungkin sepuluh minit lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Kong Cho Ha: Industri penerbangan negara. Memandangkan Terminal Tambang Murah LCCT Sepang mempunyai kapasiti terhad untuk mengendali lebih ramai penumpang, Malaysia Airport Holdings Berhad akan membina dan mengendalikan LCCT baru di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur atau KLIA dengan kos sebanyak RM2 bilion yang dijangka siap pada tahun 2011.

■ 1220

Untuk menarik lebih ramai pelancong terutamanya dari luar negara usaha menggalakkan lebih banyak syarikat-syarikat penerbangan mempunyai operasi di negara ini akan dipertingkatkan. Untuk itu, rebat sebanyak 50% ke atas caj pendaratan akan diberikan kepada semua syarikat penerbangan yang mempunyai operasi di negara bagi tempoh dua tahun bermula 1 April 2009. Bagi menggalakkan entiti perniagaan membuat pelaburan, kerajaan mencadangkan pelaburan loji dan jentera diberikan elaun modal dipercepatkan yang boleh dituntut dalam tempoh dua tahun.

Layanan ini terpakai ke atas pelaburan yang dilakukan antara 10 Mac 2009 dan 30 Disember 2010. Pada masa ini, perbelanjaan ubahsuai dan baik pulih ke atas premis perniagaan tidak dibenarkan potongan cukai dan juga tidak layak menuntut elaun modal. Untuk menggalakkan syarikat melakukan kerja-kerja ubahsuai dan baik pulih, kerajaan mencadangkan perbelanjaan ubahsuai dan baik pulih yang dilakukan antara 10 Mac 2009 dan 31 Disember 2010 ke atas premis perniagaan diberi elaun modal dipercepatkan yang boleh dituntut dalam tempoh dua tahun. Elaun ini dihadkan sehingga RM100,000, *carry back loses* - sebagai langkah untuk membantu syarikat yang terjejas dan mengalami kerugian akibat kesan daripada krisis ekonomi global, kerajaan mencadangkan kerugian tahun semasa syarikat dibenarkan dibawa ke tahun sebelumnya.

Layanan ini akan membantu aliran tunai syarikat berbanding dengan layanan cukai sedia ada. Jumlah kerugian yang dibenarkan adalah sehingga RM100,000 setahun. Layanan ini terpakai bagi tahun taksiran 2009 dan 2010. Levi keuntungan atas kelapa sawit, levi keuntungan luar biasa ke atas kelapa sawit dikenakan apabila harga minyak sawit mentah melebihi RM2,000 setan. Walau bagaimanapun, sejak kebelakangan ini, kos pengeluaran telah meningkat dan *threshold* RM2,000 setan ini tidak mencerminkan paras keuntungan yang luar biasa. Sehubungan itu, paras *threshold* levi ini dinaikkan kepada RM2,500 setan bagi Semenanjung Malaysia dan RM3,000 setan bagi Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, teras keempat ialah membina keupayaan masa depan. Krisis ekonomi global ini memberi peluang kepada kerajaan untuk melaksanakan langkah

memperkukuh dan mengembangkan kapasiti negara bagi memastikan ekonomi lebih berdaya tahan dan mempunyai asas yang kukuh apabila keadaan kembali pulih. Antara usaha yang akan diambil adalah merangsang sektor pertumbuhan baru serta menstrukturkan semula industri ke arah produktiviti dan aktiviti nilai tambah tinggi. Pelaburan oleh Khazanah Nasional Berhad. Berdasarkan persekitaran luaran yang tidak menentu, adalah perlu bagi kerajaan untuk mengambil peranan aktif dalam menggalakkan pelaburan swasta tempatan. Kerajaan akan meningkatkan dana pelaburan Khazanah Nasional Berhad sebanyak RM10 bilion. Dana ini akan dilaporkan oleh Khazanah bagi tempoh dua tahun akan datang dengan memberi keutamaan kepada aktiviti pelaburan domestik yang mempunyai kesan berganda tinggi dan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan.

Khazanah akan menumpukan pelaburannya dalam sektor strategik termasuk telekomunikasi, teknologi, pelancongan, pertanian, sains hayat dan projek berkaitan Iskandar Malaysia. *Project off-budget*, kerajaan telah juga mengenal pasti projek pelaburan bernilai RM5 bilion yang akan dilaksanakan secara *off-budget*. Antara projek-projek dalam kategori ini adalah LCCT di KLIA yang dianggarkan bernilai RM2 bilion, pembesaran Lapangan Terbang Pulau Pinang bernilai RM250 juta, projek peningkatan infrastruktur komunikasi oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia bernilai RM2.4 bilion dan pembinaan jejantas dan laluan berbumbung antara bangunan di kawasan *golden triangle*, Kuala Lumpur bernilai RM100 juta.

Inisiatif pembiayaan swasta - Bagi mempergiatkan lagi aktiviti pelaburan swasta, kerajaan akan membantu pelaksanaan projek melalui inisiatif pembiayaan swasta dan kerjasama awam swasta atau *public private partnership* dengan menyediakan dana sebanyak RM2 bilion. Syarikat swasta akan dipelawa untuk membida dana tersebut. Projek PFI yang akan dilaksanakan perlu mempunyai ciri-ciri di mana pihak swasta akan melaksanakan, membiayai dan menanggung risiko projek. Sebahagian besar hasil pendapatan projek ini perlu dijana daripada sektor swasta dan bukan sumber kerajaan. Bantuan pembiayaan kerajaan hanya merupakan sebahagian kecil daripada jumlah keseluruhan kos pelaburan projek bagi membolehkan sesuatu projek menjadi berdaya maju. Projek PFI yang dilaksanakan mesti merupakan projek yang strategik memberi hasil limpahan ekonomi yang tinggi mewujudkan peluang pekerjaan yang berterusan dan meningkatkan daya saing masa hadapan negara.

Antara projek yang telah diluluskan dengan kaedah perkongsian awam swasta termasuk penyediaan infrastruktur untuk taman perindustrian Tanjong Agas, plaster bioteknologi di Iskandar Malaysia serta menaik taraf infrastruktur sistem lalu lintas di sekitar KL Sentral. Liberalisasi sektor perkhidmatan. Dalam usaha kita menstrukturkan semula ekonomi negara dalam konteks perubahan ekonomi antarabangsa, sektor perkhidmatan akan diberi fokus kerana ia berpotensi untuk terus berkembang pesat dan menyumbang secara signifikan pada pertumbuhan ekonomi negara. Sektor ini kini menyumbang sebanyak 55% kepada KDNK dan berpotensi untuk menyumbang lebih 70% kepada KDNK seperti di negara maju. Sehubungan ini, kerajaan akan mengambil langkah untuk meliberalisasikan lagi sektor ini supaya dapat menarik

lebih banyak pelaburan, meningkatkan aliran masuk tenaga pakar asing dan teknologi serta memperkukuhkan daya saing sektor perkhidmatan negara.

Usaha ini juga adalah selaras dengan komitmen Malaysia di bawah *ASEAN Framework Agreement on Services* dan Pertubuhan Perdagangan Sedunia atau WTO. Peranan Jawatankuasa Pelaburan Asing. Dalam menggalakkan lagi usaha liberalisasi dan menjadikan Malaysia pasaran yang lebih kompetitif, peranan baru Jawatankuasa Pelaburan Asing atau FIC ialah untuk memantau pelaburan pada peringkat makro. Walau bagaimanapun, pada peringkat makro, FIC akan terus merangka garis panduan dan memantau pelaburan yang mempunyai kepentingan negara seperti pelabuhan dan lapangan terbang, hartanah, pertahanan, pengangkutan awam dan telekomunikasi.

■1230

FIC akan mengamalkan pendekatan yang lebih liberal yang akan membawa pada perubahan positif dan menyediakan suasana mesra pelabur untuk menarik lebih banyak pelaburan termasuk pelaburan asing. Kerajaan sedang merangka garis panduan FIC baru yang akan mencerminkan peranan baru FIC. Pengurusan berkenaan sumber kewangan kerajaan. Kerajaan akan memperkukuhkan pendekatan *value for money* dalam perolehan kerajaan.

Oleh itu kerajaan akan melaksanakan kaedah untuk meningkatkan elemen persaingan dalam perolehan kerajaan. Semua pembelian kerajaan akan diuruskan melalui tender terbuka atau tender terhad melainkan dalam kes-kes tertentu. Kaedah perolehan secara elektronik melalui sistem e-Perolehan akan diperluaskan bagi mempertingkatkan ketelusan dalam pengurusan perolehan kerajaan. Untuk mengawal kos projek, pelaksanaan secara reka dan bina atau *design and build* tidak akan dibenarkan kecuali dalam kes yang memerlukan kepakaran teknikal yang tinggi.

Di samping itu cadangan projek perlu mendapat kelulusan Jawatankuasa Standard dan Kos. Sebarang perubahan terhadap skop kerja atau reka bentuk projek tanpa kelulusan jawatankuasa ini tidak akan dibenarkan. Bagi memperkukuhkan lagi peranan dan keberkesanan jawatankuasa ini, kerajaan akan menambah bilangan jawatan profesional seperti jurutera, arkitek dan juru ukur bahan. Jawatankuasa ini juga akan membuat laporan secara berkala kepada jemaah Menteri mengenai pematuhan standard dan isi-isu berkaitan.

Kerajaan akan terus memberi sokongan padu terhadap pembangunan industri tempatan melalui perolehan kerajaan. Kerajaan telah mewajibkan penggunaan bahan-bahan barangan atau perkhidmatan tempatan dan keutamaan kepada pembuat tempatan dan setiap perolehan kerajaan. Perolehan barangan import hanya boleh dilaksanakan setelah dipastikan ianya tidak boleh diperoleh secara tempatan ataupun kos barangan tempatan terlalu tinggi. Selain itu, menjadi hasrat kerajaan agar sektor swasta turut menyokong usaha kerajaan ini dengan memainkan peranan penting iaitu mengutamakan barangan tempatan dalam setiap perolehannya.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan yakin strategi dan langkah yang telah dirangka, dalam Pakej Rangsangan Kedua ini adalah komprehensif dan menyeluruh untuk menghindarkan ekonomi negara daripada terjerumus ke dalam kancas kemelesetan yang mendalam. Kita tidak boleh bergantung kepada dasar pemulihan ekonomi secara ortodoks, sebaliknya kita mesti berani merangka kaedah inovatif untuk menangani krisis ini. Ini merupakan tempoh yang amat mencabar bagi kita semua. Kita semua harus bersedia dan tabah untuk menghadapi impak negatif krisis ini. Pengalaman kesusahan dan keperitan yang kita lalui pada krisis-krisis terdahulu perlu kita jadikan panduan dan iktibar dalam kita menangani krisis kali ini. Saya berdoa, *I don't know whether I should read this*. Bagi memberi...

Tuan Yang di-Pertua: *Not wrong for anybody to pray* dengan izin.

Dato' Kong Cho Ha: *Yes I know. But then they have something... [Ketawa]* Untuk memberi semangat keyakinan, kekuatan serta ketabahan kepada kita semua dalam menghadapi krisis ini. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2009 dan bagi memperuntukkan jumlah itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Gooi, Datuk Akbar Ali, Dato' Wong, Puan Mumtaz dan Datuk Sim. Mengikut giliran, Dato' Saripah Aminah.

12.37 tgh.

Dato' Gooi Hoe Hin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas kesempatan ini untuk mengambil bahagian dalam membahaskan mini bajet yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini. Terlebih dahulu izinkan saya bersama-sama juga Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini menyampaikan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak atas pelantikan sebagai Perdana Menteri Malaysia yang keenam oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 3 April 2009.

Tuan Yang di-Pertua: Supaya Datuk Akbar dapat bersedia. Yang Berhormat agak Yang Berhormat akan mengambil masa berapa lama?

Dato' Gooi Hoe Hin: 25 minit.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Gooi Hoe Hin: Semoga kepimpinan bijaksana Yang Berhormat Dato' Sri Najib Tun Razak dengan sokongan padu rakyat jelata. Visi satu Malaysia dan tercapai. Dalam memberi sedikit sebanyak pandangan berkaitan dengan mini bajet ini, saya akan hanya secara ringkas

sahaja menyentuh beberapa perkara demi menjimatkan masa serta juga ruang diberikan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat Dewan yang mulia ini memberi pendapat-pendapat mereka.

Tidak perlu diulangi lagi senario dan angka-angka ekonomi kerana sebentar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah dengan cukup jelas serta bernas menghuraikan segala-galanya. Di samping itu langkah-langkah yang diutarakan adalah tepat pada masanya. Syabas dan tahniah atas kesungguhan kerajaan dan keberanian membentangkan satu mini bajet yang amat memberangsangkan. Saya rasa mungkin jika boleh ianya perlu ditambahkan lagi. RM60 bilion kemungkinan tambah kepada RM100 bilion. Ini kerana mengikut angka yang dicatatkan tahun ini lebih kurang kita akan mengalami defisit 7.6%. Mungkin kita boleh naik ke 9%.

Apatah lagi dari maklum balas ianya difikirkan masih tidak mencukupi. Saya masih ingat pada 10 Disember tahun lalu apabila saya membahaskan belanjawan 2009 perkara-perkara kegawatan ekonomi dan kesan-kesannya telah pun saya huraikan. Kini kerajaan terus mengambil tindakan yang luar biasa dengan terbentangnya mini bajet walaupun agak sedikit terlewat. Namun yang penting dan jelas, kerajaan mengambil tindakan serta langkah-langkah proaktif dalam mengatasi keadaan yang luar biasa ini. Saya ingin menyentuh satu perkara iaitu mata wang ringgit.

Dalam pada itu izinkan saya menarik perhatian kerajaan supaya harus juga berwaspada tentang kemungkinan mata wang ringgit terhimpit sekali lagi dengan tindak tanduk unsur-unsur spekulasi yang kurang sihat.

■1240

Saya harap Kementerian Kewangan bersama-sama dengan Bank Negara harapnya mempunyai suatu pemantauan serta mekanisme yang cekap dan sempurna agar orang hendak curi mata wang Ringgit ini tidak mengambil kesempatan semasa keadaan kegawatan ekonomi luar biasa ini. Saya berpendapat begitu kerana adalah diperhatikan mata wang Ringgit telah kukuh pada April 2008 di tahap RM3.10 ke USD1. Kini, tetapi apabila Amerika Syarikat dalam kemelesetan yang teruk, mata wang Ringgit jatuh lagi ke paras, kalau saya tidak silap kelmarin, RM3.60 lebih, tidak masuk akal.

Ada yang menyatakan dengan kejatuhan Ringgit adalah baik untuk eksport kita. Namun dalam keadaan eksport kita yang menurun mendadak, ianya tidak memberi kesan begitu baik juga. Tambahan pula import kita akan naik juga apabila Ringgit kita turun. Jadi saya harap bahawa Bank Negara bersama-sama Kementerian Kewangan akan melihat dengan lebih mendalam adakah aktiviti spekulasi sedang menekan mata wang Ringgit kita.

Yang kedua, saya hendak cadangkan dalam keadaan yang amat susah ini, pelaksanaan yang cepat dan mesra cukup penting agar apa yang dirancang tadi, rancangan itu cukup cantik dan molek, yang tadi disenaraikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri demi merangsang ekonomi negara. Tidak akan tercapai jika kakitangan kerajaan mengamalkan sikap sambil lewa dan lena, sikap tidak apa, kerja atau tidak kerja, masih dapat gaji, tidak boleh diberhentikan kerja. Itu kita mesti banteras.

Saya harap sistem penyampaian perkhidmatan awam harus ditingkatkan lagi. Bukannya sekadar terdapat Pemudah, namun lebih-lebih lagi mustahak dan penting adalah kakitangan pertengahan dan bawahan bersama-sama seiring, sehati, sejiwa, kerja lebih kuat, lebih berusaha demi bersama-sama membantu kerajaan mengatasi masalah-masalah akibat kegawatan ekonomi. Sehubungan dengan ini, izinkan saya cadangkan supaya 1.1 juta kakitangan kerajaan, kini tiba masanya beratnya sama-sama dipikul supaya kerajaan secara rela menunjuk keikhlasan, supaya meminta semua kakitangan kerajaan mengamalkan sikap jimat cermat dalam perbelanjaan serta, ini penting, secara ikhlas supaya kakitangan sendiri..., kalau boleh wajib, bekerja lebih masa. Katalah setengah jam sehari supaya apa fail yang ada kita bereskan.

Dalam setengah jam bermakna 1.1 juta kakitangan kerajaan, setengah jam bermakna produktiviti daya pengeluaran akan naik dengan mendadak. Setengah jam sahaja tidak payah tengok isteri, tidak payah tengok anak, tidak akan mati. Akan tetapi dengan setengah jam pengorbanan ini, tentu nilai tokok tambahnya akan jadi amat-amat ketara. Saya harap ini satu cadangan sahaja. Tidak ada paksaan. Hendak menunjuk bahawa kakitangan kerajaan kininya membela nasib rakyat. Kini kakitangan kerajaan yang selama ini betul-betul mendukung kerajaan untuk menghadapi masalah yang luar biasa. Saya harap rakan yang dengar itu juga akui bahawa...

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: *[Bangun]*

Dato' Gooi Hoe Hin: Banyak rang undang-undang, ada lapan lagi. Boleh?

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, Yang Berhormat.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Yang Berhormat. Saya amat tertarik dengan sahabat saya yang betul-betul menghayati dan mahukan produktiviti yang terbaik, tetapi saya hendak minta pandangan Yang Berhormat. Kita melihat bahawa kakitangan awam, waktu bekerja dia dari pukul 8 pagi sampai pukul 5 petang. Yang Berhormat mencadangkan supaya diperuntukkan setengah jam lagi supaya dalam masa setengah jam itu dapat dilakukan produktiviti yang lebih baik.

Akan tetapi Yang Berhormat jangan lupa kakitangan awam ini dia masuk kerja sepuluh minit, dia keluar pergi *breakfast*. Dia mengambil masa 25 minit atau setengah jam. Dia keluar makan tengah hari sepatutnya sejam, kadang-kadang sejam lebih. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat. Yang Berhormat suruh tambah lagi setengah jam untuk mereka, kalau mereka menjaga masa yang diperuntukkan untuk makan tengah hari ikut *time* satu jam, *breakfast*, masuk kerja sudah tidak payah *breakfast*. Sepatutnya mereka makan pagi sebelum masuk kerja. Mereka tidak perlu keluar pukul 9 atau pukul 10 hendak minum dan sebagainya. Kalau kita tengok dalam Dewan yang mulia ini, saya hendak bagi contoh, Ahli-ahli *Senate* yang ada di sini...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat jangan lupa Yang Berhormat ganggu.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Ya, sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada dalam Dewan ini pun kebanyakan masa di luar. Sebab itu saya kata walaupun kita rayu setengah jam, kalau tidak dipergunakan dengan baik masa itu, maka masa-masa lain juga akan terbuang. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Dato' Gooi Hoe Hin: Saya cukup setuju dengan pandangan Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali. Saya ingat tidak semua kakitangan mengamalkan sikap sambil lewa. Jadi saya hendak tekankan supaya setengah jam itu sebagai simbol bahawa siapa yang makan cili itu, dia rasa pedas. Makan gaji kerajaan walaupun cukup tetap, tidak boleh diberhentikan kerja. Akan tetapi itu wang rakyat. Rakyat itu adalah tuan supaya memberi perkhidmatan yang baik, yang mesra, yang sempurna, yang dikehendaki oleh rakyat.

Memang Yang Berhormat itu sehati sejiwa bersama-sama untuk mendukung supaya kerajaan yang menghadapi masalah, ahli-ahli anggota pentadbiran kerajaan boleh merumuskan pelbagai dasar tetapi akhirnya takkan menteri itu pergi tengok longkang, takkan menteri itu cuci longkang juga. Bermakna tidak payah kita menggaji kakitangan kerajaan. Jadi yang sini simbol setengah jam itu bermakna akan dengan secara langsung atau secara tidak langsung akan *break the conscience of the* kakitangan kerajaan yang makan gaji buta. Jadi saya harap secara ikhlas, kini masanya saya merayu, tidak akan menjadi satu kenyataan atau pelaksanaan kepada kesejahteraan rakyat.

■1250

Cantik, tadi kita dengar. Muka suratnya banyak. Semuanya merangkumi segala aspek tetapi kalau kakitangan kerajaan tidak memahami saya kluatir dan bimbang perkara yang hendak dilaksanakan oleh kerajaan akan menjadi sia-sia sahaja dan akhirnya siapa yang akan menanggung kesusahan? Rakyat, termasuk juga anggota kakitangan kerajaan! Saya tidak boleh menyatakan bahawa kakitangan kerajaan itu tidak kerja tetapi unsur-unsur yang tidak sihat itu, kad perakam waktu itu, *cluck!* keluar sahaja minum kopi, masih lagi berleluasa. Jadi kepimpinan melalui teladan. Ketua jabatan mesti juga turun ke padang supaya tengok anak-anak buah dia di jabatan itu benar-benar bekerja. Itulah harapan.

Tuan Yang di-Pertua: Bermakna Yang Berhormat mahu pakej rangsangan ini memberangsangkan semua peringkatlah!

Dato' Gooi Hoe Hin: Cukup tepat, Tuan Yang di-Pertua. Kedua, ingin saya mendapat penjelasan bahawa baru-baru ini G-20 ataupun Kumpulan 20 dalam mesyuaratnya yang telah berakhir minggu yang lepas. Mengapa negara Malaysia disenaraihitamkan sebagai *tax heaven*? Jadi, saya tidak begitu faham. Saya hanya minta penjelasan bagaimana ia terjadi. Harap mendapat satu jawapan yang munasabah sebab ini akan juga menjejaskan imej negara Malaysia dalam arena antarabangsa.

Keempat, banyak kali di Dewan yang mulia ini dan berpandukan kepada ucapan yang dibentangkan tadi, pampasan demi pampasan diberi kepada konsesi lebuhraya. Di Dewan yang

mulia ini dua hari yang lalu Yang Berhormat Menteri menyatakan kajian yang teliti sedang dibuat supaya sesuatu keputusan akan diambil agar rakyat akan dilindungi tetapi saya kurang faham. Saya bagi contoh. Contohnya Lebuh Raya Utara-Selatan, mengikut angka yang saya dapati kutipan tol sehingga kini sudah RM16 bilion dan kos pembinaannya, kutipan tol sudah jadi RM27 bilion lebih.

Jadi, pelbagai tohmahan dan pelbagai jawapan tetapi hakikatnya kerajaan tidak boleh dan tidak seharusnya terus memberi pampasan demi pampasan. Saya pun tidak tahu angkanya yang sebenar, mungkin sampai RM700 juta. Alangkah baiknya RM700 juta ini sebagai wang untuk membina jalan Kota Kinabalu ke Tambunan yang begitu teruk. Jadi, saya harap tiba masanya kerajaan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak mengambil satu keputusan mutlak berkenaan tol. Tidak masuk akal dan tidak akan jadi selama-lamanya sebab dulu lain kini lain.

Kelima, saya akan habiskan kesimpulan. Kerajaan, ini satu sektor pertanian. Saya minta satu jawapan atau minta satu dasar supaya tiba masanya kita harus menyusun semula semua badan yang berkaitan dengan pertanian. Kalau saya kira kos untuk mengurus tadbir semua kementerian yang terlibat dalam pentadbiran tetapi kita masih mengimport makanan 2,000 juta, itu juga tidak masuk akal, sesuatu yang tidak kena. Tengok sahaja nelayan, kita ada LKIM, Jabatan Nelayan. Macam-macam untuk jaga nelayan tetapi nelayan masih... Tiba masanya kita harus mengambil satu keputusan bahawa kemungkinan nasib nelayan perlu diubahsuaikan cara ala FELDA. Hanya secara menyusun semula struktur ekonomi, baru kita boleh maju ke hadapan.

Yang terakhir, untuk jimat masa, Dasar Perolehan. Dasar perolehan yang tadi diutarakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan. Ini bermakna kerajaan kini betul-betul menumpukan supaya Dasar Perolehan ini akan diselenggarakan dengan lebih teliti secara jimat dan cermat. Akan tetapi apabila melaksanakan Dasar Perolehan seharusnya dinyatakan satu standard dan kos siapa yang akan menguruskannya itu yang ada kemahiran secara teknikal dalam komiti itu supaya kerajaan, seperti yang banyak kali saya telah menyatakan, memonopoli sesuatu yang betul-betul *worth*, dengan izin.

Dengan kata-kata itu saya menyokong *mini budget* ini yang cukup bererti dan berisi.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Datuk Sim.

12.58 tgh.

Datuk Sim Kheng Hui: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Untuk menangani masalah ekonomi dunia semasa, selain Bajet 2009 yang bernilai RM206 bilion...

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Datuk Gooi di atas kerjasama.

Datuk Sim Kheng Hui: Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan dan sekarang menjadi Perdana Menteri telah mengumumkan Pakej Rangsangan Pertama sebanyak RM7 bilion pada 4 November 2008 dan Pakej Rangsangan Kedua sebanyak RM60 bilion pada 10 Mac 2009. Memandangkan ketidaktentuan ekonomi dunia semasa, Perdana Menteri turut

menyatakan kemungkinan pakej rangsangan yang ketiga akan diumumkan sebelum bajet pada Oktober akan datang.

Dari aspek ini kita dapat lihat betapa teruknya kesan krisis ekonomi dunia semasa terhadap negara. Kita bersyukur kerana dengan adanya pemimpin-pemimpin negara yang peka terhadap kedudukan dan tekanan ekonomi sedunia dan bertindak pantas dalam menggariskan strategi-strategi untuk mengatasinya. Adalah menjadi harapan kita agar ekonomi negara dapat bangkit semula agar rakyat boleh hidup dengan senang. Pakej Rangsangan Kedua atau dikenali sebagai bajet mini akan mengambil masa dua tahun dan peruntukan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh sambung semula apabila Dewan bersidang semula pada pukul 2.30 petang.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang. Dewan bersidang semula pada pukul 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Datuk Sim Kheng Hui untuk menyambung ucapan.

2.32 ptg.

Datuk Sim Kheng Hui: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pakej rangsangan kedua atau dikenali sebagai bajet mini, akan mengambil masa dua tahun dan peruntukan sebanyak RM60 bilion adalah di luar dugaan. Jumlah peruntukan ini merupakan 9% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM15 bilion akan disalurkan sebagai suntikan fiskal, RM25 bilion sebagai dana jaminan, RM10 bilion untuk pelaburan ekuiti, RM7 bilion sebagai inisiatif pembiayaan swasta, *off-budget* dan insentif cukai berjumlah RM3 bilion.

Seperti mana yang ditekankan oleh Tuanku, pakej rangsangan kedua telah memberi penekanan kepada setiap sektor, dan lapisan masyarakat terutamanya mereka yang diberhentikan kerja. Selain itu, bantuan turut dihulurkan kepada perusahaan kecil dan sederhana, di samping menggariskan langkah-langkah untuk memastikan kestabilan sistem kewangan. Menerusi pakej rangsangan kedua, sebanyak RM10 bilion telah diperuntukkan sebagai bantuan makanan subsidi, untuk mengelak kenaikan harga bahan makanan harian, dan RM27.9 bilion digunakan bagi menampung keperluan subsidi untuk tahun 2009.

Selain itu, sebanyak RM300 juta telah diperuntukkan untuk menambah baik kemudahan sekolah agama bantuan kerajaan, sekolah jenis kebangsaan Cina, sekolah jenis kebangsaan Tamil dan *mission school*. Semenjak tahun lalu, sekolah-sekolah di Sarawak telah mendapat peruntukan sebanyak RM23.44 juta bagi maksud tersebut. Terdapat tanda-tanda menunjukkan peruntukkan seumpama ini akan terus disalurkan. Ini pasti meringankan bebanan masyarakat dalam memperkembangkan sektor pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, ketika kegawatan ekonomi dunia, kadar pengangguran negara dijangkakan meningkat dari 3.7% pada tahun 2008 kepada 5% pada dua tahun yang akan datang. Maka strategi-strategi untuk memperkembangkan industri tempatan, dan mengurangkan kadar pengangguran merupakan satu aspek yang amat mustahak. Sebanyak RM25 bilion telah digunakan sebagai dana jaminan yang dikhaskan untuk membantu perusahaan kecil dan sederhana dalam berdepan dengan keadaan ekonomi yang amat kritikal. Jika bantuan yang dihulurkan kepada perusahaan kecil dan sederhana dapat dimanfaatkan sepenuhnya, ia akan mengurangkan kadar pengangguran.

Selain itu, kerajaan telah mengambil beberapa langkah yang praktikal dengan memberikan bantuan kepada peminjam yang kehilangan kerja untuk menanggung bayaran balik pinjaman perumahan selama satu tahun. Selain itu, kerajaan juga memberikan potongan cukai dua kali ke atas jumlah gaji yang dibayar bagi syarikat yang menggaji pekerja yang diberhentikan kerja dan memberikan program latihan semula untuk mereka yang kehilangan kerja.

Walau bagaimanapun, masih ada yang mengharap agar kerajaan boleh memberikan bantuan dalam bentuk wang sebagai strategi jangka masa pendek, bagi membantu mereka yang kehilangan kerja dan menyertai latihan semula agar dapat meringankan beban kewangan mereka serta keluarga mereka. Adalah menjadi harapan masyarakat agar usaha kerajaan mewujudkan lebih banyak peluang latihan dan penempatan pekerjaan di sektor awam akan dilakukan dengan penuh telus iaitu kelayakan menjadi syarat utama pengambilan dan bukannya berdasarkan kuota atau kaum.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pakej rangsangan kedua, sebanyak RM700 juta telah diperuntukkan untuk mewujudkan 163 ribu peluang pekerjaan, RM7 bilion untuk inisiatif pembiayaan swasta yang akan dapat membantu perusahaan kecil dan sederhana dan RM2.5 bilion untuk memperbaiki jalan raya, kemudahan awam, dan sekolah di kawasan luar bandar.

■1440

Corak pengagihan peruntukan yang agak seimbang ini harus dipuji. Walau bagaimanapun, kita amat prihatin terhadap defisit Bajet Kerajaan Persekutuan tahun ini yang meningkat dari 4.8% pada tahun lalu kepada 7.6%. Faktor yang perlu diberikan perhatian, ialah negara kita telah mengalami perbelanjaan defisit sejak 12 tahun yang lalu. Walaupun peruntukan besar-besaran terhadap ekonomi adalah amat perlu untuk menangani krisis ekonomi global, namun kita mesti berwaspada dan memberikan pertimbangan wajar, terhadap kesannya dalam jangka masa panjang. Maka usaha untuk memperkukuhkan kedudukan kewangan negara adalah antara tugas yang amat penting buat masa ini, lebih-lebih lagi dengan Keluaran Dalam Negara Kasar atau KDNK, telah dijangkakan akan menguncup kepada -1%.

Situasi ini akan meletakkan posisi kewangan negara berada di tahap yang amat tertekan. Eksport negara telah menguncup sebanyak 27% dan usaha memperluaskan pasaran antarabangsa harus dipergiatkan. Namun yang menjadi halangan sektor ini ialah kegawatan

ekonomi dunia semasa telah menyebabkan permintaan antarabangsa berkemungkinan besar tidak akan bertambah baik dalam jangka masa pendek ini. Maka mempergiatkan pasaran tempatan telah menjadi tumpuan kebanyakan negara termasuk negara kita. Maka, langkah-langkah yang akan dapat memberangsangkan pasaran tempatan perlulah dikenal pasti dengan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, secara amnya dalam mempergiatkan permintaan domestik, kita perlu menggalakkan rakyat berbelanja dengan bijak, terutama membeli barangan tempatan. Walaupun bajet mini tidak memberikan bantuan dalam bentuk wang, namun jika keadaan ekonomi masih tidak baik atau menjadi semakin teruk, pemberian kupon untuk rakyat berbelanja boleh dipertimbangkan dalam Pakej Rangsangan Ekonomi yang akan datang.

Usaha kerajaan menekankan pembangunan sektor pelancongan merupakan satu strategi yang baik, dengan mana boleh menarik masuk mata wang saing dan mem berangsangkan pasaran tempatan. Untuk mencapai sasaran ini sebanyak RM200 juta telah diperuntukkan untuk pembangunan pelancongan. Selain usaha pembangunan kemudahan asas, tempat tarikan pelancongan juga harus ditambah, dan giat diperhebahkan menerusi media publisiti. Dalam Pakej Rangsangan Kedua, Sarawak dan Sabah telah diberikan peruntukan sebanyak RM1.2 bilion bagi meningkatkan aktiviti ekonominya. Daripada itu, sebanyak RM230 juta untuk projek meningkatkan liputan bekalan elektrik dan air di kawasan luar bandar.

Namun, jika dibandingkan dengan RM60 bilion, yang diperuntukkan dalam Pakej Rangsangan Kedua jumlah peruntukan untuk Sarawak dan Sarawak masih tidak begitu memadai dan tidak seimbang. Situasi ini disebabkan pembangunan ekonomi Sarawak dan Sabah jauh ketinggalan berbanding dengan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Maka adalah menjadi harapan rakyat agar peruntukan dalam bajet atau Pakej Rangsangan Ekonomi yang akan datang akan bertambah supaya rakyat Sarawak dan Sabah dapat menikmati kemajuan pembangunan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Pakej Rangsangan Kedua, hanya RM15 *billion* disuntik terus ke dalam pasaran, dan ini mungkin tidak dapat memberangsangkan perbelanjaan tempatan dengan serta-merta. Manakala potongan cukai pendapatan individu dan syarikat yang diharapkan tidak diberikan, dan senario ini akan mengurangkan kuasa permintaan domestik.

Walaupun kerajaan memberikan RM10 bilion bagi meningkatkan dana pelaburan Khazanah Nasional Berhad di pasaran domestik yang akan membantu perusahaan kecil dan sederhana. Namun kadar peminjam tidak berbayar telah meningkat daripada 4.8% tahun 2008 kepada 9%. Situasi ini mungkin tidak cukup kuat untuk membina keyakinan pasaran dan mendatangkan kesan yang baik. Kita berharap peruntukan menerusi Bajet 2009, Pakej Rangsangan Pertama dan Pakej Rangsangan Kedua akan disalurkan dengan secepat mungkin. Selain itu, pengagihan dan pelaksanaan projek harus diuruskan dengan telus supaya mendatangkan kesan optimum untuk menangani masa kritikal ini. Tuan Yang di-Pertua, dengan

ini saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2009) 2009. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, seterusnya dipersilakan Dato' Wong Siong Hwee.

2.48 ptg.

Dato' Wong Siong Hwee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2009) 2009 di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia yang keenam iaitu Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak di atas pelantikan beliau ini. Kebolehan Perdana Menteri yang baru dilantik dibuktikan melalui pengalaman, di mana beliau merupakan Ahli Parlimen Pekan pada masa itu yang paling muda di usia 23 tahun. Bekas Menteri Besar Pahang yang juga pada masa itu yang termuda di kalangan menteri-menteri besar di negeri-negeri lain. Atas pengalaman yang ada pada beliau, kemudian beliau pula dibawa ke peringkat Kerajaan Pusat untuk dilantik sebagai Menteri penuh.

▪ **1450**

Semasa pemerintahan Yang Amat Berbahagia Tun Mahathir bekas Perdana Menteri Malaysia yang ke empat telah memberi tunjuk ajar dan kepercayaan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri pada masa itu. Gandingan Yang Amat Berbahagia Tun Pak Lah dengan Yang Amat Berhormat Dato' Sri dalam tempoh lima tahun dalam kerajaan sebagai Timbalan Perdana Menteri dan pula memberi kepercayaan untuk menerajui Kementerian Kewangan sebagai Menteri Kewangan.

Dalam tempoh yang singkat ini, Yang Amat Berhormat Dato' Sri berjaya menghadapi rintangan dan liku-liku dalam menghadapi krisis ekonomi yang melanda seluruh dunia. Kata pepatah Melayu, sediakan payung sebelum hujan. Antara langkah drastik sejurus beliau dilantik sebagai Menteri Kewangan melalui pengumuman Pakej Rangsangan Ekonomi yang berjumlah RM7 bilion yang memberi satu nafas kepada ekonomi Malaysia daripada kesan kemelesetan ekonomi global.

Selepas itu Yang Amat Berhormat Dato' Sri pula memperkenalkan satu berita baik untuk rakyat Malaysia iaitu mini bajet dengan peruntukan yang besar berjumlah RM60 bilion. Banyak lagi sumbangan yang diberi oleh beliau pada masa dahulu dan juga saya percaya pada masa akan datang. Itulah kebolehan dan pengalaman yang ada pada Perdana Menteri yang kita cintai ini. Saya berharap semua parti-parti politik tidak kira pemerintah ataupun pembangkang, marilah kita bersama-sama memberi kepercayaan dan sokongan padu kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Perdana Menteri demi untuk Malaysia dan negara yang kita cintai.

Selain daripada itu saya ingin memberi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berbahagia Tun Pak Lah di atas sumbangan khidmat cemerlang sepanjang 31 tahun

kepada negara. Tidak dapat dilupakan pengorbanan dan kesungguhan Yang Amat Berbahagia Tun dalam pengukuhan sistem demokrasi dan institusi Parlimen yang merupakan institusi penting sesebuah negara seperti menubuhkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia iaitu SPRM untuk memperkasakan memerangi rasuah.

Perubahan Institut Integriti Malaysia atau IIM, dan banyak lagi Yang Amat Berbahagia Tun Abdullah menabur jasa kepada negara ini serta teladan kepimpinan yang cukup berhemah. Tun Pak Lah, jasamu tetap dikenang. Setelah Dato' Sri Najib Tun Abdul Razak dilantik sebagai Perdana Menteri pada 3 April 2009, harapan seluruh warga Malaysia agar satu transformasi besar dapat dibuat ke atas negara Malaysia seperti laungan semangat yang dijanjikan iaitu, satu Malaysia, rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan. Kata pujangga ini dapat memberikan keyakinan rakyat Malaysia kepada kerajaan di bawah kepimpinan Dato' Sri Perdana Menteri.

Saya juga menyusun sepuluh jari mengharapakan kepimpinan baru yang akan dibentuk ini dapat meneruskan agenda besar kerajaan untuk membasmi kemiskinan, menstrukturkan semula masyarakat Malaysia, meluaskan akses kepada pendidikan berkualiti untuk semua kaum tanpa mengira bangsa dan agama serta meniupkan semangat sebuah generasi baru untuk menumpahkan khidmat kepada Malaysia. Persekitaran ekonomi global bagi tahun 2009 dijangka lebih sukar memandangkan Amerika Syarikat yang merupakan ekonomi dan negara perdagangan terbesar di dunia dijangka mengalami pertumbuhan ekonomi negatif sebanyak 1.6%.

Manakala negara United Kingdom mengalami -2.8% dan Jepun -2.6%. Di rantau ini, Korea Selatan, Taiwan dan Singapura akan terus mengalami kemelesetan ekonomi iaitu masing-masing pada -2%, -4% dan -4.9% pada tahun ini. Sungguhpun ekonomi negara Cina dan India dijangka mencatat pertumbuhan positif sebanyak 6.7% dan 5.1%, namun jangkaan pertumbuhan ini adalah pada kadar yang ketara rendah. Berikutan perkembangan ini, IIM telah pada Januari 2009 sekali kali mengurangkan unjuran pertumbuhan ekonomi dunia daripada 2.2% kepada 0.5% bagi tahun 2009.

Setakat ini usaha-usaha untuk memulihkan sektor kewangan di negara-negara maju masih belum berjaya. Oleh itu besar kemungkinan keadaan ekonomi global akan menjadi lebih buruk sebelum keadaan ekonomi menjadi pulih. Bajet tahun 2009 telah diperuntukkan sejumlah RM206 bilion manakala Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama berjumlah RM7 bilion pada 8 Mac 2009 Yang Amat Berhormat Dato' Sri Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan telah mengumumkan Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua berjumlah RM60 bilion bagi mengurangkan kesan penguncupan ekonomi global ke atas ekonomi negara dari terjerumus dalam kemelesetan ekonomi dunia.

Sikap berani kerajaan dan kebolehan yang ditunjukkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri keenam ini telah menunjukkan beliau seorang yang cuba menyelamatkan Malaysia daripada dimanipulasikan oleh golongan yang tidak bertanggungjawab. Kelembapan ekonomi yang dihadapi negara ini telah memberikan kesan kepada pengangguran dan peluang pekerjaan.

Oleh itu kerajaan amat prihatin dengan keperitan yang dihadapi oleh golongan pekerja yang diberhentikan. Kesukaran yang ditanggung oleh siswazah menganggur dan keresahan yang turut dirasakan oleh keluarga mereka. Untuk membantu mereka ini kerajaan akan mewujudkan sebanyak 163,000 peluang latihan dan penempatan pekerjaan di sektor awam dan swasta.

Saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan dalam usaha untuk mengambil 63,000 kakitangan untuk mengisi kekosongan jawatan dan sebagai pegawai kontrak di pelbagai agensi kerajaan dalam meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam. Pertama, pengisian segera 50,000 jawatan kosong di peringkat profesional dan sokongan dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan. Bagi kumpulan sokongan, penurunan kuasa daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam akan diberi kepada agensi berkaitan.

Di sini saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam untuk memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini tempoh masa yang akan diambil bagi pengisian jawatan kekosongan tersebut dan pecahan mengikut komposisi kaum bagi menunjukkan ketelusan pengisian jawatan tersebut. Di bawah Pakej Rangsangan Pertama, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM200 juta bagi membina sejumlah 6,500 unit rumah mesra rakyat oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad. Memandangkan program ini mendapat sambutan yang baik daripada golongan berpendapatan rendah, kerajaan akan menambahkan lagi RM200 juta di bawah Pakej Rangsangan ini.

■1500

Dari jumlah peruntukan ini, saya mengharapkan Kementerian Kewangan dapat menyenaraikan lokasi yang dikenal pasti dalam melaksanakan Program Mesra Rakyat agar rakyat miskin tegar ini dapat menikmati kemudahan tersebut seperti yang disasarkan oleh pihak kerajaan. Kerajaan juga begitu prihatin kepada masyarakat di luar bandar melalui penyediaan kemudahan infrastruktur seperti membina longkang dan membaiki longkang, membina jalan raya terutamanya menurap permukaan jalan yang rosak dan berlubang.

Saya merakamkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang sekarang ini sentiasa membela nasib penduduk Kampung Baru di Semenanjung Malaysia dalam menyediakan peruntukan bagi Projek Pembangunan di Kampung Baru. Pelaksanaan projek yang berteraskan *people centric project*, dengan izinnya, akan dijadikan asas kepada projek pembangunan di Kampung Baru.

Saya mewakili 1.2 juta penduduk di Kampung Baru di Semenanjung Malaysia berdoa agar Yang Amat Berhormat Dato' Sri Perdana Menteri dapat mewarisi keprihatinan seperti mana pada zaman kegemilangan Tun Abdul Razak dalam mentadbir negara. Saya merakamkan terima kasih kepada Perdana Menteri yang berjiwa rakyat dalam meluluskan peruntukan sebanyak RM30 juta kepada Projek-projek Pembangunan Kampung Baru termasuk Kampung Bagan dan Kampung Baru Kayan di Semenanjung Malaysia.

Saya merayu agar Yang Amat Berhormat Dato' Sri dapat menambah lagi peruntukan kepada kampung-kampung baru tersebut di atas. Ini kerana peruntukan sebanyak RM30 juta

yang disalurkan masih tidak mencukupi untuk menyelesaikan masalah yang sekian lama mereka hadapi terutama sekali Kampung Bagan dan Kampung Baru Kayan yang berjumlah sebanyak 157 buah kampung.

Ke arah meningkat pembangunan modal insan terutamanya dalam menyediakan persekitaran yang selesa untuk pembelajaran. Kerajaan telah menyediakan peruntukan RM1.95 bilion bagi membina dan menambah baik kemudahan 752 sekolah terutamanya di kawasan luar bandar serta Sabah dan Sarawak. Sebanyak RM300 juta daripada peruntukan tersebut juga digunakan untuk menambah baik kemudahan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan, Sekolah Jenis Kebangsaan China, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan *mission school*.

Peruntukan jumlah RM50 juta telah diagihkan kepada 888 buah kepada SJK(C) bantuan modal untuk kerja-kerja membaik pulih bangunan dan kemudahan asas sekolah serta peruntukan tersebut diberi terus kepada Lembaga Jemaah Pengurus Sekolah. Ini merupakan satu berita baik yang dinantikan oleh masyarakat Cina yang sudah sekian lama menunggu berita ini.

Saya mohon agar kerajaan dapat menambahkan lagi peruntukan khas untuk diberikan pertimbangan kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, SJK(C) bantuan modal yang masih belum mendapat peruntukan untuk menyelesaikan masalah yang sekian lama dihadapi oleh mereka. Selain daripada itu, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya mengambil perhatian yang lebih serius terhadap isu-isu seperti kebajikan rakyat miskin, ibu tunggal dan Orang Kurang Upaya, perumahan rakyat, kebajikan penjawat awam, hospital, pengurangan kadar tol, pengurangan kadar tarif elektrik dan air, pengurangan harga barang kawalan dan banyak lagi yang saya tidak dapat sebut satu persatu.

Melalui kata-kata saya tadi, saya berharap sangat pihak kerajaan bersungguh-sungguh mengambil perhatian serius permasalahan yang dihadapi rakyat agar kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Perdana Menteri dapat disanjung oleh rakyat Malaysia. Kerajaan Barisan Nasional sentiasa disemai dalam hati rakyat tanpa mengira bangsa dan agama. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan pada hari ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya Datuk Akbar bin Ali dan selepas itu saya minta Dato' Hajah Saripah Aminah untuk bersedia.

3.05 ptg.

Datuk Akbar bin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil kesempatan ini untuk turut sama-sama membahaskan Mini Bajet 2009 atau pun Pakej Rangsangan Kedua. Sebelum itu, izinkan saya Yang Berhormat untuk mengucapkan tahniahlah kerana mungkin ini adalah peluang terakhir saya bagi sesi ini untuk berucap.

Saya ingin merakamkan setinggi tahniah kepada Menteri dan Timbalan Menteri yang telah dapat memberikan jawapan yang sungguh bernas khususnya Timbalan Menteri Kewangan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan Dato' Haji Ahmad Husni, Timbalan Menteri

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Pengajian Tinggi serta Kementerian Pertahanan.

Kedua, saya juga ingin memaklumkan bahawa berkenaan dengan *mother policy*. Saya minta maaf kerana saya terpaksa mengulangi. Cuma saya hendak berkongsi dengan rakan-rakan yang ada. Kita sudah dengar dua jawapan daripada dua Timbalan Menteri dan dua-duanya berbeza. Saya tidak perlu huraikan kerana semua sudah dengar. Saya sendiri dapat satu jawapan bertulis daripada pihak Perdana Menteri juga berbeza yang mana mengatakan *mother policy* itu Yang Berhormat ialah Misi Nasional.

Jadi, saya ingin sarankan kepada pihak kerajaan supaya memahami teori dan prinsip *mother policy*. Selepas itu, membuat kajian *empirical* terhadap *mother policy* yang dilaksanakan contohnya di Singapura, di Switzerland, dan di Israel untuk betul-betul memahami apa yang dimaksudkan dengan *mother policy* ini. Saya sebutkan perpaduan negara itu adalah contoh sahaja. Kalau kita tidak setuju dengan perpaduan negara, mungkin kita ambil ketahanan negara. Kalau tidak setuju dengan ketahanan negara, mungkin kita ambil total sekuriti macam Singapura dengan izin.

Ketiga, saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Dato' Seri Mohamed Nazri. Apabila kita puji mereka ini di belakang, ia akan lebih ikhlas berbanding puji di hadapan. Saya berterima kasih kerana beliau begitu prihatin untuk mengambil perhatian terhadap jawapan-jawapan bertulis yang diberikan khususnya kepada saya yang telah saya tunjukkan kepada beliau tidak menepati kualiti yang diharapkan. Ada yang tidak menjawab langsung soalan dan saya akan hantar surat kepada Menteri. Kalaulah beliau masih menjaga Parlimen, saya akan hantar kepada beliau untuk memberi contoh-contoh itu.

Berkenaan dengan letak jawatan yang semalam telah dijawab oleh Timbalan Menteri, untuk mendapatkan jawapan yang berbeza daripada apa yang diberikan, bolehlah melayari *blog* saya, www.daratuahwordpress.com. Bukan dara tua macam saya katakan. Akhirnya dalam mukadimah ini saya minta Tuan Yang di-Pertua kalau boleh, saya tidak pasti kawan-kawan yang lain. Saya adalah *full time* Senator, saya tidak ada *business*, saya tidak ada tugas lain. Saya harap dapat diaturkan apa yang biasa dikatakan *familiarization tour* untuk Senator supaya kita boleh faham.

Kalau kita pergi ke kementerian-kementerian, apa tugas masing-masing dan kita akan rasa ada perasaan kekitaan, *sense of belonging* dan ada *sense of participation*. Jadi, kita harap dapatlah diaturkan. Itu yang ingin saya sebut dan saya akan pergi kepada bajet ini sendiri. Tuan Yang di-Pertua, sebelum kita bercakap pasal pakej RM60 bilion ini, kita harus dapat gambaran yang lebih besar kerana perbelanjaan kerajaan pada tahun 2009 sebenarnya adalah sebanyak RM273 bilion, RM206 bilion bajet biasa campur RM7 bilion dan campur lagi RM60 bilion.

Berkenaan dengan bajet yang kedua ini atau pun mini bajet ini, saya gembira dan saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Ada dua kekuatan atau keunikan iaitu pertama sekali ialah diskaun yang diberikan kepada pembeli kereta baru Perodua dan Proton sebanyak RM5,000 itu apabila menjual kereta lama.

■ 1510

Ini adalah satu pendekatan yang patriotik, ini dilakukan oleh Obama sendiri terhadap Chrysler, Ford dan GM iaitu *General Motors*, dan ini telah terbukti berjaya di Germany. Di Germany, apa yang dipanggil pelaksanaan dasar *scraping bonus*. Dengan melaksanakan pendekatan ini, jualan kereta di German meningkat sebanyak 21%. Manakala jualan kereta di negara lain di Eropah yang tidak melaksanakan dasar yang sama menjunam 25%. Jadi kita rasa ada harapan yang baik, pendekatan ini akan merangsang industri automobil di Malaysia khususnya Proton dan Perodua dan industri automobil ini pula mempunyai kesan berganda yang tinggi kerana setiap satu kerja yang diwujudkan, dia akan membantu menjana tujuh kerja lain. Tahniah di atas pemilihan pendekatan yang tepat itu.

Kedua ialah Skim Jaminan 80-20 dan 50-50 yang mana ini saya rasa dapat membantu menghapuskan atau mengikis ketidakpercayaan yang wujud di kalangan pengguna dan pelabur pada masa ini. Jadi kita jangka dengan adanya skim jaminan ini, maka permintaan penggunaan, *consumption demand* dan permintaan pelaburan, *investment demand*, dengan izin, akan mula pulih dan seterusnya akan dapat membantu merencanakan aktiviti ekonomi negara kita. Perbincangan saya seterusnya Tuan Yang di-Pertua, akan terus kepada ulasan dan cadangan dan berpandukan semangat pantun keramat ini;

*Jika hendak pergi ke seberang,
Jangan patahkan limau purut,
Jika hendak menjadi orang,
Janganlah jadi Pak Turut.*

Dalam bahasa moden bagi kawan-kawan saya mungkin bukan Melayu yang tak berapa faham maksud pantun itu. Dia terdapat dalam satu *phrase* bahasa Inggeris dengan izin, "*I want to become the devil's advocate*". Itulah maksud pantun lama itu tadi. Pertama sekali, sebagai *the devil's advocate*, saya harap kerajaan dapat memberikan perhatian bahawa pada hemat saya, sasaran kita tidak begitu menepati 100%. Ini apa yang dikatakan kalau dalam Bahasa Melayu, kita tidak genggam api sehingga menjadi arang. Kalau bahasa Inggerisnya *we don't fight the bullet, we don't tackle the bull by the horns*. Jadi kita kena genggam bara api sampai jadi arang. Pada hemat saya dan semua orang tahu cuma penekanan itu mungkin berbeza. Dua masalah utama kita saya ulang dan ulang lagi ialah apa seperti mana yang kawan-kawan kata ialah pertumbuhan ekonomi yang menjunam bukan sekadar *slow down*.

Keduanya, kadar pengangguran yang tinggi bukan sekadar 4%. Kalau 4% mengikut IO, itu adalah sudah guna tenaga penuh dan sedikit 4.5% seperti mana yang dianggarkan oleh kerajaan dan berkaitan dengan dua isu ini ialah *aggregate demand* atau permintaan agregat yang lemah. Ini siapa belajar *Keynes* tentu faham dengan ini dan virus yang menyebabkan ketiga-tiga perkara ini ialah hilang keyakinan atau keyakinan yang begitu tipis yang terdapat di kalangan

household, isi rumah, pengguna dan juga di kalangan *business*. Jadi, keempat-empat perkara ini, pertumbuhan ekonomi yang menjunam, kadar pengangguran yang tinggi, *aggregate demand* yang lemah dan juga kehilangan keyakinan adalah empat perkara besar yang perlu kita genggam sehingga menjadi arang.

Akan tetapi pakej kedua ini saya lihat dia kurang mesra pertumbuhan, *less growth friendly*, dengan izin dan kurang mesra pekerjaan, *less employment friendly*, dengan izin, serta lebih tertumpu kepada penawaran dengan izin, *the supply side of the equation not really the demand side of the equation*. Ini kita lihat dapat dengan jelas ialah separuh daripada RM60 bilion itu adalah untuk sektor swasta dan yang keduanya skim jaminan dan skim elaun modal dipercepatkan pula hanya mensyaratkan saiz pasaran. Ini kalau kita lihat dalam lampiran satu ucapan ini Tuan Yang di-Pertua, saiz pasaran sebagai syarat kelayakan. Sepatutnya, dalam senario landskap yang saya sebutkan tadi, yang sepatutnya menjadi tunggak kelulusan, kelayakan ialah nilai tambah, *value added* dengan izin yang dipacu oleh kreativiti, yang dipacu oleh inovasi dan produktiviti.

Kedua, dia mesti berpandukan saiz guna tenaga kerana masalah kita ialah pengangguran yang tinggi dan yang ketiga, dia mestilah berpaksikan berdaya maju, berdaya saing dan akhir sekali berdaya tahan. Dalam lampiran satu ini, walaupun dalam teks ucapan ada tetapi dalam lampiran satu yang jadi panduan kelulusan tidak ada. Jadi saya mohonlah apa yang ada di dalam ucapan itu di *transfer*, dipindahkan ke dalam lampiran satu supaya dia menjadi sebahagian daripada syarat kelayakan dan ia mesti ditunjukkan di dalam *website* yang sedang dibangunkan dan akan dipaparkan dalam masa terdekat.

Kedua, pada hemat saya, kita *underestimate*, kita menganggarkan sedikit rendah keadaan ekonomi yang sebenar. Pada saya, kita harus akui dengan izin, *the severity, the magnitude of the problem*. Jadi di sini saya haraplah apa yang telah dimaklumkan oleh kerajaan dan apa yang telah dimaklumkan oleh Bank Negara, mungkinlah sekadar merujuk kepada yang sudah menjadi sejarah. Akan tetapi apa yang sedang berlaku sekarang dan terus *unfolding* dengan izin, keadaan begitu membimbangkan. Secara ringkasnya, saya boleh bandingkan apa yang diperkatakan oleh kerajaan, kalau dia itu sakit kepala, ia adalah hanya migrain tetapi pada saya, dia adalah bersifat *brain tumor*. Itulah berbezanya persepsi antara saya dan mungkin Bank Negara dan dengan itu dosejnya tentulah berbeza.

Jadi pada saya, pakej yang ada sekarang mungkin kerajaan akan timbang untuk menambahkannya di bawah pakej ketiga nanti supaya kita betul-betul dapat *mitigate*, dengan izin, masalah ekonomi ini. Baru *mitigate*, belum *resuscitate*. Belum lagi nak merangsang supaya dia balik kepada tahap pra-krisis. Sebenarnya berapa teruk keadaan ekonomi ini nanti? Ini satu soalan *one billion or one billion dollar question*. Pokoknya, tiada sesiapa dalam dunia sekarang kalau saya boleh berani katakan termasuk IMF, termasuk saya yang tahu *exactly magnitude, severity*, masalah tsunami ekonomi sekarang. Kalau ikut bahasa OECD, *economic hemorrhage*, itu bahasa yang digunakan, *term* yang digunakan oleh OECD.

Contohnya, IMF telah merubah, *revise downwards* prestasi GDP ekonomi dunia sebanyak empat kali dalam masa beberapa bulan sahaja. Daripada 3% kepada 2.2% kepada 0.5% kepada -0.5% dan *World Bank* pula sekarang telah mengunjurkan -1.7%. Ini bermakna kita memerlukan pertumbuhan sebanyak 4.7% kalau kita nak balik semula kepada tahap mengatasi *recession* pada tahun depan di peringkat global. Ini kerana mengikut IMF, dunia berada di tahap *recession*, berada dalam keadaan *recession* sekiranya pertumbuhan ekonomi itu bawah 3%, *it's already recession*. Dia tak perlu tunggu *minus (-)*.

■1520

Tuan Yang di-Pertua, ketidakfahaman tentang masalah ekonomi ini termasuk saya, ini telah pun ditegaskan oleh Lord Canes dalam esainya, *The Great Slump 1930*. Apa beliau kata, "*We have involved ourselves in the colossal muddle, having blundered in the control of a delicate machine, the working of which we never understand and that delicate machine is the global economy.*" Bilakah kemelesetan ekonomi ini akan pulih? Ini juga *one million dollar question*. Ada yang mengatakan tahun depan, ada yang mengatakan 15 bulan lagi, ada yang mengatakan dua ke tiga tahun lagi tetapi menurut buku yang terkini yang diberi tajuk, *The Time Is Different: 8th Centuries of Financial Follies*. Buku ini mengkaji *financial crisis* selama 800 tahun, *eight centuries* dan termasuklah Malaysia.

Apa kata salah satu *finding* daripada buku ini ialah yang positifnya, sepanjang 800 tahun itu, semua krisis kewangan akhirnya tamat, itu suatu yang positif tetapi berbeza dengan sekarang. Katanya, yang sekarang ini pun akan berakhir cuma keadaan sekarang, "*The recessions that follow in the wake of big financial crises tend to last far longer than normal downturns and cause more damage*". Ini bermakna China, Turki, India dan Brazil yang sekarang masih lagi boleh bertahan dengan baik akan juga menghadapi *damage* ini kalau ia berterusan lebih daripada dua, tiga tahun.

Apa kata Ben Bernanke, *Chairman of Federal Reserve, USA*. Dia pun kata, dia tak ada lah kata insya-Allah, *god willing* tahun depan ekonomi USA boleh *recover*. ADB kata, *God willing* tahun depan ekonomi Asia boleh *recover*. Apa OECD kata, *God willing* tahun depan juga boleh *recover* tetapi semua ini ada kaveat. Ekonomi Amerika akan pulih kalau pemulihan sistem kewangan dan perbankannya dapat dijayakan. Asia akan pulih sekiranya ada *mild recovery in the global economy*, itu kaveatnya. Begitu juga di Eropah.

Akan tetapi *latest figure* menunjukkan industri pembuatan di Jepun dan Amerika terus menjunam. Kadar pengangguran di Jepun dan Amerika terus meningkat. Februari 4.1% di Jepun naik kepada 4.4% pada bulan Mac. Amerika 8.1% pada bulan Februari naik kepada 8.5% *unemployment rate* nya pada bulan Mac. *So it's very glooming*. Namun begitu dalam saya melihat angka-angka yang buruk ini, kita jangan lupa bahawa ada petanda-petanda positif Yang Berhormat. Contohnya di Amerika dari ISX indeks, ia menunjukkan bahawa indeks itu sudah mula meningkat kepada 36.6% mata, sudah hampir dekat kepada *threshold* 50. Yang lebih

menggembirakan, *orders*, pesanan sudah meningkat dan ianya bagus kerana ini merupakan *leading indicators*.

National Association of Realtors, tentang beli rumah jual tanah ini. Dilihat kontrak untuk membeli rumah meningkat sebanyak 2.1% pada bulan Februari dan yang ketiga *Commerce Department USA* memaklumkan bahawa pembelian oleh pengguna meningkat pada bulan Januari dan Februari, ini *legging indicators*. Di Malaysia pula, kejatuhan eksport yang teruk pada bulan Januari sebanyak 28%, kejatuhan itu telah berkurangan kepada -16% pada bulan Februari dan import pula yang bulan Januari -30% telah *softening* kepada -27%. Ini adalah yang positif tetapi akhirnya melihat semua perkara ini, apa dikatakan oleh Donald Kohn, *Vice Chairman of Federal Reserve USA*, "*We are not out of the woods yet*", ini *conclusion* dia.

Paul Krugman kata, dia bekas pernah bekerja di IMF, *very influential economist*, ini lebih serius dan ini ada dalam masyarakat banyak negara. "*Failure to face up to new realities is the main reason that despite some glimmers of good news*", yang saya sebut tadi, *this crisis probably still has years to run*. Maksudnya pada pendapat Krugman, ia mengambil masa yang agak lama lagi.

Untuk makluman kita semua, sektor pembuatan dan sektor eksport bagi Januari dan Februari 2009 terus menurun dan menurun lebih 20%. Ini bermakna kira-kira RM130 bilion nilai barang perkilangan dan RM180 bilion nilai eksport akan hangus kalau kadar 20% ini berterusan sepanjang tahun. Ini bermakna ia adalah antara 18% ke 25% daripada nilai GDP, itu agak besar ya. Mengambil kira faktor-faktor lain contohnya DDI dan FDI yang telah merosot sebanyak 53%, mengambil kira import barang pengantara, ini penting Yang Berhormat ya, import barang pengantara adalah merupakan *leading indicators*, ini *very significant* tetapi ia merosot sebanyak 35%.

Import barang pengguna menunjukkan *consumption demand* kita sudah lemah, merosot 10%. Jualan runcit merosot 7% dan hanya RM17 bilion daripada RM60 bilion yang agak pasti dibelanjakan pada tahun ini. Maka saya mengambil kira senario ini dalam kalau kita buat *econometrics*, saya jangka GDP kita akan mengecut sekitar 5% atau lebih sedikit. AmBank *research* menganggarkan 4.5%, HSBC menganggarkan 3.5%. Semuanya melebihi -1% yang diumumkan oleh kerajaan. Kerana itulah agaknya kuasa terbesar di bawah *capitalism* iaitu kuasa pasaran yang mana KLCI sebagai proksinya, selepas mendengar bajet ini, beberapa hari KLCI merosot. Ia tidak terangsang dengan pakej ini.

Jadi kita jangka kita perlu tambah pakej ini kerana saya ingin menarik perhatian kerana kita ada ruang untuk menambah. Kita kata RM60 bilion ini menyebabkan, merupakan defisit 9% daripada GDP. Kita kena ingat RM60 bilion ini untuk tempoh dua tahun Yang Berhormat ya, jadi kalau ia merupakan 9% daripada GDP, ia akan jadi 4.5%. Begitu juga fiskal defisit dikatakan meningkat kepada 7.6% dan RM60 bilion ini adalah untuk dua tahun. Jadi secara purata kalau kita *combine revenue* untuk dua tahun, maka defisit sebanyak 7.6% itu akan berkurangan,

mungkin sekitar 3.5% atau 3.8%. Kerana itulah, masih ada ruang untuk meningkatkan, untuk memperkenalkan pakej tambahan.

Berdasarkan respons KLCI tadi, maka mungkin saya boleh meminjam apa yang dikatakan oleh Mauro Bianchi terhadap *assessment* berhubung dengan pakej di Eropah dan di Amerika.

■1530

Bianchi berkata pakej yang diperkenalkan di negara-negara itu umpama *aspirin* untuk mengubat penyakit yang lebih serius. Paul Krugman berkata, "*The stimulus bill looks helpful but inadequate. A fiscal expansion large enough to avert the worse but not enough to keep kick start the economy*".

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Minta laluan sikit Yang Berhormat. Ya, saya tertarik kepada hujah-hujah yang telah diberi oleh Yang Berhormat. Daripada apa yang Yang Berhormat kata, tertangkap saya bahawa satu pandangan yang dibentangkan oleh kerajaan ataupun yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan itu bermakna ada kekurangan-kekurangannya, ataupun tidak betul kah, ataupun apakah maksud Yang Berhormat hendak kata ini?

Adakah pembentangan RM60 bilion itu tidak menepati *research* yang telah dibuat oleh Yang Berhormat ataupun pembentangan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan itu tidak betul. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Akbar bin Ali: Terima kasih Yang Berhormat. Saya katakan tadi pakej yang dirangka ini sudah sebulan lebih. Pada masa itu, mungkin keadaan belum begitu teruk macam mana yang data terkini yang kita ada. Jadi pakej ini memang perlu tetapi untuk mengatasi keadaan yang semakin teruk ini, maka suntikan baru memang diperlukan dan saya rasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun mengaku ini dan telah pun dimaklumkan semasa Perhimpunan Agung bahawa beliau telah mengumumkan sebanyak RM200 bilion lagi sekurang-kurangnya akan disuntik. Jadi saya bercakap ini Datuk Roslan ya, mengambil kira keadaan terkini yang mana dalam masa sebulan data-data lama sudah menjadi *outdated*.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh saya tahu berapa lama lagi Yang Berhormat perlukan masa untuk menghabiskan ucapan?

Datuk Akbar bin Ali: Tolong bagi saya paling banyak 15 minit. Kalau tidak dalam 10-12 minit. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Tolong ringkas Yang Berhormat.

Datuk Akbar bin Ali: Dengan kehilangan sebanyak 20% barangan di sektor perkilangan dan jualan eksport tadi, maka beribu-ribu pula pekerjaan akan hilang. Telah pun dimaklumkan bahawa sebanyak 200,000 pekerjaan akan hilang seperti mana yang dilaporkan oleh MEF. Mengambil kira 200,000 pekerjaan yang akan hilang ini dan mengambil kira bilangan pekerja baru yang akan memasuki pasaran dan mengambil kira sebahagian daripada mereka yang bekerja di luar negara seperti Taiwan dan Singapura akan kembali, mengambil kira bilangan

penganggur yang sedia ada, saya menganggarkan Yang Berhormat Menteri, sekitar 1.0 hingga 1.2 juta akan mencari kerja tahun ini. Sedangkan bilangan pekerjaan yang kita dapat sediakan di bawah pakej ini adalah sebanyak 163,000 ataupun 14% sahaja. Jadi di sini kita perlu balik ke *drawing board*.

Kementerian Sumber Manusia pertama sekali kena lihat bagaimana boleh menghantar pulang lebih ramai daripada 260,000 pekerja asing yang sudah dimaklumkan akan dihantar pulang kerana kita sekarang ada 2.08 *million*. Jadi menghantar pulang 260,000 itu tidak cukup. Kita kena hantar lebih banyak lagi tetapi perlu dihantar balik secara terancang. Kalaulah dengan 163,000 ini pekerjaan baru diwujudkan dan kita terus menghantar sekadar 260,000 pekerja asing, maka kadar pengangguran akan meningkat bukan kepada 4.5% tetapi sekitar 8%.

Ini bermakna bukan setengah juta yang menganggur tetapi sekitar 800,000 hingga 900,000 yang akan menganggur dan ini kita bimbang kerana masalah dan pengalaman pahit ini telah menghantui kita pada tahun 1969. Salah satu sebab kita kalah sebab ekonominya dan salah satu sebab ekonomi itu ialah pengangguran yang tinggi pada tahun 1969 dan kita tidak mahu masalah yang sama akan kita hadapi dalam pilihan raya yang ketiga belas nanti.

Ini bermakna selain daripada menghantar pulang segera pekerja asing terutama yang bekerja dekat lapangan terbang dan sebagainya, kita harus mewujudkan lebih banyak pekerjaan baru dan ini telah disebut oleh kawan-kawan kita. Antara sektor yang paling mudah diwujudkan *self-implement* ialah *services sector* khususnya pelancongan. Pelancongan ini ada banyak baiknya. Satu, dia *well-generator*, dia *job creator*, dia *export driver*, dia *sosial integrator* dan dia boleh menyerap *self-employment* seperti mana yang saya katakan tadi dan akhir sekali dia mempunyai kesan berganda yang tinggi iaitu setiap satu pekerjaan dia akan mewujudkan 12 pekerjaan lain.

Berkenaan dengan menghantar balik pekerja asing tadi dia ada satu lagi manfaat. Dianggarkan dua juta pekerja asing menghantar pulang RM17 bilion wang keluar negara. Ini bersamaan dengan dua kali ganda peruntukan Kementerian Dalam Negeri. Jadi kalau kita dapat hantar mereka balik dengan banyaknya maka wang yang mengalir sebanyak RM17 bilion tadi dapat dikurangkan.

Yang ketiga, merebut peluang. Tadi saya sudah kata tentang sasaran, kemudian saya katakan tadi *underestimate* dan yang ketiga berkenaan merebut peluang. Dalam krisis seperti ini kita harus mengambil *calculated risk* dan ini ada dalam perkataan bahasa Cina. Krisis mengandungi dua karakter. Satu ialah "*wei*". Mungkin Yang Berhormat Menteri *Chinese* betulkan saya sebut ini. Maksudnya bahaya. Satu lagi ialah "*ji*" iaitu peluang. So dalam mana-mana krisis kita mesti akui adanya bahaya tetapi kita kena *recognise* adanya juga peluang.

Maka kita kena rebut peluang ini macam Rothschild pernah kata, dalam keadaan yang berlaku kekacauan, kita beli harta. "*When there is a blood on the streets, we buy property*". Jadi ada beberapa saranan yang ingin saya kemukakan tetapi saya telah sebut dalam ucapan pada 31 Mac. Saya tidak bercadang untuk mengulangi. Cuma saya ingin *summarize* sahaja supaya ia

boleh direkodkan. Jadi antara peluang yang harus kita rebut. Kita mesti usahakan konsep kesamarataan sebagai usaha yang pertama dan disertai dengan keadilan sosial:

- (i) kita mesti meratakan padang permainan ;
- (ii) mesti kita usahakan, beri perhatian sungguh-sungguh tentang *food security*. *Food security* antara *world challenges* sekarang;
- (iii) kita mesti besarkan MPPV;
- (iv) kita mesti tingkatkan pemilikan ekuiti dan aset;
- (v) kita mesti struktur semula guna tenaga di sektor swasta dan sektor awam;
- (vi) kita mestilah bergerak segera, berhijrah kepada *green economy* dan ini saya ingin petik kajian terkini sebab ada berlaku *illusion*, kalau kita berhijrah ke *green economy* ia akan merosakkan *life style*. Dia akan membantutkan pertumbuhan ekonomi. Mengikut kajian yang dibuat oleh *McKinsey Global Institute* dan *McKinsey Climate Change Special Initiatives*, "*Economy will continue to grow while migrating to a clean energy economy. The key is dramatically increasing the carbon productivity. That is the key. The clean energy revolution has to happen three times faster than the industrial revolution.*" Kalau kita tidak buat ini. Kita akan ketinggalan;
- (vii) menyusun semula struktur ekonomi supaya kita boleh melakukan lonjakan perdana ke tahap *quaternary*;
- (viii) usahakan tenaga alternatif, Yang Berhormat Timbalan Menteri Datuk Maznah pun sudah jawab dulu; dan
- (ix) ini perkara-perkara baru yang sudah pun dibuat oleh negara OECD. Saya harap kerajaan akan menyediakan *national accounts of well being*, bukan sekadar *national accounts of product and services*, mengukur *the progress of the society not just the progress of the development*, menyusun *sustainable society index* bukan sekadar *sustainable environmental index* dan memantau *gross national happiness* bukan setakat *gross national product*.

■1540

Keempat, ketiadaan keyakinan, tadi saya ada katakan masalah utama *the deadly virus* ialah ketiadaan keyakinan. Ini telah terbukti oleh kajian MIER, di mana *consumers* sentimen telah jatuh sebanyak 35.5% manakala *business confidence* telah menjunam -47%. Pada masa yang sama untuk *collaborate evidence* ini dengan izin pinjaman yang diluluskan telah merosot sebanyak 36% bagi tempoh Januari, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ini bermakna keyakinan adalah begitu berharga dan lebih berharga daripada emas sekarang ini.

Maka yang pertama sekali, mestilah dibuat untuk merangsang ekonomi ialah memulihkan keyakinan dan dari segi logik dan kritikal *success factor*, pemulihan ekonomi harus bermula dengan memulihkan keyakinan dan keyakinan itu harus memulihkan keyakinan pengguna. Selepas terpulihnya keyakinan pengguna barulah kita pulihkan keyakinan masyarakat *business*. Pengguna akan kembali yakin sekiranya mereka mempunyai harapan dan jaminan pekerjaan mereka tidak hilang, pendapatan mereka tidak hangus sedangkan contohnya pada masa ini ada 24,000 yang mana gaji mereka dipotong, ada 11,000 tidak dibenarkan *overtime*. Jadi ini semua akan menggugat pendapatan mereka.

Langkah seterusnya adalah memastikan bahawa *business community* selepas kita memulihkan pengguna tadi ialah supaya mereka kembali melabur. Pada masa kini FDI dan DDI telah merosot 53%. Ini bermakna ada kurang keyakinan melabur dan ada kurang keyakinan untuk meminjamkan, di sini kerajaan telah memainkan peranan yang cukup cantik yang saya harap akan berkesan kerana adanya jaminan kredit tadi 80/20 dan 50/50. Dengan ini pihak peminjam tidak bimbang akan hangusnya wang mereka kerana ada *guarantee* tadi.

Seterusnya keyakinan ini akan dapat dipulihkan apabila Dato' Sri Mohd. Najib menubuhkan kabinet beliau dan kita gembira apabila beliau dilantik sebagai Perdana Menteri. Sambutan bukan sahaja orang ramai tetapi sambutan pasaran terhadap beliau menyandang jawatan Perdana Menteri itu mendapat sambutan yang positif daripada pasaran, yang mana *proxynya* sekali lagi adalah KLCI. Antara hari Isnin minggu lepas, dengan hari Isnin semalam KLCI telah meningkat sebanyak 54.43 mata atau 6.3%. Kenaikan sebanyak 6.3% ini cukup memberangsangkan tanda mereka bersetuju dan mereka amat gembira dengan pelantikan ini.

Point saya yang seterusnya yang saya tidak mahu ulang panjang, kalau boleh cuba *refined* dasar yang sekarang, yang saya lihat banyak kepada *rich buyers* terutama berkenaan dengan subsidi dan sudah saya sebut pada 30 Mac, saya tidak bercadang untuk memanjangkan supaya kita lebih *poor buyers* ataupun *poor centric*.

Seterusnya dasar liberal yang disarankan akan dilaksanakan untuk menarik pelaburan terutama berkaitan dengan FIC, saya sokong dasar liberal yang hendak diamalkan ini. Cuma saya ingin menarik perhatian dalam usaha meliberalisasikan sektor perkhidmatan, perbankan kewangan dan menarik pelaburan ini, saya harap janganlah dasar *affirmative* dikorbankan atas nama liberalisasi, tolonglah jaga dasar *affirmative* ini.

Seterusnya saya ingin menekankan bahawa dasar *affirmative* ini telah terbukti berjaya, kemiskinan dapat diturunkan di kalangan semua kaum, pendapatan dapat di tingkatkan di kalangan semua kaum dan jurang perbezaan dapat dirapatkan. Cuma kita akui orang Melayu masih lagi ketinggalan dari segi pendapatan, kemiskinan dan sebagainya. Kita tidak mahu lagi frasa yang pernah dilaungkan oleh Allahyarham Aminuddin Baki masih lagi kedengaran di kurun ke-21 ini. Kita tidak mahu apa yang dikatakan, ayam di kepuk mati kelaparan, itik di air mati kehausan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh menggulung Yang Berhormat.

Datuk Akbar bin Ali: Ya saya gulung. Akhir sekali di sini saya hendak berucap berkenan dengan kestabilan dan perpaduan. Dalam membincangkan ekonomi, kita tidak boleh lari daripada kestabilan dan perpaduan kerana itu adalah paksi pertumbuhan ekonomi negara. Jadi saya amat menyanjung tinggi dan menyokong penuh usaha Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib untuk mempelawa kawan-kawan di sebelah sana untuk sama-sama menyokong kerajaan dalam aspek terutama sekarang memulihkan ekonomi. Kita harap kita semua, rakyat dan kerajaan dapat bekerja berganding bahu umpama, aur dengan tebing, dalam menangani kemelut politik dan ekonomi. Kita harap Dato' Sri dengan doa rakyat yang ikhlas dapat menjalankan tugas beliau bersama Kabinet yang akan dilantik nanti untuk mengangkat kita ke tahap yang lebih tinggi dengan kemakmuran yang melimpah ruah dan diiringi dengan keamanan. Sekian, saya menyokong Bajet Mini 2009. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed dan selepas itu saya minta Dato Kamarudin bin Ambok untuk bersedia.

3.46 ptg.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peluang yang diberikan kepada saya bagi membahaskan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2009. Ingin juga saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak di atas pelantikan beliau selaku Perdana Menteri Malaysia yang keenam pada tanggal 3 April 2009 yang lalu serta juga kelulusan jumlah RM60 bilion Pakej Rangsangan Ekonomi baru-baru ini. Saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berbahagia Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi yang telah melaksanakan pelan peralihan kuasa yang begitu licin dan teratur yang jarang-jarang berlaku di negara-negara lain di dunia ini. Syabas Pak Lah, jasa mu tetap dikenang oleh semua rakyat Malaysia.

Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2009, sejumlah wang yang tidak melebihi RM5 billion, perkara P.20, Butiran 1101 berkaitan Lembaga Minyak Sawit Malaysia iaitu peruntukan tambahan sebanyak RM53.142 juta untuk membiayai bantuan penebang, menanam semula kelapa sawit berusia melebihi 25 tahun dan tidak produktif lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia perlu bangun dan menjadi lebih inovatif di dalam mengekalkan kedudukannya sebagai pengeluar minyak sawit yang terkemuka di dunia. Indonesia menjadi pengeluar nombor satu sekarang, dan kita jatuh ke tangga nombor dua. Negara-negara lain terutamanya di kalangan negara Amerika Selatan seperti Brazil dan Ecuador dilihat memberi tumpuan serius serta pembangunan berterusan untuk meningkatkan tahap pengeluaran dan hasil eksport minyak sawit mereka. Laporan terbaru yang dikeluarkan oleh *Oil World Annual Report*, *Oil Weekly* dan *Malaysian Palm Oil Board* atau MPOB, memaparkan Malaysia berada di tangga kedua di belakang Indonesia, tetapi diikuti rapat oleh negara-negara dari Amerika Selatan,

negara Brazil contohnya dilaporkan mensasarkan pembukaan ladang-ladang baru bagi meningkatkan permintaan bagi sektor *bio-diesel* dan bakal menggalakkan minat ramai pelabur dalam dan luar negara. Negara Brazil mempunyai kelebihan dari segi keluasan, tanah yang sesuai serta faktor alam semula jadi yang lain termasuk faktor tenaga buruh yang murah dan mudah didapati tanpa perlu mengimport hasil tenaga buruh dari negara luar.

Menurut laporan NSTP, bertarikh 12 Mac 2009 serta kenyataan media oleh Pengarah Urusan Sime Darby Plantations Sdn. Bhd., Yang Berbahagia Datuk Azhar Abdul Hamid berkaitan kedudukan Malaysia serta perlunya negara kita bangun dari tidur dan mula lihat akan betapa agresifnya negara-negara dari Amerika Selatan memberi tumpuan khusus terhadap penanaman semula dan pembukaan ladang-ladang baru juga bajet yang dilaburkan bagi meningkatkan *research and development* atau R&D, dalam mempelbagaikan penggunaan minyak sawit yang dikenal pasti boleh dicampurkan bagi menghasilkan pelbagai keluaran yang berguna dan mempunyai nilai pasaran tinggi.

■1550

Beliau turut menggesa pihak kerajaan serta badan-badan berkaitan supaya projek penanaman semula pokok-pokok baru perlu disegerakan jika pokok-pokok sedia ada sudah tua dan tidak mengeluarkan hasil yang produktif. Juga masalah yang dikenal pasti di sini ialah kedudukan Malaysia yang bakal merosot kerana faktor kekurangan tanah ladang baru yang boleh diteroka. Negara-negara lain mempunyai kelebihan ini seperti Brazil serta negara pengeluar utama sekarang iaitu Indonesia.

Cadangan saya kita perlu kenal pasti di sini ialah kedudukan Malaysia yang bakal, cadangan saya kita perlu mengambil langkah yang drastik bagi mengekalkan kedudukan serta menyusun strategi baru yang lebih dinamik bagi menyokong industri ini. Teknologi baru juga perlu diterokai iaitu dengan mengguna pakai biodiesel serta teknologi inovasi iaitu mencampurkan minyak sawit dan minyak keluaran lain yang bakal menjadikan ia lebih *variety* pelbagai boleh diguna pakai dalam industri domestik.

Kementerian juga ada memperkenalkan *system barter trade* iaitu pertukaran antara komoditi minyak sawit dan beras di mana berdasarkan sistem ini negara-negara pengeluar beras boleh menukar hasil pengeluaran mereka dengan minyak sawit dari negara kita. Satu perkara lagi kementerian ada mengumumkan pengenalan skim kredit mudah kepada negara-negara yang ingin membeli minyak sawit dari Malaysia iaitu pakej *Palm Oil Credit Payment Arrangement* atau POCPA. Di mana sistem ini berdasarkan kaedah penjualan minyak sawit kepada negara pengguna seperti Afrika, Rusia, India, Pakistan dan juga negara pasaran baru dan membayar kemudian secara yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

Di sini izinkan saya memohon penjelasan serta pandangan akan kemajuan serta sejauh manakah keberkesanan kedua-dua sistem ini dilaksanakan, serta alasan di sebaliknya jika kedua-dua sistem ini tidak dapat dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara P.28 Kementerian Pengangkutan butiran projek 3000 berkaitan pembesaran lapangan terbang iaitu di Kuching, Miri, Sibul, Mukah dan Padang Terbang Bario. Langkah kerajaan untuk memfokuskan dan mengenal pasti projek pelaburan bernilai lima bilion yang akan dilaksanakan di luar bajet bagi membantu merangsang pertumbuhan ekonomi negara bagi berdepan dengan ke tidak ketentuan sejagat amat dialu-alukan.

Antara projek yang akan dilaksanakan di luar bajet itu termasuk pembinaan Terminal Penerbangan Tambang Murah (LCCT) di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang bernilai RM2 bilion. Ini untuk menggantikan projek Lapangan Terbang Antarabangsa Tambang Murah di Labu Negeri Sembilan yang di batalkan baru-baru ini. Saya juga turut menyokong langkah kerajaan bagi cadangan pembesaran lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas Pulau Pinang yang dianggarkan RM250 juta.

Ini menunjukkan keprihatinan dan komitmen kerajaan untuk mengatasi kemelut ekonomi tanpa mengambil kira sebarang perbezaan pandangan politik serta bukti kerajaan tidak pernah menganaktirikan negeri-negeri di bawah pentadbiran Pakatan Rakyat. Tuan Yang di-Pertua di bawah perkara 2, Perkhidmatan Am Perbandaran, peruntukan sebanyak RM1.6 bilion untuk mengurangkan pengangguran dan menambah peluang pekerjaan termasuk latihan kemahiran. Dalam menangani usaha ini ingin saya mencadangkan beberapa cadangan yang perlu diambil kira oleh pihak kementerian.

Membangunkan sumber manusia melalui kerajaan perlu melihat dengan lebih jauh serta mempunyai pelan jangka panjang di dalam mempertingkatkan hasil kerja buruh dan kecekapan melalui latihan semula *retraining* dan menggunakan teknologi yang menjimatkan tenaga. Kita tidak boleh lagi selama-lamanya bergantung kepada tenaga buruh asing yang kebanyakannya *unskilled workers*. *Unskilled workers* ini tidak mendatangkan pelaburan yang berkesan dalam jangka panjang kepada negara. Mereka ini hanya datang bekerja untuk kumpul wang dan pulang ke negara asal selepas tamat tempoh tanpa meninggalkan apa-apa kemahiran kepada golongan tempatan.

Apa yang saya ingin cadangkan di sini adalah mengurangkan pengambilan buruh asing secara drastik dan menggantikan dengan tenaga tempatan. Kementerian juga disarankan memberi dan melonggarkan syarat kemasukan pekerja asing berkemahiran tinggi, *skill workers*. *Skill workers* ini akan berkhidmat di dalam masa yang sama akan mengajar dan menurunkan ilmu mereka kepada golongan tempatan.

Dari pengiraan statistik jika seorang *skill workers* mampu mengajar sepuluh rakyat tempatan dan jika Malaysia mempunyai seribu *skill workers* sudah tentu sepuluh ribu rakyat tempatan mendapat manfaatnya. Kementerian Dalam Negeri (KDN) serta Imigresen perlu melonggarkan syarat dan prosedur kemasukan untuk merealisasikan tujuan di atas yang murni ini. Dengan itu saya mohon menyokong, terima kasih.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, silakan Yang Berhormat Dato' Kamarudin bin Ambok.

Dato' Kamarudin bin Ambok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (2009) 2009. Ramai rakan-rakan di sini telah bercakap mengenai masalah ekonomi global dan ekonomi yang terburuk sejak tahun 1930. Dalam menghadapi getir kekalutan ekonomi ini saya mengambil peluang untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah, penghargaan kepada pimpinan negara yang begitu serius menangani kemelut ekonomi negara. Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama yang berjumlah RM7 bilion serta Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua berjumlah RM60 bilion merupakan benteng pertahanan utama negara dalam menangani krisis ekonomi semasa negara.

Tuan Yang di-Pertua krisis ekonomi yang dihadapi merupakan krisis global yang paling teruk dalam abad ini. Krisis ini membuktikan kegagalan dan juga runtuhnya sistem perbankan dan kewangan negara-negara maju seperti Amerika Syarikat dan juga negara-negara Eropah yang menjadi *benchmark* atau tanda aras operasi bagi negara membangun seperti Malaysia seperti pada satu masa dahulu. Dengan amalan memanipulasikan strategi pelaburan pinjaman, kewangan, sewa-beli dan penjualan produk-produk kewangan seperti insurans, Unit Amanah, pasaran modal ekuiti. Maka banyak gergasi dunia dan juga institusi kewangan di Amerika Syarikat seperti *Citibank* dan AIA jatuh tersungkur.

Ini kerana tidak lagi berdaya menutup kelemahan dalam sistem manipulasi pelaburan dan struktur pengurusan kewangan di negara mereka. Tuan Yang di-Pertua, dasar globalisasi ini, pasaran bebas dan dunia tanpa sempadan yang diuar-uarkan oleh Amerika Syarikat serta blok ekonomi Eropah merupakan satu bentuk dominasi terpintar bagi menindas negara-negara membangun seperti Malaysia. Akhirnya kini telah terbukti sistem kapitalis yang didominasi oleh konglomerat Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun yang telah uar-uarkan dan mempromosi secara agresif perniagaan pasaran bebas telah menyebabkan krisis ini menjadi bertambah buruk.

Oleh itu tempoh masa pemulihan diperlukan hampir lebih lima tahun diperlukan bagi membetulkan semula kedudukan ekonomi dunia ke arah pertumbuhan KDNK yang mampan dan prestasi ekonomi yang lebih baik. Tuan Yang di-Pertua, bagi memulihkan ekonomi negara sejak krisis ekonomi global ini, kerajaan perlu mewujudkan jalinan yang lebih kukuh bagi sektor perdagangan di negara-negara ASEAN, Timur Tengah, India dan Republik Rakyat China.

Pergantungan eksport negara ke negara-negara Eropah dan Amerika Syarikat pada masa kini melalui zaman getir dengan berlakunya pengurangan permintaan dan ke atas pasaran eksport bagi sektor negara-negara tersebut. Oleh itu saya ingin mencadangkan agar kerajaan mengambil inisiatif yang lebih proaktif bagi mewujudkan lebih banyak jalinan yang lebih kukuh dalam memastikan eksport barangan dan perkhidmatan negara kita dapat menembusi secara efektif pasaran dagangan di negara-negara ASEAN, India, China dan Timur Tengah.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai negara Islam saya yakin dan percaya bahawa kita masih lagi bernasib baik kerana hubungan dagangan melalui pasaran global dapat lagi di pertahankan melalui pengukuhan jalinan hubungan dunia Islam dan Dasar Luar negara Malaysia yang efektif.

■1600

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Dengan adanya usaha-usaha yang lebih gigih kerajaan, GLC dan sektor swasta mewujudkan dan memperkasakan beberapa sektor seperti produk halal, produk kewangan Islam dan perkhidmatan. Saya yakin dan percaya kita dapat melalui tempoh getir ekonomi dengan jayanya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam impak krisis ekonomi ini banyak perusahaan dan industri terjejas dan mungkin menyebabkan berlakunya pemberhentian kerja. Ini kerana ketidakupayaan industri meneruskan operasi kerana terjejas teruk dan mengalami penguncupan permintaan di pasaran dunia industri elektrik dan elektronik, kewangan, pengangkutan udara dijangka mengalami penguncupan permintaan yang lebih besar kerana pasaran global telah pun merudum.

Tuan Yang di-Pertua, teras pertama Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua untuk mengurangkan pengangguran dan menambah peluang pekerjaan merupakan langkah serius kerajaan menangani krisis ekonomi negara. Dengan mewujudkan 163,000 peluang latihan di mana hampir 100,000 latihan semula pekerja, pengisian 50,000 kawalan jawatan kosong di sektor awam dan 13,000 pekerja kontrak merupakan satu langkah signifikan kerajaan bagi menangani masalah pengangguran.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini banyak pengusaha industri kurang berminat untuk mengambil pekerja tempatan. Ini kerana mereka menyatakan kos pekerja tempatan lebih tinggi berbanding pekerja asing seperti warga negara Indonesia dan Bangladesh yang bersedia melakukan kerja dengan upah yang murah. Apabila levi pekerja asing dinaikkan, ramai pengusaha protes mohon pihak kerajaan tegas dalam perkara ini. Sampai bilakah kerajaan dan negara kita perlu bergantung kepada pekerja-pekerja asing? Kerajaan harus mengutamakan sumber tenaga tempatan untuk mengisi perjawatan di sektor industri tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, cakap-cakap dan dimomok-momokkan oleh mereka kononnya pekerja-pekerja tempatan kita ini manja, hendak gaji besar, banyak mengambil cuti sakit dan tidak produktif, itu adalah tidak benar. Tuan Yang di-Pertua, dalam pakej rangsangan ekonomi kerajaan, banyak menggalakkan rakyat mencebur sektor pelancongan, juga pertanian bagi merangsangkan pertumbuhan ekonomi negara. Dasar ini memang baik, tetapi bagaimana pelaksanaannya? Saya sering mendapat rungutan daripada pengusaha sektor pelancongan bahawa perniagaan mereka kurang memberangsangkan ekoran krisis ekonomi kini. Banyak pengusaha chalet dan hotel penginapan menghadapi masalah operasi kerana kekurangan pelancong.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dengan rakyat yang mahu menceburi sektor pertanian. Ramai pengusaha membela kambing, lembu, bermasalah kerana tidak cukup pasaran. Jadi, untuk bekalan harian tempatan tidak cukup hendak menampung kos operasi. Bekalan tempatan yang saya maksudkan ialah kenduri akikah dan ibadah korban. *Business* mereka boleh mufliis

kalau mengharapkan perniagaan tempatan ini. Saya menyarankan supaya kerajaan bekerjasama dengan Tabung Haji untuk memikirkan pengorbanan ibadat haji ini untuk jemaah-jemaah haji supaya dapat dilakukan di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh perkara berhubung dengan pengangkutan awam. Dalam keadaan krisis ekonomi sekarang, pengangkutan awam menjadi pilihan rakyat jelata. Akan tetapi kita sedih kerana perkhidmatan awam yang efisien dan murah tidak banyak memberi sumbangan terhadap rakyat. Tuan Yang di-Pertua, kita tengok LRT, Rapid Kuala Lumpur dan KTMB komuter semuanya penuh sesak pada waktu puncak. Ramai orang berhimpit-himpit di stesen-stesen kereta api dan LRT dan ramai yang kompelin berhubung dengan kemudahan LRT.

Baru-baru ini isu tidak ada tandas awam di stesen LRT. Mengapa telah berbilion ringgit kerajaan menghabiskan duit, tandas dekat stesen pun tidak ada? Begitu juga dengan operasi-operasi LRT, banyak berlaku kerosakan semasa beroperasi. Bagi komuter pula perkhidmatan komuter tidak tepat masanya. Jadi macam mana kerajaan hendak mengatasi semua masalah ini? Bagaimana rakyat hendak menyahut saranan kerajaan untuk menggunakan perkhidmatan awam?

Tuan Yang di-Pertua, tahap keselamatan juga perlu diberi penekanan. Banyak koc-koc KTMB bagi khidmat *train* amat daif keadaannya. Tiga minggu lepas seorang budak jatuh di Merapoh kerana menaiki kereta api lokal yang daif kocnya. Kalau tengok koc perkhidmatan kereta api lokal ini, macam besi buruk berjalan. Apakah ia selamat? Kalau projek landasan berbilion ringgit dibelanjakan, tetapi saya dapati gerabak-gerabak *train* buruk, set elektrik yang telah kuno dan komuter juga buruk, mohon kerajaan menaiktarafkan pengangkutan awam ini.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dengan teksi-teksi di bandar di Kuala Lumpur. Masalah ini berlaku tidak habis-habis daripada masalah pemandu samseng, tidak mahu menggunakan meter, tidak mahu ambil penumpang dan caj yang keterlaluan menyebabkan rakyat kita marah. Masalah teksi ini berlarutan sudah lebih sedekad. Akan tetapi masalah ini masih berlaku di situ juga. Kalau kita duduk di KLCC hendak ke Bukit Bintang cajnya RM15. Padahal jarak KLCC dan Bukit Bintang hanyalah nilainya kalau guna meter hanya RM5. Jadi masalah sebegini menyebabkan rakyat serik untuk menggunakan perkhidmatan awam. Jadi bagaimana kita hendak pulihkan ekonomi negara?

Tuan Yang di-Pertua, dalam teras kedua pakej rangsangan ekonomi kerajaan telah berusaha dengan lebih agresif untuk meringankan beban rakyat yang terjejas akibat ekonomi dunia sebanyak RM674 juta subsidi makanan diberikan untuk mengekalkan harga gula, tepung gandum dan roti. Akan tetapi saya amat kecewa kerana saya mendapat rungutan pengguna bahawa harga produk-produk makanan masih lagi tinggi. Semenjak mengalami kenaikan harga sejak Jun 2008. Dahulu harga dinaikkan kerana minyak petrol naik, tetapi apabila minyak petrol telah turun harga masih kekal di tempat yang lama.

Tuan Yang di-Pertua, subsidi tol juga pun diberi oleh kerajaan sebanyak RM480 juta. Jadi dengan pakej rangsangan ini saya tidak nampak peniaga-peniaga yang tamak ini terus mengambil kesenangan daripada kesusahan rakyat. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana memperuntukkan sejumlah wang bagi membaiki pulih kemudahan infrastruktur awam dengan mempercepatkan pelaksanaan projek-projek RMK-9 seperti membaiki longkang dan jalan-jalan raya serta membaiki dan menyelenggarakan sekolah, hospital dan balai bomba. Sekurang-kurangnya dengan adanya projek-projek dan kerja-kerja kejuruteraan ini, ia dapat meringankan beban kontraktor untuk mendapatkan kerja dalam sektor pembinaan.

Walaupun berbilion ringgit kerajaan memperuntukkan perbelanjaan bagi membantu sektor pembinaan ini. Saya memohon mencadangkan agar kerajaan memberikan kontrak ini hanya kepada kontraktor yang benar-benar layak sahaja. Jangan beri kontrak ini kepada mereka yang mengalibabakan projek.

Tuan Yang di-Pertua, langkah kerajaan menerbitkan bon simpanan kerajaan berasaskan prinsip syariah bertepatan dalam keadaan ekonomi negara yang dilanda krisis ini. Dengan nilai terbitan berjumlah RM5 bilion, serta jumlah pelaburan yang minimum RM1,000 hingga maksimum RM50,000. Bon ini amat berguna untuk digunakan bagi tujuan memperkasakan pakej rangsangan ekonomi negara. Saya ingin mencadangkan agar kerajaan meningkatkan jumlah terbitan hingga ke RM10 bilion dan nilai maksimum hingga ke RM100,000. Agar kerajaan mempunyai aliran mudah tunai yang lebih besar untuk melaksanakan sebarang program pemulihan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua selain daripada itu, saya juga ingin mencadangkan agar Permodalan Nasional Berhad memperkasakan aktiviti pemasaran bagi mempromosi tabungan rakyat dalam saham-saham amanah terbitan PNB. Kalau boleh nilai maksimum pelaburan dalam Amanah Saham Bumiputera diperbesarkan kepada RM300,000. Ini kerana ia bukan sahaja memperkasakan pegangan saham bumiputera malah akan meningkatkan tabiat penabungan rakyat dalam pasaran modal dan ekuiti negara.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu sektor yang meningkatkan pertumbuhan KDNK negara adalah sektor pelancongan negara. Peruntukan yang besar sebanyak RM201, juta untuk memperkasakan sektor ini merupakan komitmen kerajaan dalam membantu pengusaha-pengusaha sektor pelancongan dari terjerumus ke dalam kancah kemelesetan ekonomi dunia. Bagi menarik lebih ramai pelancong, kerajaan dan pengusaha perlulah bergiat secara lebih proaktif lagi dengan melipatgandakan pengeluaran produk-produk kebudayaan seni kreatif dan seni warisan bagi mempromosikan produk-produk pelancongan negara kita.

Peruntukkan yang diberikan sebanyak RM20 juta kepada RTM bagi mengembangkan sektor seni muzik tempatan perlu dimanfaatkan secara berkesan oleh pemuzik-pemuzik tempatan.

■1610

Tuan Yang di-Pertua, bagi memantapkan struktur pelancongan negara, faktor ketenteraman awam dan keadaan kesejahteraan dalam negara perlu dijaga dan dipelihara. Ini sudah tentunya menjadi faktor penyumbang dalam usaha menarik ramai pelancong-pelancong asing datang ke Malaysia. Sejak akhir-akhir ini banyak kumpulan-kumpulan yang menentang dasar murni Kerajaan Barisan Nasional, banyak menganjurkan perhimpunan dan perarakan haram. Pantang ada isu yang melibatkan satu dasar yang memerlukan kerajaan bertindak, perhimpunan dan perarakan bantahan diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, isu perhimpunan dan perarakan haram ini sudah dikira sinonim dengan budaya rakyat Malaysia kini selepas pilihan raya kedua belas Mac 2008. Yang menjadi mangsa rakyat serta pengusaha-pengusaha peniaga yang terjejas akibat perkara ini. Jalan-jalan utama, Lebuhraya Mahameru, Dataran Merdeka, Jalan Istana sering kali *jam*. Polis tidak ada kerja lain, mana satu hendak dikerjakan, hendak dijaga kerja jenayah lagi, hendak kawal perhimpunan awam lagi. Bila polis buat tangkapan, polislah yang disalahkan dan dikatakan gila kuasa. Jadi sindrom perhimpunan haram ini makin menjadi-jadi. Oleh itu saya cadangkan agar kerajaan menguatkuasakan undang-undang dengan lebih keras lagi kerana perhimpunan dan perarakan haram ini benar-benar merencatkan ketenteraman awam bukan sahaja perniagaan terjejas malah ia membawa imej buruk kepada pelancong asing dan ia menyebabkan industri pelancongan kita terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, usaha kerajaan dalam membantu sektor swasta seperti sektor automatik negara, perladangan dan pertanian, perusahaan kecil dan sederhana menghadapi cabaran krisis kewangan sejagat memerlukan sokongan dan bantuan semua pihak secara pro aktif. Pengurangan kos pengendalian perniagaan dengan pemotongan levi Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia, pemotongan caruman EPF, pemberian dana jaminan penstrukturan semula industri, perwujudan skim modal kerja adalah signifikan berkesan kerajaan membantu pihak swasta dalam menghadapi kesan kemelesetan ekonomi. Dengan menaikkan had atau *limit* aras levi keuntungan kelapa sawit daripada 2,000 kepada 2,500 di Semenanjung dan 3,000 di Sabah dan Sarawak ianya merupakan usaha bersungguh-sungguh kerajaan dalam menstabilkan harga komoditi sawit di pasaran antarabangsa. Usaha ini harus dilihat sebagai satu impak positif kepada peladang sawit dan sektor swasta bagi memastikan adanya inisiatif kerajaan dalam mengimbangi ketidakstabilan harga minyak mentah sawit dari paras antara 1,800 se tan metrik hingga paras 2,000 se tan metrik. Mungkin dengan imbuhan berganda pada ketika ini tempoh Januari 2008 hingga Julai 2008 yang mana harga minyak mentah mencecah 2,900 hingga paras setinggi 3,500 se tan metrik. Pengusaha-pengusaha perladangan sawit boleh terus *survive* dalam keadaan pasaran ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya di sini mencadangkan agar kerajaan mempercepatkan usaha merundingkan semula perjanjian konsesi bagi sektor tenaga air agar pengguna mendapat takrif tenaga dan air yang lebih rendah. Selain itu rakyat juga perlu berjimat cermat dalam

menggunakan tenaga elektrik dan juga air agar perbelanjaan mereka dapat diminimumkan dengan sewajarnya. Pihak-pihak swasta yang mendapat hasil keuntungan yang berganda daripada manfaat konsesi industri penjanaan tenaga dan industri penswastaaan dan bekalan air perlulah lebih yakin dan telus untuk membantu rakyat dan kerajaan menangani krisis ekonomi negara. Mungkin dengan cara pengenalan pemberian rebat isi padu air atau tenaga elektrik maka pengguna mendapat nilai yang lebih rendah. Dalam penggunaan air, tenaga elektrik dan nilai penjimatan ini bakal digunakan untuk menjana ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan perlu mempercepatkan projek perluasan liputan *broadband* bagi membantu peniaga-peniaga memasarkan produk-produk mereka menerusi teknologi ICT. Selain membantu pengusaha-pengusaha ICT yang terjejas ekoran krisis ekonomi semasa kerajaan perlu lebih pro aktif membantu usahawan sektor ICT agar ia tidak akan menyebabkan ramai pekerja di sektor ICT ini diberhentikan. Tuan Yang di-Pertua, peluasan penggunaan teknologi ICT dalam sistem perolehan kerajaan amat signifikan dalam memastikan *survival* sektor ICT negara. Walau bagaimanapun saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan mengapa pihak-pihak pembekal dan kontraktor yang menggunakan e-perolehan dikenakan fi sebanyak 0.8% daripada jumlah kontrak atau nilai maksimum RM9,600 bagi kontrak yang melebihi RM1.2 juta. Apakah rasional kerajaan mengenai *fees* ini dalam sistem e-Perolehan. Saya juga mohon penjelasan apakah kriteria yang diguna pakai dan kos apakah yang perlu dibayar oleh kontraktor yang mendapat kontrak melalui e-Perolehan untuk membayar *fees* atau caj e-Perolehan ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini sektor pendidikan mendapat tumpuan utama rakyat jelata. Setiap kali keputusan peperiksaan UPSR, PMR, SPM, STPM diumumkan ramai pelajar-pelajar cemerlang yang mencatat keputusan tinggi jumlah yang mendapat semua bilangan 'A' dalam semua skor peperiksaan mata pelajaran setiap tahun makin bertambah. Beribu-ribu orang berebut untuk memasuki sekolah berasrama penuh MRSM dan IPTA tetapi sayang ada juga yang kecewa kerana tidak cukup tempat. Saya memohon kerajaan melihat isu ini secara serius kalau boleh banyakkkan lagi pembinaan sekolah berasrama penuh dan MRSM. Begitu juga dengan menambahkan jumlah yang ramai kemasukan pelajar-pelajar lepasan SPM dan STPM dalam kursus kritikal seperti perubatan sains dan kejuruteraan agar modal insan kelas pertama ini dapat membantu negara menggerakkan *knowledge based economy* bagi membina keupayaan masa hadapan yang lebih kukuh.

Dalam dasar liberalisasi perkhidmatan Pelan Integriti Nasional, penubuhan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman, penubuhan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan dan penggunaan teknologi terkini dalam struktur perkhidmatan negara boleh mengubah persepsi kumpulan pelabur asing untuk menanam modal di Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dengan pelaburan yang dibuat oleh Khazanah, ia bakal memberi nilai tambah untuk memantapkan ekonomi negara. Dalam keadaan ekonomi pada hari ini kerajaan perlu mendasarkan perkembangan inovasi dalam sektor industri pembuatan dan perusahaan negara.

Langkah memantapkan sektor harga tanah dengan membina lebih banyak rumah mesra rakyat oleh SPNB akan menjadikan sektor pembinaan negara mendapat lebih impak dalam urusan pemantapan ekonomi negara. Dengan pengurangan sektor perdagangan eksport negara, pengukuhan asas ekonomi setempat perlu mendapat sokongan seluruh rakyat. Jentera kerajaan perlulah bersedia dan bersama-sama kerajaan mencari formula dan menggerakkan dasar kerajaan secara efektif dan penuh integriti.

Harapan saya agar semua agensi kerajaan terutama penguatkuasaan agar lebih prihatin dengan masalah rakyat dan harus memudah urusan melibatkan urusan rasmi kerajaan dan meminimumkan sumber dalam perbelanjaan kendalian urusan kerajaan. Saya percaya sekiranya pengukuhan integriti jabatan atau agensi kerajaan dapat diperkuatkan, usaha pimpinan kerajaan menangani isu ekonomi akan berjalan lancar. Tuan Yang di-Pertua, dua minggu lepas berakhir sudah Perhimpunan Agung UMNO dan pemilihan barisan kepimpinan tertinggi UMNO. Yang Amat Berhormat Tun Abdullah Ahmad Badawi telah pun menamatkan tempoh perkhidmatan selama lima tahun lima bulan dalam memimpin negara. Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah dan terima kasih kerana sepanjang tempoh pentadbiran beliau banyak perkara telah dilakukan. Jasa beliau kepada negara akan kekal tersemat dalam lipatan sejarah negara. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menggesa semua Ahli Dewan Negara dan juga seluruh rakyat Malaysia untuk memberi sepenuh kerjasama dan iltizam yang lebih padu kepada bakal kepimpinan baru di bawah Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak. Kita mestikan bersama beliau mengemudi negara dan memastikan negara bebas daripada krisis ekonomi dunia. Dengan ini saya turut menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Nor.

4.20 ptg.

Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Nor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.
Bismillahi Rahmani Rahim.

■1620

Tuan Yang di-Pertua: Saya kira dalam masalah Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2008/2009 yang berikutnya, kalau saya berikan Ahli-ahli cakap pun, dia cakap yang sama juga. Jadi yang sekarang pun sudah cakap yang sudah cakap. Jadi sebab itulah saya bagi dia orang cakap sekarang yang rang undang-undang berikut tidak usah cakaplah. Silakan.

Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Nor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Wira Syed Ali hendak bangun tadi tidak bangun, saya tunggu Datuk bangun.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Saya ingat hendak bercakap rang undang-undang satu lagi selepas ini Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sama ada sempat rang undang-undang tu hari ini, esok saya pun tidak tahu.

Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Nor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih memberi peluang kepada saya untuk membahaskan. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat bekas Perdana Menteri Tun Haji Abdullah Ahmad Badawi dan isteri tersayang Tun Jeane Abdullah, bekas Perdana Menteri yang menyerahkan jawatan yang terbaik secara peralihan, untuk diikuti oleh semua kepimpinan yang akan datang, insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, isu pelajaran kekurangan guru. Isu kekurangan guru terutamanya guru bahasa Inggeris di luar bandar bukanlah satu isu baru tetapi kami di kawasan luar bandar dan di pedalaman bukan hanya kurang guru bahasa Inggeris sahaja tetapi masalah kekurangan guru masih lagi belum diatasi. Sebagai contoh di kawasan Parlimen Gua Musang walaupun sesi persekolahan telah pun memasuki tempoh empat bulan namun masalah kami yang kekurangan seramai 89 orang guru masih belum terisi.

Saya bukannya hendak mempolitikkan isu pelajaran ataupun isu PPSMI. Segala perancangan dan pelan pembangunan amat cantik tersusun indah pada helaian kertas. Maaf, namun hakikat yang kami terima terutamanya masyarakat luar bandar dan pedalaman yang majoritinya terdiri daripada masyarakat Melayu dan juga masyarakat Orang Asli amat memeritkan, amat mendukacitakan. Keputusan peperiksaan mereka dikatakan semakin merosot. Benar atau tidak, saya mohon kepada kementerian yang melakukan kajian terperinci melaksanakan PPSMI kepada pelajar-pelajar luar bandar dan pedalaman dan jika telah dilakukan kajian, berikanlah jawapan yang telus kepada kami.

Saya tidak mahu untuk jangka masa panjang kerana ini memartabatkan bahasa Inggeris sebagai bahasa ilmu. Bangsa Melayu di pedalaman dan luar bandar akan terpinggir. Seperti yang berlaku kepada tulisan jawi hari ini yang telah kita korbankan kesan daripada dasar kita lebih 30 tahun dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya saya menyatakan pihak Kementerian Pelajaran Malaysia gagal menyediakan guru-guru bahasa Inggeris atau BI, yang mencukupi sudah tentu mereka kata kita sudah cukup guru BI tetapi ramai di antara mereka mengajar di bandar-bandar. Jadi luar bandar tidak cukup guru bahasa Inggeris. Para pengetua sekolah menengah di luar bandar dan FELDA tentu banyak pengalaman ini. Apabila masa penempatan guru-guru BI yang baru, hanya nama sahaja yang sampai tetapi yang empunya badan, diri tidak sampai-sampai ke sekolah itu. Ini biasa berlaku di sekolah luar bandar apatah lagi sekolah-sekolah di pedalaman di kawasan Orang Asli.

Justeru itu, saya ingin mencadangkan agar lebih ramai calon-calon guru diambil dari kawasan luar bandar dan pedalaman walaupun keputusan peperiksaan SPM mereka tidak banyak mempunyai markah 'A'. Ini kerana selepas tamat tempoh pendidikan mereka itu pulang ke kawasan luar bandar untuk berkhidmat dengan rela hati. Begitu juga dengan kaedah pengajaran bahasa Inggeris cara paling sesuai untuk masyarakat negara ini dicari. Ajaklah para profesor atau cerdik pandai bahasa Inggeris di semua universiti, IPT di negara ini buat persidangan dan penyelidikan tentang cara paling sesuai mengajar bahasa Inggeris.

Jangan buat keputusan tanpa membuat penyelidikan dahulu. Apa akan jadi kepada anak-anak kita yang menjadi mangsa dasar yang tidak begitu bernas untuk mereka dan dijadikan mereka ini mangsa ego kita semua. Yang cemerlang berjaya kebanyakan kawasan luar bandar. Apa jadi kepada anak-anak kita yang di pedalaman di luar bandar adalah bangsa Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mewakili kawasan masyarakat luar bandar. Namun jauh di Gua Musang kebanyakan mereka ini hidup di dalam miskin dan miskin tegar. Oleh yang demikian sebarang kenaikan harga barang amat membebankan mereka. Ini maklum harga minyak di dalam negara telah lama diturunkan dan tujuh kali penurunan dilakukan. Pihak kementerian juga telah melantik seramai 2,000 kakitangan tambahan untuk memantau penurunan harga-harga barangan di pasaran tetapi di tempat saya harga barang-barang masih lagi tinggi. Kami yang miskin ini masih lagi tertindas kesan kenaikan harga minyak yang lalu.

Justeru itu, saya memohon pegawai-pegawai yang dilantik, yang dibayar gaji oleh kementerian turunlah lebih kerap di kawasan-kawasan luar bandar di pedalaman terutamanya di kawasan saya di pedalaman Gua Musang. Jika tidak usaha kerajaan menurunkan harga minyak dan pelantikan pegawai-pegawai penguat kuasa baru tidak memberi erti kepada kami penduduk-penduduk di luar bandar terutamanya di kawasan pedalaman.

Tuan Yang di-Pertua, isu peranan wanita di dalam pentadbiran. Kita tahu di negara ini senario penyertaan wanita di sektor kerajaan tidak selari dengan penyertaan mereka di dalam pilihan raya. Walaupun tidak ramai golongan wanita yang terlibat di dalam pemilihan di Dewan Rakyat hanya 10% sahaja atau di Dewan Negara hanya 25% tetapi peranan mereka menentukan kemenangan sesebuah parti politik semakin besar.

Di dalam isu Islam. Di dalam Islam, wanita seperti mana juga dengan lelaki diiktiraf sebagai khalifah Allah. Tanggungjawab utama khalifah Allah adalah untuk menegakkan yang makruf dan mencegah yang mungkar. Untuk menaikkan dan menunaikan tanggungjawab ini, wanita dan laki-laki harus memainkan peranan tertentu di kalangan keluarga mahupun di dalam masyarakat. Sekiranya peranan wanita dibataskan kepada keluarga semata-mata dan mereka dinafikan sebagai tanggungjawab, sebarang tanggungjawab di dalam gelanggang awam, masyarakat, politik dan lain-lain ini bermakna bahawa wanita sebagai khalifah Allah tidak dapat menyempurnakan tanggungjawabnya seperti mana yang dikehendaki dalam Al-Quran.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam laporan *International Parliament Union 2005* menyatakan terdapat 20 buah negara yang telah mencapai 30% wanita di dalam Parlimen di mana Rwanda menerajui jumlah ini dengan 48.8% diikuti Sweden 45.3%, Norway 37.9%, Denmark 39.7% dan Belanda 36.7%. Kejayaan negara-negara ini menambah penyertaan wanita di dalam pentadbiran kerajaan adalah kerana komitmen yang sangat tinggi bagi menjayakan resolusi konvensyen antarabangsa *Beijing Platform for Action*.

■ 1630

Menurut Doktor Fizar, Pengarah Eksekutif Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bagi wanita, sehingga kini dunia telah menyaksikan banyak kejayaan besar wanita-wanita. Antaranya adalah 11 Ketua Negara, 23 Menteri Luar dan 12 Menteri Pertahanan. Malah sebuah negara mundur di benua Afrika, Rwanda telah mencipta sejarah tersendiri apabila 49% kerusi Parlimennya dikuasai wanita iaitu jumlah tertinggi di dunia mengatasi negara-negara maju yang lain. Wanita-wanita yang telah menguasai bidang ekonomi, setakat ini terdapat 20 orang Menteri Ekonomi, serta 40 Menteri berkaitan dengan perdagangan dan industri di kalangan kaum wanita. Wanita di sektor swasta juga memperlihatkan penguasaan yang kukuh di mana berdasarkan kajian yang telah dibuat oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, sekurang-kurangnya sepuluh daripada 50 syarikat dimiliki oleh golongan wanita.

Tuan Yang di-Pertua, mengapa saya membawa isu ini? Kita lihat situasi kedudukan wanita di negara ini, golongan ini walaupun banyak jasa kepada parti, namun hanya sedikit pengiktirafan yang diberikan. Saya juga maklum ramai ahli-ahli profesional di negara ini terdiri dari golongan wanita. Namun, yang ingin saya pinta adalah golongan wanita di peringkat pembuat dasar negara haruslah ditambah. Kini kita hanya ada 10% sahaja di Dewan Rakyat dan di 25% Dewan Negara. Itu pun makin hari makin terhakis sedangkan untuk membentuk sesuatu dasar yang lebih praktikal, keputusan dan pandangan wanita perlulah diiktiraf.

Justeru itu, saya menyeru agar barisan Kabinet baru yang akan dibentuk oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak akan memberi peluang yang lebih banyak kepada kaum wanita di dalam barisan Kabinetnya memandangkan bukan hanya populasi wanita negara ini yang telah melebihi 50% tetapi juga ialah wanita profesional ataupun cerdik pandai negara sudah sampai masanya diberi peluang yang sama dengan golongan lelaki di dalam pentadbiran negara.

Tuan Yang di-Pertua, isu penggunaan perkataan Allah agama-agama lain. Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan Islam sebagai agama Persekutuan di samping agama-agama lain bebas untuk diamalkan. Allah kepada orang Islam adalah merujuk kepada Al-Quran yang bermaksud: "*Katakanlah Dia adalah Allah yang Maha Esa. Allah yang Maha Kekal Abadi, tiada kesudahan. Allah tiada Dia beranak dan tiada pula Dia diperanakkan. Dan baginya Allah tiada sesuatu pun tara. Allah yang Maha Agung, Allah yang Maha Berkuasa, Allah yang Maha Adil, Allah yang Maha Bijaksana*"

Sesetengah pemimpin bukan Islam mendakwa istilah Allah digunakan oleh mereka atau di dalam tulisan mereka tidak bermaksud menggosokan masyarakat Islam atau mencetuskan kekeliruan. Biarlah saya tegaskan di sini bahawa dakwaan yang mereka tidak berniat menyinggung perasaan atau menimbulkan kebingungan masyarakat Islam sebenarnya telah pun menggosokan orang Islam dan juga telah menimbulkan suasana bantahan majoriti masyarakat Islam di dalam negara ini. Ingatlah, jangan cuba-cuba mereka yang tidak bertanggungjawab mempersendakan Islam dengan kalimah Allah yang Maha Agung dan yang Maha Esa. Maka di

dalam hal ini, saya berharap agar kerajaan benar-benar bertegas dengan larangan penggunaan perkataan Allah oleh agama lain. Saya amat menyokong kepada 10 buah negeri ini yang telah jelas telah mewartakan larangan penggunaan perkataan Allah. Ingat, ingin saya bertanya bilakah negeri-negeri lain akan mengikuti jejak ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga meminta rakan-rakan saya yang bukan Muslim dan juga masyarakat yang bukan Islam harus menerima dengan hati yang terbuka dan tidak menjadikan isu ini sebagai isu yang besar kerana isu agama adalah isu sensitif yang boleh menggugat keharmonian kaum di Malaysia. Masyarakat Malaysia harus bertolak ansur mengenai perkara ini demi mengekalkan perpaduan dan keamanan yang kita kecapai sekarang. Hiduplah di bumi Malaysia ini dengan penuh kasih sayang, dengan keharmonian di semua kaum tidak kira keturunan dan kedudukan. Kita adalah rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, tanaman herba sesuatu komuniti pemangkin ekonomi. Saya juga ingin menyentuh sedikit mengenai isu pertanian iaitu mengenai tanaman herba. Dasar Pertanian Negara 1998 hingga 2010 telah mengenal pasti tanaman herba berpotensi menjadi salah satu industri yang boleh dimajukan dan berupaya mendatangkan pulangan lumayan kepada petani di negara ini. Terdapat kira-kira 2,000 spesies herba yang telah dikenal pasti dan MARDI telah mengenal pasti sebanyak 15 spesies herba yang berpotensi untuk dimajukan. Antaranya adalah lidah buaya, hempedu bumi, pegaga, kunyit, serai wangi, tongkat ali, cekur, mengkudu dan lain-lain. Industri herba aromatik negara ini mempunyai nilai pasaran sebanyak RM4.5 bilion setahun dan dijangka akan terus meningkat.

Namun, malangnya, hanya 5% sahaja daripada nilai pasaran ini menggunakan produk tempatan dan 60% daripada bekalan bahan mentah ini masih secara terus diambil dari hutan. Justeru itu, saya ingin bertanya kepada kementerian, apakah usaha kerajaan untuk membangunkan industri herba negara ini dan saya juga ingin mencadangkan agar masyarakat Orang Asli diberi ruang untuk memajukan tanaman herba di negara ini memandangkan cara hidup dan budaya mereka yang rapat dengan alam sekeliling.

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagi, Yang Berhormat?

Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Nor: Sikit. Dua minit. Saya juga ingin bertanya apakah usaha-usaha yang telah diambil untuk membawa teknologi kepakaran dan hasil-hasil penemuan MARDI ini kepada para petani terutamanya kepada petani-petani di luar bandar dan juga kepada masyarakat Orang Asli di Parlimen Gua Musang yang masih banyak tanah untuk mereka guna untuk bertani sebagai menambah pendapatan keluarga. Sekian, saya mohon menyokong Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Nor: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan. Sila jawab dan gulung. Kalau boleh Yang Berhormat Timbalan

Menteri cuba habiskan sebelum pukul 5.30 petang. Kita ada lapan rang undang-undang lagi. Kita boleh mula esok dengan rang undang-undang berikutnya. Terima kasih.

4.39 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Kong Cho Ha]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat...

Tuan Yang di-Pertua: Esok Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee boleh bangun.

Dato' Kong Cho Ha: ...Yang telah mengambil bahagian dan menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh jawab sekadar yang mampulah. Apa yang tertinggal, tertinggallah. Apa hendak buat, gulung, terima kasih.

Dato' Kong Cho Ha: Kerajaan sangat...

Tuan Yang di-Pertua: Yang pentingnya undi.

Dato' Kong Cho Ha: Kerajaan sangat menghargai akan cadangan, pandangan dan teguran yang telah diberi terhadap beberapa perkara yang dibentangkan dalam rang undang-undang tersebut.

■1640

Terdapat pelbagai isu yang menyentuh dasar kerajaan yang telah dibangkitkan. Ada di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat memberi pandangan yang bernas dan cadangan yang membina untuk kepentingan rakyat dan negara. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada tujuh orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan.

Mereka adalah Yang Berhormat Senator Dato' Gooi Hoe Hin, Yang Berhormat Senator Datuk Sim Kheng Hui, Yang Berhormat Senator Dato' Wong Siong Hwee, Yang Berhormat Senator Datuk Akbar bin Ali, Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Saripah Aminah, Yang Berhormat Senator Dato' Kamarudin bin Ambok dan Yang Berhormat Senator Hajah Wan Hazani. Jadi untuk makluman Yang Berhormat sekalian, sebenarnya pakej rangsangan yang kerajaan mengemukakan baru-baru ini ataupun Pakej Rangsangan Kedua ini adalah satu pakej rangsangan yang menyeluruh dan ia melibatkan semua sektor ekonomi negara untuk menangani masalah krisis ekonomi yang kita alami sekarang.

Sektor-sektor seperti pembinaan, pertanian, pembuatan, sektor perkhidmatan pendidikan, kemudahan asas dan sebagainya. Saya juga bersetuju dengan beberapa Ahli Yang Berhormat yang mengatakan bahawa krisis ekonomi dan kelembapan ekonomi pada masa sekarang adalah oleh kerana akibat penurunan permintaan ataupun *reduce demand*. Bagi saya ini adalah satu sebab yang paling besar dan ini juga telah pun menimbulkan satu masalah rangkaian, di mana semua sektor ekonomi terjejas oleh kerana penurunan permintaan ataupun *reduce demand* ini.

Penambahan itu, kekurangan keyakinan dan masalah psikologi terhadap ekonomi juga menjadi satu unsur di mana ekonomi menjadi lebih teruk. Saya selalu kata bahawa bagaimana

kalau kita berasa, kita berasa kaya ataupun kita berasa miskin. Kalau kita mempunyai aset yang sama seperti harta benda yang sama, tanah yang sama, rumah yang sama dan juga ekuiti ataupun portfolio saham yang sama. Akan tetapi pada masa krisis ekonomi semua harga benda-benda yang kita ada itu turun dan kita berasa miskin.

Oleh kerana itu hendaklah kita mengurangkan perbelanjaan. Ini juga mengakibatkan satu reaksi penurunan permintaan. Dalam masa ekonomi yang baik walaupun semua harta benda yang sama itu, portfolio yang sama, rumah yang sama, kereta yang sama dan sebagainya tetapi kita berasa kaya. Ini kerana nilai harta benda yang kita ada itu lebih tinggi pada masa ekonomi itu cerah.

Tuan Yang di-Pertua: Apa pandangan Yang Berhormat terhadap kata-kata Presiden Brazil, Lula da Silva, "*All these caused by the irrational behavior of men with white skin and blue eyes who think they know everything.*"...

Dato' Kong Cho Ha: Bagi menjawab Tuan Yang di-Pertua, saya ingat...

Tuan Yang di-Pertua: *Now we know, they don't know everything.*

Dato' Kong Cho Ha: Itu saya tidak boleh komen. Akan tetapi apa yang saya boleh kata bahawa krisis ekonomi kali ini bermula di Amerika Syarikat dan Eropah. Ia juga mengakibatkan negara-negara di seluruh dunia termasuk negara kita juga. Ini untuk saya juga adalah kerana penurunan permintaan dan dasar pengurusan institusi kewangan yang tidak mampan oleh Amerika Syarikat dan negara-negara Eropah.

Pakej Rangsangan Ekonomi kali ini juga merangkumi unsur-unsur untuk menolong semua IKS di negara kita dan seperti semua negara yang lain, kerajaan negara kita juga berharap bahawa Pakej Rangsangan Ekonomi yang kita laksanakan ini akan berkesan. Sama dengan negara-negara yang lain ataupun kerajaan-kerajaan yang lain. Mereka juga harap bahawa pakej yang mereka laksanakan itu juga berkesan untuk negara mereka juga.

Baru-baru ini kita juga nampak dan apa yang dikatakan oleh hampir semua Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan, bahawa baru-baru ini pelantikan seorang Perdana Menteri baru di negara kita, juga kita nampak kembalinya keyakinan dan *psychological*, perubahan psikologi di kalangan pihak pelabur dan rakyat di negara kita. Di mana kita nampak dalam masa lebih kurang sepuluh hari yang lepas ini Bursa Saham kita nampaknya telah pun meningkat dengan ketara. Ini juga untuk saya adalah oleh kerana keyakinan dan unsur psikologi.

Di sini saya juga ingin menjawab beberapa soalan yang khusus seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Gooi Hoe Hin, bahawa nilai pakej rangsang RM60 bilion ini perlu ditambah. Ini di kalangan rakyat kita juga ada banyak mereka yang kata pakej ini tidak cukup besar.

Bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat, sebenarnya untuk tahun 2009, bajet kerajaan untuk tahun 2009 adalah sebanyak RM206 *billion*. Pakej Rangsangan Pertama adalah RM7 bilion dan Pakej Rangsangan Kedua ini RM60 bilion.

Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan kita juga mengatakan bahawa bajet 2010 juga kita akan melaksanakan satu bajet yang melebihi RM200 bilion. Kalau kita campur semua ini hampir RM500 *billion* perlu dibelanjakan untuk merangsang ekonomi negara. Jadi kalau kita tengok jumlah angka sebanyak RM500 *billion* untuk saya ini adalah satu angka yang besar.

■1650

Mungkin kita mempunyai masalah bukan sahaja oleh kerana tidak cukup wang tetapi oleh kerana sistem pelaksana kita mungkin tidak mampu melaksanakan dengan kadar yang cepat. Itu juga yang dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat bahawa mereka hendak tengok bahawa pakej ini, wang yang diumumkan ini, semua projek dan sebagainya dilaksanakan dengan lebih cepat lagi.

Yang Berhormat Senator Dato' Gooi juga bertanya berkenaan dengan Malaysia disenaraihitamkan sebagai *tax haven* oleh OECD baru-baru ini. Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya Menteri Kewangan kita telah pun memberi satu jawapan bertulis kepada pihak-pihak yang berkenaan, berkenaan dengan langkah-langkah yang kerajaan kita telah ambil supaya pertukaran alamat ataupun *exchange of information* dalam model perjanjian penggalakan cukai dua kali ini yang digunakan oleh OECD untuk dipatuhi dan kerajaan pada masa ini sedang mengambil langkah ke arah mengguna pakai sepenuhnya peruntukan pertukaran maklumat tersebut. Kita juga telah pun berkomunikasi dengan OECD supaya penyenaian hitam tersebut digugurkan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya kira mungkin yang pedih itu ialah kita digolongkan bersama Costa Rica dan Filipina. Terima kasih.

Dato' Kong Cho Ha: Sebenarnya pada tahun 2008, kita juga buat satu pindaan akta kepada *International Business and Financial Center* Labuan supaya kita juga telah menambahbaikkan kaedah kita untuk menjadi lebih telus di mana perkongsian maklumat ataupun pertukaran maklumat atau *exchange of information* itu lebih telus. Yang mereka khuatir adalah *money laundering*. Kita juga telah pun mengambil langkah-langkah yang tertentu untuk menangani masalah tersebut.

Berkenaan dengan pertukaran mata wang Ringgit dengan Dolar Amerika Syarikat, untuk makluman Yang Berhormat, Bank Negara Malaysia sentiasa memantau pergerakan nilai mata wang Ringgit bagi memastikan nilai Ringgit diselaraskan secara teratur dan fleksibel dan Ringgit tidak berubah secara keterlaluan ataupun terkeluar daripada jajarannya. Penurunan nilai Ringgit yang berlaku adalah bukan didorong oleh aktiviti spekulasi. Ia adalah disebabkan oleh berlakunya aktiviti *deliberating* iaitu usaha pelabur dari Amerika Syarikat untuk melupuskan pelaburan luar negara mereka bagi memperoleh mudah tunai dalam Dolar Amerika.

Ini adalah untuk melindungi kerugian yang dialami atau mengukuhkan kedudukan kewangan di negara mereka akibat krisis kewangan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kebanyakan mata wang serantau mengalami penurunan nilai berbanding dengan nilai Dolar Amerika. Kejatuhan nilai Ringgit berbanding Dolar Amerika hanya sebanyak 8.5% dan ini juga

tidak seteruk nilai kejatuhan nilai mata wang serantau yang lain berbanding Dolar Amerika. Di sini kita tengok bahawa mata wang Peso Filipina merosot 14.4%, Baht Thailand merosot 15.9%, Rupiah Indonesia merosot 18.3% dan Won Korea merosot 30.6%.

Jadi ini kalau dibandingkan dengan mata wang negara kita juga dengan mata wang seperti Pound Sterling, nilai Ringgit juga telah meningkat 26.2% dan Dolar Australia berbanding dengan Ringgit, Ringgit itu meningkat 15.1% sejak tahun 2008 lagi.

Yang Berhormat Dato' Gooi juga meminta kerajaan kaji agar pampasan tol tidak berterusan. Memang kerajaan telah pun mengambil inisiatif untuk mengkaji bagaimana kerajaan boleh capai satu persefahaman di mana kemungkinan kerajaan boleh memiliki keseluruhan jalan-jalan tol di seluruh negara dan kita juga faham bahawa melalui syarikat GLC dan GLIC, kerajaan telah pun memiliki lebih daripada 75% semua jalan tol di seluruh negara.

Masalah kita adalah kalau kita menggunakan wang KWSP dan sebagainya untuk membeli keseluruhan jalan tol ini, jadi bagaimana KWSP dapat menjana keuntungan yang secukupnya untuk membayar dividen kepada ahli-ahli ataupun pencarum KWSP. Akan tetapi walau bagaimanapun, kerajaan masih mencari jalan penyelesaian berkenaan dengan masalah perjanjian konsesi jalan-jalan tol kita.

Menjawab perbahasan Yang Berhormat Senator Datuk Sim Kheng Hui berkenaan dengan bahawa peruntukan untuk Sabah dan Sarawak itu masih jauh tidak mencukupi dan perlu ditambah peruntukan dalam pakej rangsangan yang akan datang. Jadi kerajaan memang mengambil berat mengenai keperluan pembangunan di negeri Sabah dan Sarawak dan akan memberi perhatian sewajarnya terhadap cadangan untuk menambah peruntukan untuk pembangunan di Sabah dan Sarawak.

Jadi untuk makluman Yang Berhormat Senator Datuk Sim bahawa sebelum ini kerajaan juga telah pun mengumumkan peruntukan sebanyak RM1 bilion untuk meningkatkan semua kemudahan asas di Sabah dan juga RM1 bilion untuk negeri Sarawak, tetapi kerajaan memang prihatin tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk dan rakyat di negeri Sabah dan Sarawak.

■1700

Yang Berhormat Senator Datuk Sim Kheng Hui juga mengemukakan soalan berkenaan dengan Pakej Rangsangan Pertama dan Kedua perlu disalurkan secepat mungkin. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 90% daripada peruntukan Pakej Rangsangan Pertama, 90% projek-projek itu telah pun diluluskan. Kita harap bahawa pada bulan Jun ini projek bernilai RM5.2 bilion akan ditawarkan untuk dilaksanakan. Kerajaan juga menerima banyak aduan daripada rakyat bahawa rakyat tidak merasai kesan Pakej-pakej Rangsangan Pertama dan Kedua yang telah diumumkan ini. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerana pakej-pakej rangsangan ini ia merangkumi banyak projek, beribu-ribu projek besar dan kecil perlu dilaksanakan. Saya selalu beri satu contoh bahawa Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) juga dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan Projek Rumah Mesra Rakyat, Projek

Perumahan Kos Rendah dan sebagainya. Sebanyak RM1.2 bilion telah pun diperuntukkan untuk pelaksanaan projek-projek yang saya katakan tadi.

Akan tetapi SPNB juga memerlukan masa untuk menentukan mana-mana projek yang perlu dilaksanakan dan sama ada tanah-tanah yang sesuai itu ada ataupun tidak serta bila projek tersebut dipastikan. Jadi, pelan rumah, proses tender, tawaran dan sebagainya perlu dijalankan. Selepas itu, barulah pelaksanaan projek. Jadi, kita tahu bahawa untuk melaksanakan satu Skim Perumahan itu sekurang-kurangnya mungkin memerlukan masa setahun. Jadi, dengan proses pelaksanaan ini supaya kita dapat membelanjakan semua wang itu memang mengambil masa sedikit. Saya selalu katakan bahawa kerajaan melaksanakan projek rangsangan ekonomi dengan izin, *the government actually announced the stimulus package*, pakej stimulus ini, *if we can see the result in ten days or one week, that it is not a package, is a miracle*. Jadi, kita semua bersabarlah sedikit.

Yang Berhormat Senator Sim Kheng Hui juga bertanya berkenaan dengan potongan cukai individu yang diharap-harapkan tetapi tidak terjadi dalam Pakej Rangsangan Kedua. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, hanya 1.1 juta daripada lebih kurang 11 juta pekerja di negara kita adalah yang pembayar cukai yang betul-betul membayar cukai. Jadi ini bermakna hanya 10% pekerja sahaja di negara kita adalah yang betul-betul pembayar cukai. Jadi, kalau kita menurunkan kadar cukai pendapatan lagi ia tidak akan memanfaatkan golongan miskin di negara kita.

Yang Berhormat Senator Sim Kheng Hui juga mencadangkan pemberian wang kepada golongan yang terjejas oleh krisis ekonomi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa memberi perhatian untuk membantu golongan yang mudah terjejas dalam menghadapi krisis ekonomi khususnya dalam meningkatkan pendapatan boleh guna mereka. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, salah satu teras di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua adalah meringankan beban rakyat terutamanya golongan mudah terjejas.

Di bawah teras ini sebanyak RM10 bilion disediakan bagi melaksanakan pelbagai langkah untuk membantu golongan yang mudah terjejas berikutan kegawatan ekonomi. Ini termasuk pemberian subsidi untuk mengelakkan kenaikan harga bahan makanan harian seperti gula, roti dan tepung gandum, meningkatkan pemilikan rumah, menambahbaikkan infrastruktur awam dan kemudahan asas dan juga menerbitkan bon simpanan kerajaan, menyediakan peruntukan bagi Program Mikro Kredit dan menjaga kebajikan pekerja yang diberhentikan. Kerajaan juga mengambil langkah untuk menambah program latihan dan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan untuk mereka yang menganggur.

Untuk menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Wong Siong Hwee berkenaan dengan peruntukan tambahan bagi Program Kemajuan Perkampungan yang hanya mendapat sebanyak RM20 juta di bawah pakej rangsangan ekonomi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah meluluskan sebanyak RM30 juta di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua bagi melaksanakan projek-projek infrastruktur di Kampung Baru

termasuklah Kampung Bagan dan Kampung Baru Rangkaian. Jumlah ini merupakan tambahan kepada RM25 juta yang telah disediakan pada tahun 2009 di bawah peruntukan pembangunan.

Untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Akbar bin Ali berkenaan dengan krisis ekonomi disebabkan oleh pengurangan permintaan agregat akibat kehilangan keyakinan. Sebenarnya saya sebentar tadi telah pun menjawab secara keseluruhan bagaimana keyakinan, unsur psikologi dan pengurangan permintaan adalah sebab yang paling besar krisis ekonomi pada kali ini.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Kamarudin bin Ambok bertanya berkenaan dengan bagaimana kerajaan dapat memperkukuhkan jalinan eksport dengan negara-negara seperti India, China dan Timur Tengah. Kerajaan memang berusaha untuk mempelbagaikan pasaran eksport negara supaya tidak bergantung pada Amerika Syarikat.

■1710

Sebagai contoh sumbangan eksport negara China telah meningkat daripada 5% pada tahun 2000 kepada 10% pada tahun 2008. Eksport ke negara India dan Timur Tengah juga meningkat, terutamanya eksport komoditi seperti minyak sawit dan berkenaan dengan perkhidmatan awam yang tidak memuaskan, khasnya LRT, KTMB dan sebagainya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi meningkatkan mutu perkhidmatan pengangkutan awam, kerajaan telah menubuhkan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), yang bertanggungjawab untuk menyelaras dan merancang sistem pengangkutan awam secara bersepadu. Di samping itu, di bawah pakej rangsangan ekonomi pertama, kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM500 juta bagi menyelenggarakan dan memantapkan sistem pengangkutan awam di bandar-bandar utama.

Kerajaan juga telah membina *Integrated Transport Terminal* (ITT) di Bandar Tasik Selatan untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di Lembah Klang, di samping menyediakan jalinan rangkaian pengangkutan yang lebih baik. Walaupun peruntukan subsidi bagi makanan seperti gula, harga minyak, tepung dan sebagainya, tetapi harga produk makanan masih tinggi lagi.

Jadi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, telah melaksanakan program Kempen Penurunan Harga yang diperluaskan ke seluruh negara. Kempen disertai oleh pengusaha *supermarket*, *hypermarket*, restoran mamak dan pengeluar barangan makanan seperti Nestle dan pengeluar ayam dan sebagainya. Kesan positif kempen penurunan harga boleh dilihat dengan merujuk penurunan IHP daripada 8.5% pada bulan Ogos 2008 kepada 4.4% pada bulan Disember 2008. Kadar itu juga seterusnya menurun kepada 3.7% pada bulan Februari 2009.

Untuk menjawab perbahasan dari Yang Berhormat Dato' Hajah Saripah Aminah, berkenaan dengan kemasukan pekerja asing mahir, bahawa Kementerian Dalam Negeri memberi kelonggaran supaya pekerja asing mahir boleh diperoleh supaya pekerja tempatan dapat mempelajari kemahiran daripada pekerja-pekerja asing yang mahir. Kementerian Dalam Negeri

menerusi Jabatan Imigresen Malaysia juga sentiasa menjalankan pembaharuan dan penambahbaikan dalam prosedur untuk memastikan proses kemasukan pekerja asing di negara ini semakin efisien.

Umpamanya proses permohonan kemasukan pegawai dagang telah dipendekkan daripada 14 hari kepada tujuh hari bekerja, Mesyuarat Jawatankuasa Pegawai Dagang di Jabatan Imigresen Malaysia juga telah dijadualkan bersidang sebanyak dua kali seminggu bagi menimbang permohonan-permohonan yang telah dikemukakan. Kementerian menyedari bahawa pegawai dagang atau pakar asing, mempunyai pengaruh yang tinggi dalam pembangunan ekonomi dari segi kepakaran dan pindahan teknologi di samping dapat menarik pelaburan asing ke negara ini.

Walau bagaimanapun, beberapa perkara berikut adalah diberi perhatian dalam memproses kemasukan tenaga pekerja asing ke negara ini. Peraturan-peraturan sedia ada berkaitan penggajian pekerja asing sentiasa diperkemas dari semasa ke semasa, demi menjaga kepentingan negara, khususnya menjamin tenaga kerja tempatan. Mengikut perangkaan dari Jabatan Tenaga Kerja, Kementerian Sumber Manusia sehingga 25 September 2008, terdapat sebanyak 102 ribu orang graduan menganggur.

Oleh itu, sebarang syarat-syarat dalam permohonan pengambilan tenaga pakar asing dari luar negara seharusnya mengambil kira senario tersebut bagi menjamin kepentingan graduan tempatan. Kelulusan pas penggajian hanya akan diberikan kepada sektor-sektor yang kritikal dan tidak mempunyai kepakaran tempatan sahaja.

Untuk menjawab perbincangan dari Yang Berhormat Puan Hajah Wan Hazani, berkenaan dengan masalah isu kekurangan guru di luar bandar belum diatasi, khasnya di kawasan Gua Musang yang masih kekurangan seramai 89 orang guru. Kementerian Pelajaran Malaysia sentiasa mengambil pelbagai langkah dalam menangani masalah kekurangan guru terlatih dalam pelbagai opsyen di seluruh negara termasuklah di kawasan Gua Musang.

■ 1720

Sehubungan itu, Kementerian Pelajaran Malaysia telah melatih guru-guru dengan pelbagai mod latihan perguruan antaranya Kursus Diploma Perguruan Malaysia (KDC), Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI), Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan, Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan atau *Bachelor of Education*, Program Ijazah Sarjana Muda Pelajar Cemerlang dan Program Khas Pensiswazahan Guru. Kementerian Pendidikan melatih guru berdasarkan bilangan unjuran guru yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Unjuran Keperluan Guru. Kementerian Pelajaran juga telah mengadakan program khas bagi melatih guru yang akan ditempatkan khususnya di kawasan luar bandar dan pedalaman bukan sahaja negeri Kelantan tetapi juga di negeri Sabah dan Sarawak.

Yang Berhormat Hajah Hazani juga meminta pegawai penguat kuasa turun ke kawasan Gua Musang untuk memantau harga barangan pengguna di luar bandar. Kementerian Hal Ehwal Pengguna dan pegawai-pegawai penguat kuasa dan pemantau harga sentiasa menjalankan

pemantauan dan pemeriksaan termasuk kawasan luar bandar. Kementerian Hal Ehwal Pengguna mendapati bahawa harga barangan mahal di kawasan luar bandar adalah disebabkan oleh kos pengangkutan yang tinggi. Jabatan Hal Ehwal Pengguna telah mendapat peruntukan sebanyak RM8 juta di bawah Bajet Rangsangan Ekonomi yang Kedua ini untuk melaksanakan program pengedaran barang perlu bersubsidi di luar bandar. Pelaksanaan projek di kawasan Gua Musang sedang dalam kajian dan akan dilaksanakan pada bulan Mei 2009.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan dan mengemukakan pandangan serta saranan untuk perhatian kerajaan dan untuk mana-mana perkara yang tidak dapat dan tidak sempat dijawab, sukacitanya saya maklumkan bahawa kementerian akan mengambil maklum dan memberi perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua.

Bacaan Kali Yang Ketiga

Dato' Kong Cho Ha: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan bagi perkhidmatan untuk tahun 2009 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi bahagian tahun itu disetujui tanpa pindaan.

Saya mohon mencadangkan bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 53(2) Mesyuarat Majlis Dewan Negara, bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menyokong usul itu.

Tuan Yang di-Pertua: Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini di bacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang ketiga.

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2008) 2009****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh gunakan masa dua minit setengah ini untuk mula membentang. Terima kasih.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Kong Cho Ha]: Tuan Yang di-Pertua, dua minit tak habislah.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh mula bentang Yang Berhormat.

5.27 ptg.

Dato' Kong Cho Ha: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan bagi perkhidmatan untuk sebahagian daripada tahun 2008 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi bahagian tahun ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh terus huraikan sedikit.

Dato' Kong Cho Ha: Tuan Yang di-Pertua, peruntukan Tambahan Perbelanjaan Mengurus Kedua, tahun 2008 ini dibentangkan menurut Perkara 100 dan 101, Perlembagaan Persekutuan iaitu bagi memperoleh kelulusan terhadap perbelanjaan yang tidak diperuntukkan atau terkurang diperuntukkan dalam Bajet 2008 yang telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

Anggaran perbelanjaan mengurus tambahan kedua 2008 yang dibentangkan adalah berjumlah dua belas bilion sembilan ratus lima puluh lapan perpuluhan enam juta (RM12,958.600.000). Sebanyak satu bilion lapan ratus dua puluh enam perpuluhan empat juta (RM1,826.400.000) adalah tambahan perbelanjaan tanggungan dan sebanyak sebelas bilion seratus tiga puluh dua perpuluhan dua juta (RM11,132.200.000) adalah untuk membiayai perbelanjaan bekalan dan sebanyak satu bilion dua ratus dua puluh tujuh perpuluhan lapan juta (RM1,227.800.000) daripada jumlah tersebut telah didahulukan daripada Kumpulan Wang Luar Jangka.

Bagi Perbelanjaan Tanggungan Tambahan terbesar adalah sebanyak satu bilion enam ratus sebelas perpuluhan lapan juta (RM1,611.800.000) untuk maksud P.14 – Pencen, Elaun Bersara dan Ganjaran bagi membiayai tambahan bayaran pencen kepada para pesara disebabkan kenaikan gaji yang diumumkan oleh kerajaan berkuat kuasa 1 Julai 2007....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh sambung esok. Terima kasih.

Dato' Kong Cho Ha: Saya habiskan sepuluh minit?

Tuan Yang di-Pertua: Tiada yang nak menyokong, Yang Berhormat. Tiada ahli yang nak menyokong. Saya pun harapkan begitu juga tetapi bila saya tinjau, tengok tiada ahli yang nak sokong. Jadi, keberatan juga. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Kong Cho Ha: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Selepas Yang Berhormat berucap, saya akan memberi peluang untuk mula bahas Datuk Wira Syed Ali sebab beliau tamat tempoh pada 20 April. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sekarang. Dewan bersidang semula pada pukul 10 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.